

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

Dalam bab ini dibincangkan dapatan kajian berhubung dengan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1. Perbincangan dimulakan dengan mendeskripsi tapak dan profil empat orang peserta kajian serta konsepsi mereka terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani. Perkara ini disusuli dengan pemerihalan tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah yang melibatkan rantaian perancangan, penyampaian, dan penilaian oleh semua peserta kajian.

#### **Tapak dan Peserta Kajian**

Empat orang guru yang terlibat dalam kajian ini ialah Amelia, Sara, Shaari dan Azim (kesemuanya nama samaran) merupakan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Tingkatan 1 di tiga buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur. Amelia bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Satu (SMK Satu), Sara dan Shaari pula bertugas di sekolah yang sama iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Dua (SMK Dua), manakala Azim bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiga (SMK Tiga). Ketiga-tiga sekolah yang dinamakan dengan nama samaran tersebut terletak di sekitar Lembah Kelang. Jadual 4.1 memaparkan ringkasan profil keempat-empat orang peserta kajian tersebut.

Jadual 4.1

*Ringkasan Profil Peserta Kajian*

Nama	Amelia	Sara	Shaari	Azim
Nama Sekolah	SMK Satu	SMK Dua	SMK Dua	SMK Tiga
Opsyen	Pendidikan Jasmani	Matematik	Sukan dan Rekreasi	Pendidikan Jasmani
Lulusan Ikhtisas	Universiti	Universiti	Universiti	Maktab Perguruan
Jantina	Perempuan	Perempuan	Lelaki	Lelaki
Bangsa	Melayu	Melayu	Melayu	Melayu

***SMK Satu***

SMK Satu terletak berhampiran pusat membeli belah di Kuala Lumpur. Walaupun sekolah terletak di tempat yang sibuk dengan kenderaan, suasana sekolah agak tenang dan sunyi. Jarang sekali kedengaran bunyi bising suara murid-murid di sekolah ini. Hal ini mungkin disebabkan jumlah muridnya yang hanya seramai 329 orang dengan 36 orang tenaga pengajar dan lapan orang staf sokongan. SMK Satu mempunyai dua orang guru yang beropsyen Pendidikan Jasmani dan salah seorang daripadanya ialah Amelia. Bilangan murid yang seramai itu juga membuatkan SMK Satu hanya menjalankan operasi persekolahan pada satu sesi bermula pada pukul 7.30 pagi sehingga 2.30 petang setiap hari.

SMK Satu mempunyai kawasan yang begitu terhad dengan kemudahan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani yang terbatas.

Apabila seseorang memasuki kawasan sekolah tersebut, akan terdapat dewan terbuka yang terletak di sebelah kanan berhampiran pintu masuk sekolah yang menjadi tapak utama pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani dijalankan. SMK Satu juga mempunyai sebuah gelanggang bola keranjang, iaitu satu-satunya gelanggang yang terdapat di sekolah ini. Gelanggang tersebut terletak di tengah-tengah antara blok bangunan setinggi tiga tingkat. Ada kalanya gelanggang ini menjadi tempat guru-guru untuk meletakkan kenderaan mereka.

SMK Satu mempunyai sebuah gimnasium yang terletak di tingkat satu Blok C. Gimnasium ini dilengkapi dengan peralatan seperti basikal *ergometer*, bangku gim (*gym bench*), satu set *barbell* dan beberapa set *dumbbell* berserta raknya sekali. Sekolah ini juga mempunyai stesen kecergasan (*fitness station*) seluas sembilan kaki persegi dengan 16 stesen, bagi membolehkan aktiviti seperti latihan litar dijalankan. Stesen kecergasan begini jarang terdapat di sekolah-sekolah lain di Kuala Lumpur. Hal ini mungkin disebabkan keluasan sekolah yang terhad, memberi kelebihan SMK Satu memiliki stesen kecergasan seperti itu.

Sungguhpun SMK Satu tidak mempunyai padang permainan tetapi ruang yang ada dimaksimumkan oleh guru-guru Pendidikan Jasmani di sini untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (SMPB/CLAP/CT/Konteks). Ruang yang terhad juga membataskan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Guru hanya dapat menjalankan aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di gelanggang bola keranjang walaupun aktiviti tersebut sepatutnya dijalankan di padang. Murid-murid juga hanya berpeluang menjalankan aktiviti seperti lontar peluru dan lari pecut di kawasan yang

bertanah di tepi-tepi taman bunga di sekitar kawasan sekolahnya (SMPB/TB/CT/01(25/3). Situasi ini menyebabkan aktiviti murid agak terbatas untuk melakukan latihan (SMPB/CLAP/CT/Konteks). Hal ini membuatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berhadapan dengan adaptasi dalam usaha memenuhi matlamat yang digariskan dalam sukatan pelajaran (SMPB/TB/CT/02(1/4).

### *Amelia*

Amelia, anak kelahiran Johor, bertugas di SMK Satu, Kuala Lumpur sejak tahun 1991. Berumur awal empat puluhan, bertubuh kecil, dan berketinggian kira-kira 156 cm, beliau sentiasa berpakaian sukan dengan memasukkan bajunya ke dalam (*tuck in*) yang menampakkannya sebagai guru Pendidikan Jasmani yang kemas dan cergas. Guru yang berkulit hitam manis ini pernah bertugas di sebuah sekolah menengah FELDA di Johor sebelum berpindah mengikut suami ke SMK Satu ini pada tahun 1991.

Amelia merupakan seorang guru beropsyen Pendidikan Jasmani yang memperoleh pendidikan ikhtisas perguruan asas (sekolah menengah) daripada salah sebuah maktab perguruan yang terulung di Kuala Lumpur pada tahun 1986-1989. Beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang Pendidikan Jasmani dan pernah mengikuti kursus lanjutan yang dikenali sebagai Kursus Setahun Perguruan Khas di maktab perguruan yang sama pada tahun 1995. Amelia kemudiannya menyambung pengajian pada peringkat ijazah pada tahun 1996-1999 dalam bidang Pendidikan Jasmani di salah sebuah universiti di Malaysia.

Sebagai seorang guru yang berdedikasi, Amelia banyak melibatkan diri dalam bidang Pendidikan Jasmani. Kededikasian beliau jelas daripada sumbangannya dalam menghasilkan Buku Sumber Pendidikan Jasmani yang diterbitkan dengan kerja sama Unit Kurikulum (Pendidikan Jasmani), Jabatan Pelajaran Wilayah Pesekutuan (JPWP) Kuala Lumpur pada tahun 2004. Amelia juga merupakan salah seorang daripada ahli panel yang terlibat dalam menyusun rancangan tahunan dan mingguan kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang diusahakan oleh unit kurikulum tersebut untuk tujuan penyelarasan dan keseragaman penulisan di peringkat sekolah untuk diguna pakai mulai tahun 2006. Selain mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan untuk Tingkatan Peralihan, Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3, Amelia juga mengajar Bahasa Melayu untuk Tingkatan Peralihan dan Tingkatan 1 di sekolahnya itu. Beliau juga menganggotai panitia Pendidikan Jasmani dan Bahasa Melayu sejak mula bertugas di sekolah ini.

Amelia merupakan seorang yang aktif dalam sukan bola jaring dan pingpong di sekolahnya. Selain daripada bertindak sebagai jurulatih bagi pasukan sekolah, beliau sendiri terlibat sebagai pegawai dan pengadil bola jaring bagi kejohanan MSSKL peringkat zon Pudu. Amelia juga merupakan guru penasihat bagi pasukan pingpong di sekolahnya yang 90 peratus daripada muridnya berbangsa Cina. Pengetahuan sedia ada muridnya yang tinggi dalam permainan ini memberikan cabaran kepada Amelia kerana beliau perlu sentiasa memantapkan kemahiran dan pengetahuan dalam permainan pingpong ini (SMPB/TB/CT/02(1/4)).

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, Amelia jarang berpeluang untuk menghadiri kursus-kursus berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Seingat Amelia, dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, beliau hanya pernah menghadiri kursus penggubalan soalan Pendidikan Jasmani selama lima hari di Cameron Highlands pada tahun 2007. Amelia mengetahui perkembangan semasa dan terkini tentang inovasi pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani menerusi ICT melalui kursus-kursus dalaman yang diberikan oleh Cikgu Teng (nama samaran), Ketua Panitia Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di SMK Satu. Namun, Amelia akan membuat rujukan atau berbincang dengan rakan-rakan sejawatnya sama ada dari sekolah yang sama mahupun rakan-rakan lama semasa di universiti dahulu sekiranya ingin mengetahui atau mendapatkan kepastian mengenai sesuatu isu ataupun undang-undang berkaitan permainan yang terkini (SMPB/TB/CT/08(26/8)). Walau bagaimanapun, Amelia pernah diberi peluang menghadiri kursus-kursus lain seperti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Terbaru, iaitu pada awal Julai 2008, Amelia ditawarkan mengikuti kursus ICT dalam pengajaran dan pembelajaran selama sebulan di salah sebuah institusi perguruan di Kuala Lumpur tetapi beliau memohon kepada pentadbir untuk tidak menghadirinya dengan alasan ingin memberikan kerjasama yang sepenuhnya terhadap kajian ini.

Amelia amat menyenangi SMK Satu yang mula dijejaki pada tahun 1991. Sekolah yang mula ditubuhkan pada tahun 1 Januari 1966 ini merupakan salah sebuah sekolah menengah perempuan yang terkemuka di Kuala Lumpur. Walaupun kedudukan sekolah ini terletak di tengah-tengah ibu kota Kuala

Lumpur dan sering berhadapan dengan kesesakan lalu lintas, Amelia menyayangi sekolahnya itu. Dalam tempoh itu juga, Amelia berpeluang untuk bertukar ke sekolah lain iaitu setelah selesai menamatkan pengajian di peringkat ijazah pada tahun 1999. Namun Amelia kembali mengajar di SMK Satu kerana sayang dan keserasian beliau terhadap SMK Satu yang banyak melahirkan atlet gimnastik negara seperti Lim Wai Chee dan pemain boling terkemuka negara bertaraf antarabangsa, Shalin Zulkifli. Amelia sendiri pernah menjadi guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan kepada tokoh-tokoh sukan ini.

Amelia mempunyai perwatakan yang lemah lembut, bersifat keibuan dan senang didekati. Mempunyai tiga orang cahaya mata yang gambar mereka disimpan di dalam storan telefon bimbitnya. Amelia menunggang motosikal sejauh 5 kilometer dari rumah ke sekolah setiap hari. Dalam perbualan kami, Amelia sentiasa merendah diri dan senang untuk diajak berbicara. Beliau pernah ditawarkan jawatan pensyarah di salah sebuah institusi perguruan di Kuala Lumpur tetapi beliau menolaknya kerana berasa rendah diri, “mengajar budak-budak sekolah ini bolehlah” (SMPB/TB/CT/03(10/6).

Di sebalik kelembutannya, Amelia merupakan seorang guru yang tegas. Beliau tidak akan berkompromi sekiranya murid-muridnya hadir dengan tidak membawa pakaian yang sesuai ke kelas Pendidikan Jasmani. Beliau pasti mendenda mereka berlari mengelilingi gelanggang bola keranjang tidak kurang daripada dua pusingan. Ada kalanya Amelia akan berleter bagaikan emak menasihati anak-anaknya pada murid-muridnya yang tidak membawa pakaian dengan menyelitkan unsur-unsur kepentingan bersenam (SMPB/CLAP/CT(22/4).

Amelia juga sering melakukan aktiviti regangan bersama-sama muridnya. Amelia melakukannya sambil menyelitkan prinsip yang bersesuaian sewaktu murid melakukannya seperti, “kalau kamu angkat kaki kanan, kamu kena angkat juga tangan kiri, dan sekiranya kamu angkat kaki kiri, kamu kena angkat tangan kanan ...kenapa? Untuk keseimbangan badankan!” (SMPB/PM/CT/04(6/5). Walaupun tutur katanya lembut, jarang sekali Amelia tersenyum sewaktu menekankan butir-butir pengajaran satu persatu. Sikapnya yang serius ini disebabkan 98 peratus daripada murid-murid di Tingkatan 1 terdiri daripada murid-murid Cina yang baru melepasi tahap peralihan. Murid sedemikian memerlukan penerangan yang jelas untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran yang diajarnya.

Amelia merupakan seorang guru yang mengambil berat akan kemajuan muridnya. Perkara ini jelas daripada rasa bersalah dan kasihnya apabila muridnya kurang dapat menguasai isi kemahiran asas yang diajarnya disebabkan waktu interaksi yang terhad. Beliau pernah meluahkan:

Kadang-kadang saya kesian tengok budak-budak ini ...sudahlah kemahiran asas pun susah hendak kuasai ...macam tadi, masa gerak kerja kumpulan ...hantaran bola sudah ajar dua tiga kali ...saya cakap banyak kali macam gitu macam gini tapi tidak jadi-jadi juga. Masa pula terhad. Baru dapat rentak sudah bunyi loceng. Kalau kita tunggu sampai mereka pandai memang tidak akan habislah silibus kita, jadi saya terpaksa teruskan juga dengan kemahiran yang lain. Murid yang dapat, dapatlah dan murid yang tidak, akan jadi macam yang anda tengok tadi.

(SMPB/TB/CT/08(26/8/122-130)



Kata-kata yang Amelia luahkan memperlihatkan beliau merupakan seorang guru yang menitikberatkan sukatan pelajaran. Amelia sedar bahawa murid mengambil masa untuk menguasai sesuatu kemahiran, tetapi adalah menjadi tugas dan tanggungjawabnya melengkapkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani berasaskan sukatan pelajaran. Amelia berasaskan dengan cara ini murid berpeluang mengikuti kandungan yang digariskan dalam kurikulum kebangsaan.

### *SMK Dua*

Sama seperti SMK Satu, SMK Dua juga merupakan sebuah sekolah yang terkemuka di Kuala Lumpur. Ditubuhkan pada tahun 1964, sekolah ini dilengkapi dengan infrastruktur yang baik bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Sukan. SMK Dua terletak di sebuah laluan utama di pusat bandar Kuala Lumpur dan berhampiran dengan beberapa institusi pendidikan lain. Di samping itu, lebih kurang 1.5 km dari sekolah ini, terletaknya ratusan blok rumah pangsa kos rendah setinggi 17 tingkat dan puluhan deretan rumah panjang.

SMK Dua yang terletak di kawasan seluas 14.6 ekar ditubuhkan pada tahun 1964 sebagai sebuah sekolah menengah aliran Inggeris dengan mempunyai sembilan blok utama, tiga buah pondok bacaan, sebuah surau, dewan dan astaka. Sekolah ini juga dilengkapi dengan kemudahan tempat dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan latihan sukan. Antaranya seperti gimnasium, bilik kecergasan, padang bola sepak, gelanggang

tenis, gelanggang bola keranjang, gelanggang bola tampar, gelanggang sepak takraw dan gelanggang bola jaring, serta sebuah gelanggang badminton.

Kemudahan-kemudahan seperti padang dan gelanggang yang terdapat di SMK Dua ini merupakan satu kelebihan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah lain yang begitu terhad kawasannya. Oleh itu, tidak menghairankan jika didapati murid-murid sentiasa menjalankan kegiatan seperti silat di astaka, latihan dikir barat di dewan besar, latihan kawad kaki dan bola sepak di padang serta latihan bola keranjang di gelanggang bola keranjang. Mereka melakukannya dengan inisiatif sendiri dan tanpa pengawasan guru.

Pada awal penubuhannya, SMK Dua bermula dengan hanya 519 orang murid dan 21 orang guru. Kini telah meningkat seramai 1700 orang murid dan 112 orang guru. Sekolah yang mempunyai dua sesi persekolahan pagi dan petang ini terkenal di Kuala Lumpur kerana kecemerlangannya dalam bidang kokurikulum. Saban tahun sekolah ini menempa nama dalam pertandingan koir hingga ke peringkat kebangsaan, sukan dan permainan seperti bola sepak, gimnastik dan badminton hingga ke peringkat MSSM.

SMK Dua juga dikategorikan sebagai sekolah jenis A disebabkan bilangan murid dan gurunya yang ramai. Lima orang daripada guru terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang ikhtisas dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Kesihatan lulusan pelbagai universiti di Malaysia. Sara dan Shaari, adalah peserta kajian ini. Mereka merupakan guru yang ditugaskan mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Tingkatan 1.

### *Sara*

Sara berumur dalam lingkungan pertengahan tiga puluhan dan merupakan anak kelahiran Pahang. Beliau ditugaskan mengajar di SMK Dua mulai tahun 2005. Sara berketinggian kira-kira 156 cm, memiliki kulit kuning langsung dan bertubuh sederhana, Sama seperti Amelia, Sara mempunyai perawakan yang lembut tetapi tegas. Beliau sering berpakaian Melayu tradisional iaitu baju kurung atau kebaya untuk proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Namun, beliau akan berpakaian sukan yang lengkap setiap kali pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, yang lazimnya bermula selepas waktu rehat setiap hari. Sara yang bersifat sederhana akan berpakaian rasmi sukan sekolah iaitu berwarna kuning, dan berseluar gelap. Pakaian sukan itu juga merupakan pakaian rasmi murid. Keadaan ini menyebabkan sukar membezakan Sara dengan murid-muridnya di padang sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

Sara merupakan seorang guru yang beropsyen Matematik, memperoleh pendidikan ikhtisas daripada salah sebuah maktab perguruan pada tahun 1993-1995 bagi pengajian sekolah rendah atau lebih dikenali dengan PSR opsyen Matematik/Ekonomi. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di sebuah universiti tempatan pada tahun 2002-2005 dalam bidang pengajian matematik dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Matematik.

Sebaik sahaja Sara menamatkan pengajian ijazahnya, Sara mula bertugas di SMK Dua pada tahun 2005. Dari segi tanggungjawab bukan akademiknya pula, Sara merupakan ahli lembaga disiplin bagi sesi petang SMK Dua di samping menjadi guru penyelaras Tingkatan Dua, guru penasihat kadet polis,

guru penasihat bagi pasukan pingpong bawah 15 tahun dan juga merupakan guru bagi rumah sukan Waja.

Walaupun Matematik adalah mata pelajaran utama yang diajarnya di SMK Dua, Sara turut mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1. Beliau masih ingat semasa pertama kali mengajar Pendidikan Jasmani di SMK Dua. Beliau mengajarnya dengan begitu bersemangat. Pada awalnya mengajar Pendidikan Jasmani, beliau berpakaian sukan yang lengkap sepasang (*track suit*). Namun, usikan daripada rakan-rakannya menyebabkan beliau tidak lagi meneruskannya (SMKC/TB/K/03(7/4)).

Sara sebenarnya tidak mempunyai asas untuk mengajar Pendidikan Jasmani, namun, guru ini mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Jasmani selama tujuh tahun semasa mengajar di sekolah rendah dahulu iaitu selepas tamat latihan ikhtisas maktab (SMKC/TB/K/01(17/3)). Pengalaman inilah yang Sara gunakan untuk mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan kini.

Sara juga sering dilihat menggalas beg di belakang badannya di samping menggantung wisel yang berwarna hitam di dadanya. Sara berasa yakin dengan caranya itu di mana di dalam beg gelas tersebut terkandung buku teks dan nota-nota yang boleh dijadikan panduan terhadap butir-butir pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmaninya. Wiselnya pula sebagai alat untuknya memberikan arahan seperti arahan murid beratur di hadapannya bagi memulakan aktiviti memanaskan badan, dan arahan-arahan lain semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani berlangsung (SMKC/CLAP/K(6/5)).

Sepanjang bertugas di SMK Dua, Sara masih belum berpeluang untuk menghadiri kursus-kursus berkaitan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan

Jasmani. Mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesehatan di sekolah menengah merupakan pengalaman barunya. Sara mengakui, sekiranya berpeluang, beliau amat berminat menghadiri kursus terutama kursus-kursus yang berkaitan dengan permainan padang dan gelanggang. Sara mengakui bahawa beliau hanya yakin mengajar dan bermain bola jaring sahaja memandangkan permainan ini pernah disertainya semasa menuntut di maktab dan di universiti dahulu (SMKC/TB/K/01(17/3). Sara berharap akan didedahkan dengan kursus-kursus dalaman berkaitan Pendidikan Jasmani di peringkat sekolah bagi menambahkan keyakinannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan pendedahan terhadap Pendidikan Jasmani dan Kesehatan menyebabkan Sara sering terbawa-bawa konsep Matematik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Contohnya, mematuhi perancangan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dengan tepat, setepat perancangan pengajaran dan pembelajaran Matematik.

### ***Shaari***

Shaari pula adalah rakan sekerja Sara. Beliau berusia awal tiga puluhan, berbadan tegap, berkulit hitam manis dan mempunyai berketinggian melebihi 190 cm. Ciri-ciri fizikalnya itu menampakkan beliau bersesuaian dengan tugasnya sebagai guru Pendidikan Jasmani dan individu yang aktif dalam pendidikan luar (*outdoor education*). Shaari akan lengkap berpakaian sukan seawal waktu pertama persekolahan lagi. Kekemasannya itu turut ditunjukkan dalam tulisannya. Wisel berwarna hitam sering terlilit di tangan kanan dan akan

meniupnya bagi tujuan mengumpulkan murid di padang pada awal pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

Bapa kepada dua orang cahaya mata ini bersikap tegas terhadap murid-muridnya sama ada sewaktu mengajar di bilik darjah mahupun di padang. Namun, dalam ketegasan yang beliau miliki terselit sifat ambil berat terhadap murid-muridnya seakan mengambil tahu perihal anak-anaknya (SMKC/CLAP/CMA(17/4). Beliau akan setia mendengar sekiranya terdapat murid yang meluahkan sesuatu perkara (SMKC/PM/CMA/1-14). Guru kelahiran Kuala Selangor ini mempunyai sifat yang pendiam dan hanya berbual dengan guru-guru lelaki di sesi petang sekolahnya. Shaari juga turut mengambil berat akan hal kecergasan dan kesihatan dirinya. Beliau sanggup datang semula ke sekolah yang terletak sejauh 25 kilometer dari rumah pada waktu malam sekitar pukul 9.00 malam untuk bermain badminton dengan rakan-rakannya bagi tujuan mengekalkan tahap kecergasannya itu (SMKC/TB/CMA/01(27/3).

Shaari mendapat latihan asas perguruan kursus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan daripada salah sebuah maktab perguruan di Johor pada tahun 1997-2000 dan kemudiannya bertugas di salah sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur. Oleh sebab minat yang mendalam dalam bidang sukan, permainan dan pendidikan luar, Shaari kemudian melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Sukan dan Rekreasi di salah sebuah universiti tempatan mulai tahun 2004 hingga 2007 sebelum ditempatkan di SMK Dua.

Beliau merupakan individu yang aktif bermain semasa di peringkat maktab dan di universiti. Semasa menjadi guru pula, beliau banyak melibatkan diri dengan kegiatan luar dan saling melibatkan diri dengan pusat kokurikulum

JPWP Kuala Lumpur seperti memberi latihan asas mendaki, *orienteering*, dan *tracking* kepada murid-murid serta guru-guru yang bernaung di bawah JPWP, Kuala Lumpur.

Di sekolah, Shaari mengajar Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 selain daripada mengajar mata pelajaran Sejarah Tingkatan 1. Bagi tugas bukan akademik pula, Shaari menjadi guru disiplin, guru tingkatan, guru penyelaras Pendidikan Jasmani Tingkatan 1, guru kebersihan, guru penasihat badan beruniform pengakap, dan guru penasihat bagi pasukan hoki bawah 15 tahun. Selain daripada itu, Shaari ditugaskan sebagai guru penasihat rumah sukan Waja. Walaupun beliau kelihatan tegas tetapi Shaari fleksibel dengan kehendak murid-muridnya yang amat meminati permainan bola sepak. Beliau juga sanggup membuat adaptasi dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran semata-mata inginkan penyertaan dan penglibatan yang optimum daripada murid-muridnya.

Shaari banyak terdedah dengan aktiviti-aktiviti pendidikan luar sama ada yang berlandaskan air (*water based*) mahupun berlandaskan darat (*land based*). Beliau pernah ditawarkan mengikuti program Skim Latihan Akademik Bumiputera, di salah sebuah universiti di Malaysia dan sebagai tenaga pengajar di salah sebuah institusi pendidikan kerana pengalaman dan kepakarannya itu. Namun Shaari terpaksa menolaknya kerana masih lagi terikat dengan perjanjian Kementerian Pelajaran Malaysia (SMKC/TB/CMA/01(27/3)).

Sepanjang lebih tujuh bulan kajian ini dijalankan, Shaari telah terlibat dengan beberapa program Pendidikan Luar. Program yang beliau terlibat ialah program pengurusan pengajaran dan pembelajaran pendidikan luar peringkat

kebangsaan, ekspedisi pendidikan luar murid sekolah menengah peringkat kebangsaan dan kursus *orienteering* peringkat kebangsaan. Shaari turut mengikuti kursus jurulatih menyelam skuba di bawah *Professional Association of Diving Instructors* (PADI) yang merupakan organisasi terbesar dunia dalam mengeluarkan penyelam yang bertauliah (SMKC/TB/CMA/01(27/3)).

Shaari berasa tidak puas hati terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani yang dianggapnya kurang menarik, terlalu asas dan kurang mencabar. Beliau juga berpendapat pengalaman yang ditimba selama tiga tahun di universiti dahulu lebih menyediakan dirinya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kejurulatihan dan bukannya sebagai guru Pendidikan Jasmani di sekolah (SMKC/TB/CMA/02(3/4)).

### ***SMK Tiga***

SMK Tiga, baru lima tahun beroperasi dan ditadbir oleh pentadbir-pentadbir wanita iaitu Pengetua, Guru Kanan Akademik, Guru Kanan Kokurikulum dan Guru Kanan Hal Ehwal Murid. SMK Tiga merupakan sebuah sekolah yang terletak lebih kurang lapan kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur dengan sebuah sekolah rendah, turut berkongsi padang yang sama dengan sekolah rendah tersebut, dikelilingi lebih daripada 17 blok rumah pangsa bandar raya setinggi 17 tingkat. SMK Tiga juga merupakan laluan utama ke stesen LRT yang terletak di selatan Kuala Lumpur.

Walaupun kawalan di sekolah SMK Tiga adalah ketat, ketenangan dan kesegaran kehijauan pepohon bunga berupaya menyujuk, menenangkan dan menyegar keharmonian suasana. Di tambah lagi dengan adanya taman haiwan



yang terletak bersebelahan pondok bacaan di tepi padang yang menempatkan dua ekor anab, tiga ekor ayam, dan tiga ekor burung merpati. Tempat ini sering menjadi tumpuan murid-murid yang tidak membawa pakaian ke kelas Pendidikan Jasmani. Mereka berada di sekitar taman ini, menantikan loceng berbunyi sebelum kembali ke kelas. Sekolah ini mempunyai sebuah padang dan enam gelanggang bola keranjang. Sekolah yang dikategorikan sebagai gred B ini mempunyai enam buah kelas tingkatan satu, tujuh buah kelas tingkatan dua, enam buah kelas tingkatan tiga, lima buah kelas tingkatan empat, dan empat buah kelas tingkatan lima dengan murid seramai 1,100 dan 67 orang guru. SMK Tiga yang merupakan sekolah satu sesi akan bermula dengan mengumpulkan murid-muridnya di tapak perhimpunan yang dikenali dengan Dataran Cemerlang seawal 7.25 pagi setiap hari.

### *Azim*

Azim (nama samaran) berasal dari Kuantan, Pahang. Beliau merupakan seorang yang lucu dan peramah. Guru berusia 30 tahun dan berbadan gempal, berkulit cerah, berketinggian kira-kira 180 cm merupakan lulusan Kursus Perguruan Lepas Ijazah opsyen Pendidikan Jasmani sering dilihat memakai kemeja T dan berseluar khaki berwarna gelap. Beliau mula mengajar di SMK Tiga pada tahun 2005.

Azim yang bersifat ramah dan bersahaja senang didekati murid. Cara dan penampilan Azim membuatkan murid-murid lelaki terutamanya muridnya yang berada di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sering mengajak Azim bermain takraw atau futsal semasa waktu Pendidikan Jasmani (SMKST/PM/SYAM/03(23/4).

Azim jarang melepaskan peluang untuk bermain dengan murid-muridnya itu. Sifat mudah mesra dan ketinggianya yang hampir sama dengan murid sekolah menengah atas ini sukar untuk membezakannya dengan muridnya sewaktu beliau di padang permainan.

Azim merupakan ayah kepada dua orang cahaya mata berumur setahun dan tiga tahun. Isteri Azim juga merupakan seorang guru Pendidikan Jasmani di sekolah rendah, sering menjadi rakan perbincangan dan rujukan apabila Azim berhadapan dengan masalah di sekolah khususnya dalam hal-hal yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Di samping memiliki sifat-sifat yang riang dan ceria, Azim mengidap penyakit asma yang agak serius. Azim akan mudah diserang asma sekiranya terdedah kepada kesejukan dan kepanasan yang melampau.

Azim menerima Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan daripada salah sebuah institusi pengajian tinggi tempatan di Malaysia pada tahun 2001. Azim kemudiannya bertugas sebagai pegawai di salah sebuah syarikat perbankan terkemuka di negara ini. Merasakan kerja sebagai guru selamat dan terjamin, Azim kemudiannya menceburi bidang perguruan dengan memasuki Kursus Perguruan Lepas Ijazah dalam bidang Pendidikan Jasmani di salah sebuah maktab perguruan di Kedah Darul Aman pada tahun 2004. Azim mengakui ilmu yang diperoleh semasa mengikuti kursus Perguruan Lepas Ijazah kurang mencukupi dan hanya bersifat "*touch and go*". Menurut Azim lagi, terlalu banyak perkara yang perlu dipelajari apabila berkhidmat sebagai seorang guru. Azim mengakui bahawa beliau masih belajar sehingga kini terutama daripada aspek ilmu pedagogi, dan beberapa kemahiran yang diperlukannya dalam mengajar

Pendidikan Jasmani di sekolah. Azim juga mengakui penglibatannya sebagai pegawai kejohanan sukan MSSKL banyak memberikannya pengalaman, pengetahuan dan kemahiran secara tidak langsung, khususnya dalam bidang olahraga (SMKST/TB/SYAM/02(9/4).

Di SMK Tiga, Azim mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dari Tingkatan 1 hingga ke Tingkatan 5. Selain daripada itu, Azim juga mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Tingkatan 3. Walaupun Azim merupakan seorang guru baru, tetapi peranan dan tanggungjawab yang dipikul setanding dengan guru-guru yang berpengalaman yang lain di sekolah ini. Contohnya, Azim adalah Ketua Panitia Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, dan setiausaha sukan di SMK Tiga. Azim juga ditugaskan sebagai setiausaha untuk kejohanan takraw peringkat zon dan MSSKL. Sebagai setiausaha kejohanan, Azim berperanan dalam memastikan segala persiapan berjalan dengan licin dan sempurna semasa berlangsungnya kejohanan.

Azim sering mengeluh dan menyatakan ketidakpuasan hatinya akan persepsi masyarakat terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Menurut beliau, sejak dari zaman persekolahannya lagi sehinggalah kini, masyarakat memandang mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan sebagai mata pelajaran pinggiran. Beliau yang berpegang kepada prinsip “*by doing (playing) they will learn something*”, yakin murid-muridnya akan mempelajari sesuatu apabila bermain di padang meskipun tanpa pengajaran dan pembelajaran secara langsung daripada guru (SMKST/TB/SYAM/02(9/4).

### **Konsepsi Terhadap Kurikulum Pendidikan Jasmani**

Konsepsi guru dipengaruhi oleh keyakinan dan kepercayaan yang akhirnya membawa kepada pertimbangan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran (Fishbein & Ajzen, 1975). Kurikulum Pendidikan Jasmani yang merupakan dokumen rasmi bagi rujukan guru di Malaysia pada asasnya mengambil kira konsep Pendidikan Jasmani Baru yang menekankan aspek pembangunan fizikal dan organik, pembangunan neuromuskular atau motor, pembangunan kognitif, dan pembangunan sosial, emosi, dan afektif. Konsep ini diadaptasikan berdasarkan senario tempatan dengan matlamat membantu murid menjadi cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Konsep yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Jasmani juga mencadangkan bahawa pelaksanaan kurikulum ini boleh dijalankan tanpa perlu mengikut urutan pengajaran dan pembelajaran tetapi harus menepati agihan waktu yang diperuntuk. Hal ini bertujuan memberi peluang murid mempelajari isi kandungan sejajar dengan matlamat yang dihasratkan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 khususnya, dan matlamat kurikulum Pendidikan Jasmani secara umumnya. Di samping itu, kandungan Pendidikan Jasmani yang bersifat spiral dengan mengambil kira prinsip-prinsip asas perkembangan seperti pengulangan, kesepaduan, ansur maju, skop dan turutan, bertujuan memberi pengalaman pembelajaran sejajar dengan perkembangan dan kebolehan murid untuk setiap tahap.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Amelia, Sara, Shaari dan Azim akur bahawa Pendidikan Jasmani berpotensi menghasilkan individu yang

seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Mereka juga sependapat bahawa Pendidikan Jasmani dapat membangunkan ketiga-tiga domain, psikomotor, kognitif, dan afektif. Namun, keempat-empat peserta kajian ini mempunyai konsepsi yang tersendiri tentang kepentingan kurikulum Pendidikan Jasmani dan peranan mereka sebagai agen pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

### *Amelia*

Bagi Amelia, guru perlu bertanggungjawab dan memandang serius dalam melaksanakan kandungan yang terdapat dalam kurikulum di sekolah meskipun kurikulum yang diajar bukan merupakan kurikulum yang berorientasikan peperiksaan seperti Pendidikan Jasmani. Tanggungjawab yang Amelia maksudkan adalah dari aspek pemberian input dan pemindahan pengajaran dan pembelajaran yang merupakan perkara penting dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani. Guru mesti mengajar dan murid mesti diberi hak untuk mengetahui kandungan kurikulum Pendidikan Jasmani. Seperti katanya:

Memang PJ tidak ada *exam* (peperiksaan), tidak bermakna kita pun tidak payah mengajar. Kita sebagai guru harus bertanggungjawab kepada murid. Mereka mesti didedahkan dengan kandungan yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Dalam membangunkan ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif, guru perlu mengajar, murid perlu diajar dan didedahkan dengan ketiga-tiga tunjang yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani. Mana boleh murid main sendiri ... kita sebagai guru mesti mengajar, kalau tidak, memang

mereka tidak akan dapat apa-apa ...memang tidak boleh biarkan murid main-main sendiri ...cikgu memang kena mengajar ...kena mengajar!

(SMPB/TB/CT/06(26/8/269-273)

Seterusnya, Amelia berpendapat, walaupun tidak ada peperiksaan khusus untuk Pendidikan Jasmani, namun kurikulum yang dibekalkan masih perlu dilaksanakan. Malah perkara ini merupakan suatu tanggungjawab yang mesti ditunaikan. Menurut Amelia lagi, peranan guru bukan sekadar memberi bola dan berpeluk tubuh, sebaliknya elemen-elemen seperti memberi arahan, memberi input, demonstrasi atau tunjuk cara dan sekuen dalam pengajaran adalah penting dalam pemindahan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (SMPB/TB/CT/03(10/6). Amelia yakin pendidikan melalui pergerakan (*education through movement*) dan pendidikan untuk pergerakan (*education for movement*) berpotensi meningkatkan ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif seperti yang dihasratkan dalam matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Jasmani.

Amelia merasakan murid perlu didedahkan dengan kurikulum Pendidikan Jasmani. Hal ini disebabkan kurikulum ini berkemampuan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran bagi mempertingkat dan mengekalkan kecergasan berasaskan kesihatan dan perlakuan motor berdasarkan tahap kematangan dan kemampuan diri, serta berpotensi membentuk sahsiah dan disiplin diri dalam rutin harian mereka. Amelia yakin murid berupaya memperoleh pengetahuan

menerusi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan hal ini membantu murid dalam rutin seharian mereka ke arah gaya hidup sihat sepanjang hayat.

Pada waktu yang sama, Amelia berpendapat bahawa adalah tidak wajar sekiranya guru membiarkan muridnya bermain sendirian tanpa sebarang input atau makluman. Pendidikan Jasmani sama seperti mata pelajaran lain yang mempunyai sukatan pelajaran dan memerlukan guru merancang dan menyampaikan pengetahuan berdasarkan kurikulum dan sukatan pelajaran yang diperuntuk. Keyakinan ini datang hasil daripada pengalaman beliau yang telah berkecimpung dalam disiplin Pendidikan Jasmani hampir melewati dua dekad.

Amelia berpengalaman sebagai guru Pendidikan Jasmani sejak tahun 1989. Beliau arif dengan kehendak kurikulum dan kerenah serta tanggapan murid-muridnya terhadap status Pendidikan Jasmani (SMPB/TB/CT/01(25/3). Beliau sedar bahawa tugas dan tanggungjawab guru dalam memberi input kepada murid-muridnya perlu diberi perhatian yang sewajarnya meskipun Pendidikan Jasmani tidak menyumbang kepada sebarang merit dalam pencapaian akademik. Beliau juga sedar dan sering berkongsi kesedaran ini dengan muridnya bahawa otak yang cerdas datangnya daripada badan yang sihat (SMPB/CLAP/CT(6/5) Justeru, menurut Amelia, walaupun sekolah bukan satu-satunya institusi yang dapat memberi peluang kepada murid bergiat aktif dalam aktiviti fizikal, beliau pasti, hanya minoriti murid berkesempatan melakukannya di luar waktu sekolah dan mengetahui keperluan serta faedah melakukan aktiviti fizikal. Seperti katanya:

...memang mereka boleh jalankan aktiviti atau main di rumah tetapi, kalau kita tidak dedahkan konsep kecergasan, permainan dan kesukanan di sekolah ini, belum pasti mereka akan lakukan

di rumah. Belum pasti mereka faham kenapa mesti bersenam, bagaimana hendak melakukan itu dan ini. Memang kita kena mengajar dan dedahkan kepada mereka ...sekurang-kurangnya mereka dapat sesuatu semasa mereka jalani PJ ini.

(SMPB/TB/CT/03(10/6/126-132)

Pada Amelia, di sinilah letaknya kepentingan kurikulum Pendidikan Jasmani kerana menerusi pelaksanaannya yang sistematik, semua murid berpeluang mendapat pendedahan secara formal tentang pelbagai aktiviti menerusi tunjang kecergasan, permainan dan kesukanan. Pendedahan menyeluruh terhadap ketiga-tiga tunjang ini tidak mungkin murid peroleh sekiranya guru tidak memainkan peranan dan tanggungjawab mereka masing-masing. Amelia melihat dirinya sebagai contoh yang paling nyata dan ketara. Beliau sedar bahawa melakukan senaman atau aktiviti fizikal penting dalam kehidupan seharian, tetapi tidak menjadikannya sebagai amalan apabila berada di rumah. Seperti katanya:

Macam saya, bersenam masa-masa ini (masa mengajar Pendidikan Jasmani) sahaja. Kalau cuti sekolah, saya pun tidak melakukan senaman ...maksudnya, kita yang sedar kepentingan PJ tidak buat, murid apa lagi!

(SMPB/TB/CT/02(1/4/74-76)

Beliau berpendapat, minat dan keinginan adalah faktor yang mendorong untuk melakukan sesuatu perkara, terutama aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani.



Bagi pelajaran Pendidikan Jasmani, murid perlu dilengkapi dengan ilmu dan pengetahuan bagi membolehkan mereka memperoleh faedah daripadanya. Guru pula memainkan peranan yang sewajarnya bagi menerapkan tanggapan murid bahawa Pendidikan Jasmani merupakan waktu yang sangat bermanfaat untuk kecergasan dan kesihatan secara formal kerana otak yang cerdas datangnya dari badan yang sihat.

Amelia sentiasa menyatakan akan kepentingan mengajar Pendidikan Jasmani. Amelia turut menunjukkan minat dan kesungguhan yang mendalam terhadap tugas dan peranannya sebagai guru Pendidikan Jasmani. Sikap dedikasinya jelas daripada tindakannya meneruskan pengajaran dan pembelajaran walaupun pada ketika itu murid yang hadir hanya enam orang sahaja kerana yang lainnya terlibat dalam latihan tarian sempena majlis pembukaan MSSM 2008 (SMPB/PM/CT/03(22/4)).

Beliau juga menjalankan ujian SEGAK, iaitu ujian kecergasan fizikal yang diwajibkan terhadap semua murid di sekolah menengah mulai tahun 2008 dengan teliti dan berhati-hati dan tidak seperti kebanyakan guru yang menjalankan ujian ini serentak untuk semua murid. Amelia menjalankan ujian tersebut secara berperingkat-peringkat dengan maksimum enam pasangan murid seminggu. Tindakan itu bertujuan untuk memudahkan Amelia memantau perjalanan ujian, bagi memastikan murid melakukan ujian berdasarkan prosedur yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan memastikan ujian yang dijalankan benar-benar mengukur komponen yang seharusnya diukur (SMPB/PM01/PM02/PM03/PM04).

Amelia yakin dan sedar akan pentingnya melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani. Justeru, beliau memanfaatkan kemudahan terhad yang ada di sekolahnya untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dihasratkan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani. Contohnya, Amelia memanfaatkan semua ruang di antara Blok Pentadbiran dengan Blok B di sekolahnya yang dianggap seluas sekangkang kera untuk menjalankan acara padang seperti merejam lembing, melempar cakera dan melontar peluru. Bagi Amelia, walaupun “murid akan merejam lembing, melempar cakera dan melontar peluru dalam jarak yang dekat sahaja sebab tempat terhad, sekurang-kurangnya mereka akan tahu teknik” (SMPB/TB/CT/03(10/6).

Sikap tanggungjawab yang Amelia miliki turut diakui oleh Cik Teng (nama samaran), Ketua Panitia Pendidikan Jasmani yang juga merupakan Setiausaha Sukan di sekolahnya. Menurut Cik Teng:

Amelia ini kalau dapat peluang mengajar murid, beliau tidak mengira tempat. Pernah semasa kita buat sukantara di Kompleks Sukan Kampung Pandan hari itu, masa yang ada sikitpun beliau hendak mengajar juga rejaman lembing dan melempar cakera. Mungkin masa itu baru dia rasa selesa untuk *full swing* dengan muridnya sebab kawasan lapang dan tempat sesuai.

(SMPB/TB/Tan/01(22/4)

Kata-kata yang dikeluarkan oleh Cik Teng seakan menggambarkan beliau mengagumi tindakan Amelia yang sentiasa berkongsi pengetahuan dengan muridnya tanpa mengira masa dan tempat sedangkan sikap sedemikian hanya ada pada diri individu yang benar-benar minat dengan Pendidikan Jasmani dan Sukan.

Amelia berkeyakinan bahawa pengajaran dan pembelajarannya di bilik darjah dapat dimanfaatkan oleh murid-muridnya pada keadaan dan ketika yang bersesuaian. Beliau sedar, adalah sukar untuk seseorang murid menguasai kemahiran yang diajarnya dalam waktu yang singkat. Menurutny lagi, terdapat ramai muridnya yang berada di Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 masih kurang menguasai kemahiran yang pernah diajar semasa mereka di Tingkatan 1 dahulu, tetapi beliau yakin mereka mempunyai pengetahuan sedia ada tentang Pendidikan Jasmani sekiranya ditanya. Seperti katanya:

Ada murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 yang jumpa saya semula untuk PJ masih tidak dapat kuasai kemahiran ...yang dipilih untuk wakil sekolah bola jaring misalnya, saya kena *drill* mereka. Saya kata 'kan kamu sudah belajar masa Tingkatan 1 dahulu'. Konsepnya mereka tahu ...tahu hantaran dada bila hendak guna, hantaran sisi bila hendak guna ...maksudnya ...kita mengajar sekarang ini tidak semestinya kita dapat kesan masa ini ...tetapi sekurang-kurangnya mereka ada pengetahuan ...tidak untuk hari ini, mungkin untuk esok.

(SMPB/TB/CT/05(22/7/102-108)

Situasi tersebut membuatkan Amelia sentiasa berhati-hati merancang pengajaran dan pembelajarannya. Beliau faham kesan daripada pengajaran dan pembelajaran mungkin untuk jangka panjang, namun sebagai seorang guru, Amelia masih inginkan muridnya mendapat sesuatu daripada pengajaran dan pembelajarannya pada masa kini. Pembelajaran akan menjadi berkesan jika maklumat yang disampaikan memberi makna dalam kehidupan murid-murid. Faedah yang murid peroleh menerusi pemindahan pengajaran dan pembelajaran

akan membantu mereka pada hari ini dan untuk kehidupan pada masa hadapan. Justeru, untuk menyedapkan hatinya, Amelia meletakkan dirinya seperti murid-muridnya yang lain:

ala, macam kita juga ...kita belajar banyak *game* masa di universiti dahulu ...gimnastik ...gimrama ...sofbol ...semua belajar ... masa itu *batting* pun tidak kena ...memang rasa macam tidak boleh buat ... tetapi, bila kita mengajar di sekolah, *recall* ...*okey* juga rupanya ... macam itu juga saya rasa yang berlaku pada murid-murid.

(SMPB/TB/CT/05(22/7/123-125)

Pegangan ini menyebabkan Amelia mempunyai kesabaran dalam melihat perkembangan muridnya. Menurut Amelia, kecergasan dan kebolehan murid dalam mengaplikasi sesuatu kemahiran memakan masa yang panjang. Hakikatnya, terdapat antara murid-murid mengambil masa yang lama dalam mengadaptasi kemahiran dan kebolehan yang ada pada diri mereka pada situasi permainan yang sebenar. Perkara ini jelas dalam petikan di bawah:

Amelia : Saya memang tekankan ...PJ ini bukan main-main ...kita pun kena ajar betul  
 Penyelidik : Ajar betul macam mana?  
 Amelia : Ajar macam subjek lain ...memang masa saya ambil mereka kordinasi pun tidak betul ...dan mungkin akan berterusan tahun depan ... kita kena sabarlah ... mungkin esok atau akan datang, mereka akan dapat apa yang kita ajar ...*at least* ...boleh *apply* nanti tahun depan dan seterusnya.

(SMPB/TB/CT/05(22/7/93-101)

Kesabaran yang ada pada Amelia mungkin disebabkan oleh pengalaman beliau dalam disiplin Pendidikan Jasmani. Beliau sedar bahawa penguasaan kemahiran dalam Pendidikan Jasmani memakan masa. Kenyataan Amelia atas dasar kesedarannya bahawa pendidik, iaitu guru tidak seharusnya mengharapkan perubahan tingkah laku yang drastik berlaku pada murid-muridnya. Seperti yang dibincangkan oleh Tyler (1949), perubahan daripada segi pemikiran, tabiat asas, pembentukan konsep, sikap dan minat tertentu berlaku dengan perlahan. Menurutnya lagi, hanya beberapa bulan dan tahun, barulah dapat melihat objektif-objektif pendidikan yang utama mula menjadi kenyataan. Malah, Tyler menggunakan analogi air dan batu dengan mengatakan *“in some respects educational experiences produce their effects in the way water dripping upon stone wears it away. In a day or week or a month there is no appreciable change in the stone, but over a period of years definite erosion is noted”* (hlm. 83). Hal ini membuatkan Amelia sentiasa memberi input kepada murid semasa mereka bermain. Malah, ada kalanya Amelia berkali-kali mengulangi butiran pengajarannya sambil menunjuk cara seolah-olah mengajar murid-murid di sekolah rendah semata-mata bagi memastikan mereka tahu dan faham perkara yang dikatakannya itu. Contohnya:

- Amelia : Okey, nampak tidak ini apa?
- Murid : Nampak ...bola.
- Amelia : Bola apa? Siapa tahu? Siapa tahu angkat tangan kamu?
- Murid I : Bola keranjang.
- Murid II : Bola jaring.

- Amelia : Bola apa yang sana tu?  
(Murid menjawab)  
Ya, bola jaring.  
Hari ini kita akan belajar bola jaring. Kita akan belajar hantaran aras dada. Hantaran apa kelas?
- Murid : Hantaran aras dada
- Amelia : Hantaran apa sekali lagi?
- Murid : Hantaran aras dada
- Amelia : Hantaran dada dihantar aras dada dan untuk jarak dekat (sambil menunjuk cara dengan rapatkan bola ke dadanya dan melontarnya ke hadapan). Untuk jarak apa kelas? Jarak dekat!

(SMPB/PM/CT/07(24/6/57-80)

Tindakan yang beliau lakukan adalah atas dasar percaya bahawa muridnya pasti menerima sedikit sebanyak faedah menerusi input yang diberikan. Selain itu, Amelia juga percaya bahawa, latih tubi pengajaran dan pembelajaran perlu disusuli dengan permainan kecil kerana ini akan memberi peluang kepada muridnya untuk mengaplikasi kemahiran yang telah dipelajari ke dalam situasi permainan sebenar, di samping meningkatkan kemahiran sosial dan domain afektif mereka. Malah, Amelia turut bermain bersama-sama muridnya dalam permainan kecil sebegini. Pernah pada suatu ketika Amelia diberikan cuti selama seminggu kerana cedera di buku lali sewaktu bermain bola jaring dengan muridnya, tetapi beliau terus bermain pada minggu yang berikutnya meskipun

belum pulih sepenuhnya. Amelia percaya sekiranya guru komited, lambat laun murid-murid akan terpengaruh dan menunjukkan komitmen mereka:

Ingat, bila kita bagi dia main (murid main sendiri), dia suka ke? Dia akan kata dalam hati, cikgu ini ...tidak mengajarpun ... sebenarnya, bila kita mengajar, mereka akan hargai ...kita akan nampak perubahan dari tidak minat ke minat lambat laun tau ... Contohnya, kelas saya ini, hari itu saya tidak datang dan tidak sempat pesan apa-apa PJ ke PK. Mereka semua turun dengan pakaian yang lengkap ...hendak PJ. Dulu, masa saya mula-mula mengajar mereka... kena paksa baru mereka nak PJ. Andapun nampakkan, bila loceng berbunyi, mereka tidak mahu berhenti. Marah kalau diberhentikan main.

(SMPB/TB/CT/07(26/8/296-304)

Amelia yakin minatnya terhadap Pendidikan Jasmani mempengaruhi persepsi muridnya. Walaupun mungkin dengan mengambil sedikit masa, namun perkara ini harus dikekalkan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa agar murid juga cenderung ke arah yang sama. Sebagai pendidik, Amelia sentiasa sabar dalam memupuk dan menarik minat murid terhadap Pendidikan Jasmani. Beliau juga sabar dalam menerapkan kepentingan kurikulum Pendidikan Jasmani terhadap muridnya. Hal ini kerana Amelia sedar, ramai muridnya beranggapan Pendidikan Jasmani merupakan masa untuk bermain semata-mata (SMPB/TB/CT/07). Amelia berharap individu yang ingin berkecimpung dalam Pendidikan Jasmani seharusnya bertanggungjawab, mempunyai minat dan kesungguhan yang mendalam dalam melaksanakan kurikulum yang digariskan. Seperti katanya:

saya memang harap, saya tujukan pada saya dan guru-guru yang hendak menjadi guru PJ, yang berada di Institut Perguruan atau yang hendak mengajar PJ, mestilah minat hendak mengajar PJ, jangan ingat PJ ini hanya main-main, kitapun main-main... tolonglah ...banyak perkara murid kena tahu ikut kematangan mereka ...kalau kita tidak beritahu itu semua, macam mana kita harap mereka akan tahu ...sendiri-sendiri hendak cari ...memang terlalu rendah peratusnya ...saya memang tidak setuju dengan individu yang kata PJ hanya main dan tidak perlu mengajar!

(SMPB/TB/CT/05(22 /7/128-134)

Pada waktu yang sama juga Amelia mengharapkan tanggungjawab untuk memperkasakan Pendidikan Jasmani harus ada pada semua guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Guru perlu memastikan diri mereka mempunyai minat yang mendalam sebelum melangkah ke dalam bidang ini. Amelia bukan sahaja meluahkan kata-kata sedemikian, malah beliau turut mengamalkan segala yang dikatakannya itu (SMPB/CLAP/CT/22/7).

### *Sara*

Peserta kajian yang seterusnya adalah Sara. Beliau merasakan bahawa, melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani sama seperti melaksanakan kurikulum mata pelajaran lain seperti Matematik dan Sains. Menurut Sara lagi, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menyempurnakan inti pati yang terkandung dalam sukatan pelajaran (SMKC/TB/K/01(17/3). Beliau



memandang serius akan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani, seserius pelaksanaan kurikulum Matematiknya. Konsepsi Sara terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani seiring dengan yang dinyatakan oleh Martin (2004), “*conceptions can serve as lenses for interpretation of classroom events, thereby influencing teachers’ choices of action*” (hlm. 407). Justeru, Sara tetap dengan pendiriannya yang mengatakan bahawa Pendidikan Jasmani dan Kesihatan merupakan mata pelajaran teras yang perlu diberi penekanan dari segi pelaksanaannya seiring seperti mata pelajaran yang lain.

Konsepsi yang ada pada Sara mempengaruhi tindakan beliau melaksanakan kurikulum ini dengan persediaan yang rapi dari segi mental dan fizikal. Contohnya, Sara mencuba terlebih dahulu peralatan yang ingin beliau gunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Sara juga bertanyakan guru lain di sekolahnya sekiranya beliau kurang pasti tentang penggunaan peralatan. Sara juga membuat rujukan sekiranya beliau kurang pasti dengan butir-butir pengajaran yang ingin dikongsi bersama muridnya (SMKC/PM/K/01/03-15). Pemerhatian tersebut disah menerusi kata-kata yang pernah dikeluarkan oleh Sara. Antaranya adalah:

Banyak yang tidak tahu sebenarnya...sebab itu saya kena sedia dulu. Sama ada saya tanya atau baca dan kadang-kadang saya cuba sebelum dahulu jumpa mereka (murid).

(SMKC/TB/K/02(24/3/144-146)

Seterusnya, Sara berpendapat, sebagai individu yang profesional, seharusnya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diperuntuk kepadanya

walaupun ditugaskan mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen. Bagi Sara, tidak ada beza diberi tugas dan tanggungjawab untuk mengajar Pendidikan Jasmani, Matematik, Sains atau apa-apa sahaja mata pelajaran di sekolah kerana kesemua mata pelajaran tersebut mempunyai sukatan pelajaran yang tersendiri yang perlu diikuti. Menurutnya lagi, walaupun terdapat kekangan dari segi pengetahuan, kemahiran dan peralatan, guru seharusnya mencuba sedaya upaya meminimumkan kekangan dihadapi agar murid berpeluang memperoleh pengajaran dan pembelajaran secara optimum (SMKC/TB/K/01(17/3)).

Seperti Amelia juga, Sara berpendapat murid perlu didedahkan dengan sukatan pelajaran yang ada bagi memastikan murid berpeluang mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang disusun atur berdasarkan tahap dan kematangan mereka. Bagi Sara, pelaksanaan berdasarkan sukatan pelajaran adalah penting “untuk pastikan kita *cover* apa yang seharusnya mereka terima. Lagipun PJ berulang setiap tahun, cuma intensiti yang beza... disusun atur berdasarkan tahap dan kematangan setiap tingkatan” (SMKC/TB/K/01(17/3)).

Sara merasakan sukatan yang terkandung dalam kurikulum perlu dipindahkan bagi memastikan murid berpeluang menerima inti pati yang seharusnya mereka terima. Menurut beliau, sekiranya murid tidak didedahkan dengan sukatan ini, ada kemungkinan mereka akan mengalami masalah apabila berada di tingkatan yang seterusnya. Perkara sedemikian menjadi pegangan kepada Sara untuk melaksanakan kurikulum berdasarkan sukatan pelajaran. Seperti katanya:

Kalau kita skip macam kita skip gimnastik masa tingkatan satu ini ...tahun depan kalau murid belajar dengan cikgu lain, *sure* susah sebab saya tidak dedahkan dengan konsep asas. Memang

kita kena ajar dan beri pendedahan pada murid. Macam Matematik, berulang. Mereka sudah belajar dari darjah satu dan sampai seterusnya mereka akan jumpa perkara yang sama. PJ pun macam itu. Cuma jarak dan intensiti yang berubah. Cuba kalau saya *skip topic fraction* tahun ini, murid ada masalah bila menjawab soalan-soalan *standard* Tingkatan 1 yang komponen ini terang-terang perlu dipelajari. Jadi, macam itu juga saya rasa dengan PJ.

(SMKC/TB/K/02(24/3/29-63)

Latar belakang Sara dalam pengajaran Matematik selama hampir satu dekad mempengaruhi konsepsinya. Sara yakin bahawa tajuk-tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran seharusnya dipatuhi bagi memberi peluang murid-murid mengikutinya. Beliau mengajar dengan berkonsepkan pengajaran Matematik, iaitu murid perlu diberi pendedahan secara langkah demi langkah seperti yang dicadangkan dalam kurikulum mata pelajaran Pendidikan Jasmani (SMKC/TB/K/04).

Sara juga berkali-kali menegaskan bahawa tidak mudah melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani. Hal ini kerana beliau beranggapan bahawa kurikulum Pendidikan Jasmani memerlukan gabungan pengetahuan dan aplikasi pengetahuan dalam kemahiran dan permainan yang diajar. Seperti katanya:

Hendak mengajar PJ ini, kita bukan sahaja perlu ada pengetahuan, kita perlukan kemahiran. Bila ada kedua-dua ini, akan mudah untuk kita sampaikan. Macam bola jaring, kita memang selalu main. Tapi tak semestinya kita tahu nak *drill* pada budak. Gimnastik lagi, tahu sebab kita boleh baca, tapi kalau tidak ada

kemahiran nak buat atau tunjuk cara, susah juga. Ini yang berlaku pada saya ...sambil mengajar sebenarnya saya belajar. Baru tahun pertama mengajar PJ ni. Tapi budak tidak tahu ...budak ingat kita macam pandai saja. Lagipun kita kena tunjuk budak kita tahu supaya mereka yakin dengan kita ...persepsi tu penting!

(SMKC/TB/K/04(22/4/91-98)

Ketegasan Sara dalam soal ini mungkin berkaitan dengan kekusarannya disebabkan beliau baru pertama kali ditawarkan mengajar Pendidikan Jasmani di samping sikap dan tanggungjawabnya sebagai pelaksana kurikulum di sekolah. Pada Sara, beliau menganggap Pendidikan Jasmani perlu dilaksanakan setanding mata pelajaran lain. Sara tidak sekali-kali merasakan Pendidikan Jasmani sebagai masa untuk beliau berehat dan bersantai setelah dibebani dengan 18 waktu Matematik. Malah menurutnya lagi, atas dasar tugas dan tanggungjawab, beliau membuat persediaan yang lebih rapi disebabkan baru pertama kali ditugaskan untuk mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah menengah.

Keadaan ini membuatkan Sara tidak malu bertanya untuk mendapatkan bahan dan penjelasan mengenai teknik pengajaran daripada rakan-rakan sejawat mahupun guru-guru lain yang dianggapnya lebih berpengetahuan tentang sesuatu kemahiran atau permainan.

Saya memang akui, tidak semua saya tahu ...tidak semua saya *confident*. Mana ada saya pergi kursus ...selain bahan, saya juga tanyakan teknik kalau tidak *sure*. Saya tanya lah Faizah ke ...cikgu Amin ke ...kadang tu tanya juga dekat Shaari ...Kalau macam gimnastik, memang saya tanya cikgu Zamri. Macam itulah .... Untuk pengajaran dan pembelajaran tadi, saya ada

minta pada kak Zalilah ...kakak itu kata nanti bagi ...*last-last* saya pun lupa hendak minta. Kalau saya tidak *sure*, memang saya akan tanya..tanya dengan *member-member* (rakan-rakan) yang rapat. Dengan kak Zalilah ini sebab dia memang bola jaringan!

(SMKC/TB/K/04(22/4/114-128)

Sara berusaha melengkapkan dirinya terlebih dahulu semata-mata untuk memberikan penerangan yang terbaik kepada muridnya. Pegangannya terhadap mata pelajaran Matematik yang memerlukan murid menguasai sesuatu pada akhir pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani ini juga. Pegangan sedemikian menunjukkan Sara berpegang kepada konsep fideliti dalam pelaksanaan kurikulum, iaitu tugas guru sepertiya memastikan murid berpeluang mengikuti sukatan pelajaran yang ditetapkan berdasarkan tahap dan kematangan mereka masing-masing.

### *Shaari*

Berlainan pula halnya dengan Shaari. Beliau berpendapat bahawa sukatan pelajaran hanyalah dokumen yang menjadi panduan dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani. Namun, guru haruslah memikirkan cara, pendekatan dan aktiviti yang bersesuaian agar mampu menarik minat dan penyertaan murid dalam melibatkan diri semasa Pendidikan Jasmani di sekolah. Beliau juga sanggup membuat adaptasi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani kerana memikirkan realiti dan praktikaliti Pendidikan Jasmani dalam

kalangan murid-muridnya (SMKC/TB/CMA/01(27/3). Hal ini jelas daripada pemerhatian yang dijalankan. Shaari mengikut rentak muridnya dengan menunaikan permintaan mereka bermain bola sepak semata-mata untuk menggalakkan penglibatan dan penyertaan aktif mereka terhadap Pendidikan Jasmani. Shaari merasakan bahawa permainan bola sepak mampu merentas tunjang-tunjang kemahiran dan kecergasan seperti yang digariskan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani (SMKC/PM/CMA/01,02,03-07).

Bagi Shaari, kurikulum Pendidikan Jasmani perlu dilaksanakan mengikut kesesuaian konteks dan keadaan. Beliau akan cuba menyesuaikan pengajaran dan pembelajaran dengan tanggapan murid bahawa Pendidikan Jasmani merupakan masa untuk bermain setelah seharian berada di bilik darjah. Apabila tiba waktu Pendidikan Jasmani, murid-muridnya akan menagih permainan yang mereka sukai (SMKC/TB/CMA/01(27/3). Sebaliknya, mereka bersikap pasif sekiranya Shaari menukar permintaan selain bola sepak. Shaari beranggapan, dengan mengadaptasi kesesuaian konteks, minat murid dapat dipupuk, dikekalkan serta ditingkatkan. Justeru, penyertaan dan penglibatan mereka di samping membantu meningkatkan amalan dan kecergasan fizikal murid dapat ditingkatkan. Seperti katanya:

Sekarang ini saya fikir baik bagi apa mereka hendak main ...ada juga dia berpeluh daripada mereka tidak main langsung, ada juga jalankan aktiviti fizikal seminggu dua kali. Kalau dekat rumah tidak tentu lagi dia buat apa.

(SMKC/TB/CMA/01(27/3/206-208)

Walaupun Shaari adalah seorang guru disiplin di sekolah tetapi adalah sukar bagi beliau menyuruh murid-muridnya turun ke padang untuk melakukan aktiviti jasmani terutamanya aktiviti selain daripada permainan bola sepak. Sebagai protes, murid akan bersikap sambil lewa sahaja. Malah mereka juga rela didenda. Petikan di bawah adalah gambaran situasi tersebut. Menurut Shaari:

Apa guna kalau saya mengajar ikut sukatan seperti tendangan leret 10 meter dalam permainan bola sepak, permulaan lari pecut ke, lari ulang alik ke ...Ingat budak hendak dengar? Mereka akan buat tidak tahu sahaja. Pada mereka, masa PJ masa untuk main. Hendak main pula bola. Kalau kita ikut sukatan satu persatu, dia buat muka masam. Saya menyampah tengok. Minggu depannya pula, mulalah tidak bawa baju PJ. Bukan senang hendak suruh budak-budak ini PJ ...dia orang rela kutip sampah dari PJ. Jadi, daripada mereka tidak minat hendak PJ sebab tidak bagi apa yang mereka suka main ... lebih baik saya bagi sahaja apa yang mereka hendak main. Sekurang-kurangnya mereka main masa PJ ini.

(SMKC/TB/CMA/02(3/4/40-48).

Shaari peka dengan ragam dan kehendak murid yang inginkan bola sepak sebagai sajian pada waktu Pendidikan Jasmani. Beliau menimbang permintaan mereka semata-mata bertujuan mengekalkan minat dan penglibatan murid terhadap Pendidikan Jasmani.

Shaari mengulangi pernyataan “tidak ada gunanya menetapkan itu dan ini kalau murid tidak berminat dan tidak mahu memberikan yang maksimum”. (SMKC/TB/CMA/04(8/5). Menurutnya lagi, walaupun dengan bermain bola sepak, murid-murid masih dapat didedahkan dengan konsep kecergasan sama ada

yang berlandaskan kesihatan mahupun berlandaskan perlakuan motor, dan kemahiran asas pergerakan mengikut kemampuan diri. Hal ini jelas seperti dalam petikan di bawah:

Sekurang-kurangnya murid turun main, berpeluh, *happy* (gembira) pun sudah *okay!* Sebenarnya, main bola ini pun sudah dapat menguasai kemahiran asas, komponen kecergasan berlandaskan kesihatan dan perlakuan motor. Cuma ... memanglah main benda yang sama saja. Tapi pada saya, murid turun main matlamat utama!

(SMKC/TB/CMA/04(8/5/126-139)

Bagi Shaari sikap muridnya “dari dulu murid tidak suka PJ, tidak mahu PJ sebab kononnya tidak ada periksa” (SMKC/TB/CMA/04(8/5), adalah satu masalah tradisi yang berlanjutan sehingga kini. Malah senario kurang daya tarikan terhadap Pendidikan Jasmani masih berlaku hingga ke hari ini. Keadaan tersebut membuatkan beliau berusaha lebih gigih untuk mengembalikan minat dan penglibatan mereka terhadap Pendidikan Jasmani. Bagi mengatasi masalah demikian, Shaari akan mengikut suara majoriti yang lebih cenderung untuk bermain bola sepak. Shaari juga merasakan minoriti murid yang ingin permainan selain bola sepak hanyalah alasan sahaja untuk mereka tidak menjalani Pendidikan Jasmani. Seperti katanya:

Mana kita hendak ikut ...hendak ikut murid dua tiga orang yang tidak mahu main bola atau hendak ikut lebih dari 30 orang yang minat main bola? Tentu kita ikut suara ramai ...yang dua tiga orang ini hanya alasan sahaja untuk tidak PJ.

(SMKC/TB/CMA/03(17/4/75-77)



Shaari memahami akan sifat dan kehendak murid-murid Tingkatan 1, yang juga merupakan transisi daripada kelas Peralihan atau sekolah rendah ke peringkat menengah. Mereka masih lagi terbawa-bawa dengan sikap manja dan keanak-anakan. Konotasi Pendidikan Jasmani merupakan waktu untuk bermain masih tebal dan konsep ini sememangnya sentiasa berada dalam kotak fikiran mereka (SMKC/TBM/CMA/01/02/03). Shaari juga merasakan muridnya sukar untuk menerima bahawa Pendidikan Jasmani perlu diajar seperti mata pelajaran lain yang memerlukan permulaan atau set induksi, perkembangan, dan penutup. Justeru, Shaari merasakan dengan menggunakan pendekatan yang bersesuaian dapat membentuk, memupuk dan mengekalkan minat mereka terhadap Pendidikan Jasmani iaitu, membenarkan mereka bermain bola sepak. Hal ini membuatkan beliau mengambil masa untuk meyakinkan mereka bahawa Pendidikan Jasmani juga seperti mata pelajaran lain yang perlu diberi pengisian berdasarkan kurikulum yang ditetapkan. Shaari percaya, dengan memberi kebebasan bermain bola sepak, mereka akan berasa puas dan seronok untuk menjalani aktiviti Pendidikan Jasmani (SMKC/TB/CMA/01(27/3)).

Sama seperti dua peserta terdahulu iaitu Amelia dan Sara, Shaari juga berpendapat bahawa murid perlu mempelajari kandungan kurikulum. Mereka tidak seharusnya dibiarkan tanpa pengajaran dan pembelajaran secara langsung kerana Pendidikan Jasmani mempunyai konsep dan kemahiran yang perlu diketahui menerusi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Shaari sedar akan pentingnya pemindahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Namun, Shaari yang membenarkan mereka bermain permainan yang mereka sukai iaitu bola sepak hanyalah sebagai umpan bagi menggalakkan penglibatan

dan penyertaan mereka pada waktu Pendidikan Jasmani SMKC/TB/CMA/01(27/3). Hal ini seiring dengan matlamat yang digariskan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani iaitu bertujuan membantu murid menjadi cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan di samping menekankan gaya hidup yang sihat dan aktif menerusi penglibatan murid secara aktif dan selamat (KPM, 2002).

### *Azim*

Azim juga melaksanakan kurikulum mengikut kesesuaian persekitaran. Sama seperti Shaari, beliau mempertimbang suara dan kehendak majoriti muridnya pada waktu Pendidikan Jasmani. Hal ini kerana Azim berpendapat minat, kecenderungan dan semangat murid untuk mengambil bahagian dalam Pendidikan Jasmani perlu dipupuk dan ditingkatkan melalui pelbagai cara dan pendekatan. Namun status kurikulum Pendidikan Jasmani yang terpinggir menyebabkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani kurang diberi perhatian (SMKST/TB/SYAM/01(27/3). Justeru, murid akan melakukan aktiviti Pendidikan Jasmani mengikut suara ramai sementara Azim pula bertindak sebagai pemudah cara untuk permainan yang dipilih (SMKST/CLAPPnp/Syam(23/7). Contohnya, Azim memberi ulasan kepada muridnya tentang strategi serangan yang sewajarnya apabila murid berhadapan dengan situasi yang tertentu dalam permainan bola sepak.

Azim yakin Pendidikan Jasmani pada hari ini merupakan kesejahteraan sepanjang hayat, setiap masa dan di mana-mana sahaja. Justeru, pemindahan pengajaran dan pembelajaran secara langsung bukan menjadi persoalan untuk

murid-muridnya faham akan konsep dan kepentingan Pendidikan Jasmani. Sebaliknya Azim percaya bahawa murid akan tahu apabila mereka melakukannya kelak (SMKST/TB/SYAM/01(27/3)).

Hakikatnya, Azim hanya menjadikan sukatan pelajaran sebagai panduan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Menurut Azim, murid gembira dan tertanti-nanti akan waktu Pendidikan Jasmani sekiranya mereka diberi peluang untuk bermain permainan yang mereka sukai (SMKST/TB/SYAM/01(27/3)). Menyedari hakikat ini, Azim mengekal dan meningkatkan minat murid terhadap Pendidikan Jasmani ke arah penyertaan dan penglibatan yang optimum.

Seperti Shaari, Azim memberi kelonggaran kepada murid-muridnya memilih permainan yang mereka minati. Lazimnya, murid memilih untuk bermain bola sepak (SMKST/PM/SYAM/01-06). Azim memberikan alasan murid-muridnya bersikap demikian. Seperti katanya:

Anda tengok persekitaran ini ...semua flat, budak-budak tengok padang bola macam syurga. Dia dah *target*, masa PJ hendak main bola. Bila kita buat benda lain, moral dia akan *down* ...minggu depan dia sudah tidak bawa baju dah ....Besok-besok dia takkan bawa baju...tapi kalau bagi apa yang dia hendak, tiap-tiap minggu dia akan bawa baju. *So*, persekitaran macam sudah tidak membenarkan saya mengikut sukatan pelajaran, sebaliknya kena ikut keadaan semasa. Itu yang membuatkan sukatan dan pelaksanaan *totally different!*

(SMKST/TB/SYAM/01(27/3/146-153))

Murid-murid di SMK Tiga rata-rata tinggal di rumah pangsa setinggi 17 tingkat. Kawasan antara blok rumah pangsa yang rapat dan padat tidak memberi peluang kepada penghuninya untuk beriadah. Justeru, Azim berasakan murid-murid di SMK Tiga sentiasa menantikan waktu Pendidikan Jasmani untuk menggunakan peluang dengan memohon kebenaran daripada guru mereka untuk bermain bola sepak iaitu permainan yang memerlukan peralatan yang minimum dan penyertaan yang maksimum. Keadaan ini membuatkan Azim mengikut rentak muridnya agar minat, kecenderungan dan semangat murid untuk turun ke padang pada waktu Pendidikan Jasmani berkekalan. Azim sedar bahawa tindakannya itu telah bertentangan dengan hasrat dan matlamat kurikulum Pendidikan Jasmani. Harapan Azim hanyalah muridnya gembira, menghargai waktu Pendidikan Jasmani dan sentiasa tertunggu-tunggu waktu Pendidikan Jasmani setiap minggu (SMKST/TB/SYAM/01(27/3)).

Sebagai guru Pendidikan Jasmani, Azim turut berasa terpinggir seperti terpinggirnya mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Perasaan ini juga membuatkan Azim kurang bermotivasi dalam meneruskan peranan dan tanggungjawabnya sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah. Seperti katanya:

Siapa kisah saya ajar PJ ini? Muridpun hendak main, hendak main dan dah PJ memang macam ini. Ajar penat-penatpun orang bukan kisah. Pentadbir tanya pun tidak! Tanya markah KH (Kemahiran Hidup) ada la... Jadi takkan kita tidak ambil peluang di zon selesa macam ini.

(SMKST/TB/SYAM/01(27/3/217-219))

Azim merasakan Pendidikan Jasmani tidak dipandang seperti mata pelajaran yang lain. Konsepsi sedemikian membuat dirinya bersikap pasif terhadap peranannya sebagai pendidik jasmani dan agen pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Beliau mengambil kesempatan terhadap fenomena ini dan juga bersikap sambil lewa terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani (SMKST/CLAP/SYAM(8/6,6/8) Kepadanya “yang penting murid *enjoy* ...itu sebenarnya PJ, tidak seronok kalau kita paksa-paksa dia buat. Memang kita ada sukatan, tetapi murid tidak *enjoy* pun tak guna...” (SMKST/TB/SYAM/02(9/4). Lontaran suara Azim menunjukkan bahawa beliau mementingkan kegembiraan murid pada waktu Pendidikan Jasmani meskipun terpaksa mengabaikan kandungan yang dicadangkan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1.

### **Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah**

Salah satu aspek dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum adalah pemindahan pengajaran dan pembelajaran. Dalam pemindahan pengajaran dan pembelajaran, Mosston dan Ashworth (2002) telah membahagikan kepada tiga fasa iaitu dari rantaian perancangan, penyampaian dan penilaian. Kajian ini turut menganalisis data yang diperoleh dari keempat-empat peserta kajian berdasarkan fasa dari rantaian tersebut tersebut.

### ***Perancangan yang dilakukan oleh Peserta Kajian***

Perancangan pengajaran dan pembelajaran melibatkan guru membuat keputusan secara bertulis tentang peruntukan masa bagi sesuatu kandungan sukatan pelajaran dan mengenal pasti aktiviti serta bahan yang sesuai bagi menyampaikan kandungan itu (Metzler, 2000). Sementara itu, Mosston dan Ashworth (2002) menyenaraikan empat elemen penting yang perlu diambil kira dalam fasa perancangan iaitu objektif, pengetahuan terhadap mata pelajaran tersebut, individu atau murid yang terlibat, serta pengurusan dan organisasi yang melibatkan peralatan, tempat dan masa.

Data kajian menunjukkan perancangan pengajaran dan pembelajaran peserta kajian dipengaruhi oleh elemen-elemen seperti berikut: dokumen rasmi seperti sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, dan rancangan tahunan; kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah; pengalaman, pengetahuan dan kemahiran guru; dan ciri-ciri murid yang diajar termasuk pengetahuan sedia ada mereka. Jadual 4.2 merumuskan keseluruhan dapatan kajian berhubung perancangan pengajaran dan pembelajaran peserta kajian.

Jadual 4.2

*Elemen Perancangan yang Mempengaruhi Peserta Kajian*

	<b>Amelia</b>	<b>Sara</b>	<b>Shaari</b>	<b>Azim</b>
Dokumen Rasmi (Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan dan Rancangan Tahunan)	√	√	√	√
Kemudahan dan Peralatan	√	√	■	■
Pengalaman, Pengetahuan dan Kemahiran Guru	√	√	■	■
Ciri-ciri Murid	√	■	■	■

Petunjuk : (√) = mengambil kira; (■) = tidak mengambil kira

***Dokumen Rasmi***

Dokumen rasmi dalam konteks kajian ini merujuk kepada Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran, Rancangan Tahunan dan dokumen berkaitan yang dikeluarkan oleh kementerian, JPWP, dan pihak sekolah. Kajian mendapati Amelia mematuhi dengan tepat rancangan tahunan yang disarankan oleh BPK, KPM (SMPB/Dok/CT(25/3) kerana menganggap rancangan itu merupakan dokumen wajib yang perlu dipatuhi. Tindakan Amelia itu kerana pengalaman beliau dalam bidang Pendidikan Jasmani, di samping penglibatan beliau yang pernah terlibat dalam penyediaan panduan rancangan tahunan tersebut bagi JPWP Kuala Lumpur (SMPB/TB/CT/02(1/4).

Di sekolahnya iaitu di SMK Satu, dokumen Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran dan rancangan tahunan dijilid dan disimpan di dalam fail peribadi guru (SMPB/Dok/CT(25/3) dan fail panitia sekolah. Amelia menjadikan dokumen dalam fail peribadinya itu sebagai rakan baik sewaktu merancang

rancangan mingguan dan harian meskipun beliau telah masak dengan kandungan yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Jasmani (SMPB/Dok/CT(27/3). Walau bagaimanapun, beliau masih perlu merujuk rancangan tahunan apabila merangka rancangan mingguan dan harian yang dimuatkan dalam buku rekod pengajaran (SMPB/TB/CT/02(1/4). Hal tersebut kerana Amelia ingin memastikan perancangan pengajarannya adalah selari dengan agihan waktu yang diperuntuk untuk setiap tunjang pembelajaran Pendidikan Jasmani.

Ketegaran Amelia tentang kepentingan membuat perancangan berdasarkan agihan waktu adalah kerana beliau tahu bahawa setiap tunjang kecergasan, kemahiran dan kesukanan yang terdapat dalam pembelajaran Pendidikan Jasmani menyumbang kepada objektif dan matlamat yang berbeza. Perancangannya turut mengambil kira susunan kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani di Malaysia yang memberi penekanan terhadap prinsip-prinsip asas kurikulum ini seperti pengulangan, kesepaduan, ansur maju, skop, dan turutan (SMPB/Dok/CT(25/3).

Walaupun bagaimanapun, Amelia masih perlu membuat adaptasi dalam perancangan pengajaran dan pembelajarannya. Amelia terpaksa melupakan urutan kandungan kurikulum yang digariskan dalam Sukatan Pelajaran semasa merancang pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, kekangan dari aspek kemudahan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani SMK Satu seperti yang pernah dijelaskan dalam bahagian tapak kajian. Keadaan tersebut membuatkan Amelia merancang dengan teliti agar elemen yang ingin diadaptasi sejajar dengan objektif dan matlamat yang dihasratkan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani. Contohnya, Amelia merancang menggunakan



enam waktu interaksi tunjang kecergasan bagi menjalankan ujian SEGAK tetapi pada masa yang sama beliau memastikan perancangannya tidak bertembung dengan guru lain yang ingin menjalankan aktiviti yang sama. Hal ini kerana tempat dan peralatan begitu terhad dan pada masa yang sama beliau cuba mematuhi tajuk yang terdapat dalam tunjang pembelajaran (SMPB/CLAPPnp/CT). Selain itu, pengalamannya yang luas juga membuatkan adaptasi dalam perancangan dirancang dengan baik bagi mengikuti komponen pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap murid (SMPB/Dok/CT(25/3)).

Seorang lagi peserta kajian yang didapati membuat perancangan berdasarkan cadangan rancangan tahunan ialah Sara. Beliau yang tidak mengetahui kewujudan cadangan rancangan tahunan yang dikeluarkan oleh JPWP hanya mematuhi rancangan tahunan yang disarankan oleh BPK, KPM. Sara mengambil inisiatif menaip semula rancangan tahunan yang diperolehnya daripada Ketua Panitia sekolahnya “kerana rancangan tahunan tersebut kelihatan ‘antik’ iaitu keadaan salinannya yang kabur, tidak jelas dan tidak sedap matanya memandang” (SMKC/TB/K/01(17/3)). Tindakan Sara itu adalah peluangnya untuk meneroka dan menghayati kandungan yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1. Hasil daripada penerokaan dan penghayatannya ini juga membolehkan Sara memperuntukkan nisbah 3:1 untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, dan Pendidikan Kesihatan tersebut dirancang untuk dilaksanakan pada minggu pertama setiap bulan sepanjang tahun. Mungkin sebab latar belakangnya yang beropsyen Matematik, beliau cuba mengikut dengan tepat isi kandungan yang terdapat

dalam dokumen kurikulum rasmi seperti sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (SMKC/Dok/K&CMA(26/6).

Sikap Sara yang mengambil berat terhadap perancangan pengajaran dan pembelajaran bersandarkan sukatan kerana sukatan pelajaran merupakan rujukan utamanya untuk berhadapan dengan murid. Petikan di bawah jelas menunjukkan sikapnya itu:

Kalau tidak berpandukan sukatan, saya tidak tahu apa hendak mengajar? Kalau Matematik, memang sudah biasa tetapi dalam PJ, saya kena rujuk.

(SMKC/TB/K/01(17/3/133-135)

Sara merasakan perancangan menjadikan dirinya lebih yakin dan bersedia untuk berhadapan dengan murid. Hal ini dititikberatkan kerana beliau sedar akan kekurangannya dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan kurikulum ini (SMKC/TB/K/01(17/3).

Berbeza dengan Amelia yang banyak membuat adaptasi, Sara hanya merancang berdasarkan urutan yang dicadangkan dalam sukatan pelajaran sebelum memulakan interaksinya dengan murid pada setiap minggu (SMKC/CLAPPnp/K(23/6). Tindakannya itu kerana konteks SMK Dua yang lengkap dengan peralatan permainan dan kemudahan seperti padang, gelanggang dan gimnasium, memudahkan Sara menjalankan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dicadangkan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani.

Sementara itu, Shaari yang mengajar di sekolah yang sama dengan Sara juga berpandukan dokumen rasmi dalam perancangan pengajaran. Bezanya, Shaari menganggap perancangan tidak memainkan peranan penting dalam

pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani. Seperti Sara, Shaari juga tidak mengetahui kewujudan cadangan rancangan tahunan yang dikeluarkan oleh JPWP dan hanya menggunakan rancangan tahunan yang diklasifikasikan Sara sebagai 'antik' itu untuk merangka rancangan mingguan dan hariannya. Baginya, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani tidak memerlukan perancangan dan perhatian yang khusus (SMKC/Dok/K&CMA(26/6)). Sebaliknya beliau menganggap perancangan hanya bagi tujuan rasmi, iaitu perlu ditulis di dalam buku rekod pengajaran. Untuk itu, beliau sentiasa memastikan buku rekod pengajarannya itu ditulis dengan lengkap, kemas dan sentiasa kemas kini dari sehari ke sehari. Malah, Shaari memastikan rancangan hariannya disiapkan terlebih dahulu sebelum kelas bermula (SMKC/Dok/CMA(26/6)).

Sekiranya Sara menyusun semula perancangan tahunannya, Shaari pula hanya mengguna pakai rancangan tahunan yang antik itu tanpa membuat penyusunan berdasarkan takwim, mahupun perancangan untuk memuatkan nisbah Pendidikan Kesihatan untuk mata pelajaran tersebut. Bagi Shaari, perancangan hanya suatu rutin yang perlu beliau penuhi seperti yang jelas daripada kata-katanya yang berikut:

Perancangan? Saya tulis ikut rancangan tahunan itu sajalah. Tulis mesti tulis ikut sukatan. Dokumen rasmi memang kena jaga ...tapi, pelaksanaannya ...macam yang dilihat selalu. Itu yang berlaku!

(SMKC/TB/CMA/01(27/3/34-37)).

Shaari menganggap perancangan yang dimuatkan dalam buku rekod merupakan dokumen rasmi yang harus dilakukan oleh guru. Namun Shaari

seakan-akan memberi gambaran bahawa perancangan hanya bersifat formaliti dalam senario pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Seperti tiga orang guru sebelum ini, Azim juga berpandukan dokumen rasmi dalam merancang pengajaran dan pembelajarannya (SMKST/Dok/SYAM/9/4). Walaupun menjadi Ketua Panitia Pendidikan Jasmani, beliau langsung tidak mengetahui akan kewujudan rancangan tahunan yang dikeluarkan oleh JPWP. Sebaliknya, Azim hanya menjadikan rancangan tahunan yang sedia ada di dalam simpanan fail panitia sebagai panduan dalam merancang rancangan mingguan dan hariannya.

Sebagaimana Shaari, Azim hanya menyalin rancangan mingguan dan harian daripada rancangan tahunannya kerana menganggap sukatan pelajaran ‘lengkap dan cantik’ itu tidak memerlukan guru membuat perancangan lagi (SMKST/TB/SYAM/01(27/3)). Beliau mementingkan penyertaan dan penglibatan aktif murid di samping kepercayaannya bahawa muridnya hanya berminat untuk bermain bola sepak, menyebabkan beliau tidak perlu untuk membuang masa memikirkan perancangan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sukatan pelajaran. Tambahan pula bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang dianggap tidak penting. Seperti yang dinyatakan dalam petikan di bawah:

Pernah atau tidak semasa anda menjadi guru Pendidikan Jasmani dahulu anda ditanya atau diingatkan oleh pentadbir ‘*lesson plan*’ dah *prepare*? Silibus PJ habis ke tidak? Saya tidak fikir ada! Begitu jugalah yang berlaku terhadap saya ...tidak ada siapa tanya ...kalau tanyapun, “kenapa tiang bendera tu senget semasa kejohanan sukan semalam? Apasal budak bising sangat semasa PJ? Murid busuklah”. Jadi, kita hendak merancang pun tidak ada

hati ...sebab apa ... sebab mata pelajaran kita PJ!

(SMKST/TB/SYAM/02(9/4/157-162)

Azim merasakan masyarakat tidak langsung mempedulikan perkara-perkara yang berlaku dalam Pendidikan Jasmani. Keadaan ini membuatkan Azim juga cenderung untuk bersikap sambil lewa terhadap tugasnya sebagai pelaksana kurikulum ini di sekolah dan merasakan pihak pentadbir hanya berminat dalam mencari kesilapan berbanding menggalakkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

Dapatan kajian juga mendapati hanya Amelia yang tahu kewujudan cadangan rancangan pelajaran tahunan yang dikeluarkan oleh JPWP. Penglibatan beliau dalam penyusunan rancangan tersebut membuatkan beliau tahu akan perkara ini. Namun, tidak kepada SMK Dua dan SMK Tiga. Seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Sukan SMK Dua iaitu Cikgu Halim:

Kita tidak dapat Panduan Rancangan Pelajaran Tahunan JPWP itu ...memang tidak ada! Kami pakai mana yang ada. Sejak dari 1999, itu yang ada. Kalau barupun, ada cikgu yang menaip atau menyusun semula.

(SMKC/CLAPKonteks/17/3)

Penjelasan Cikgu Halim mengesahkan bahawa Sara dan Shaari bukan bersikap tidak ambil tahu sebaliknya inisiatif Sara menyusun rancangan tersebut menunjukkan sikap tanggungjawabnya yang tinggi. Kepayahan Sara menyusun

memberi peluang kepadanya untuk menghayati kandungan yang terdapat di dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani.

Perkara yang sama berlaku di SMK Tiga yang mana Azim sendiri sebagai Setiausaha Sukan sekolah sejak dari awal-awal lagi mengakui tidak pernah melihat cadangan rancangan pelajaran tahunan yang dikeluarkan oleh JPWP (SMKST/TB/SYAM/01(27/3).

### ***Kemudahan dan Peralatan***

Satu lagi elemen yang mempengaruhi perancangan guru adalah kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah. Hal ini merujuk kepada kemudahan dan peralatan yang digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani seperti padang, gelanggang dan gimnasium serta peralatan sukan dan permainan.

Faktor ini begitu penting kepada Amelia kerana kawasan sekolahnya yang begitu terhad ada kalanya menyebabkan beliau perlu “berebut” (SMPB/CLAPP/CT(15/7) dengan guru lain untuk menggunakan gelanggang bola keranjang atau dewan terbuka. Walaupun pembelian alatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran mendapat kerjasama dari pihak pentadbir, namun kekangan dari aspek kemudahan menjalankan pengajaran dan pembelajaran masih berlarutan disebabkan kawasan sekolah yang begitu sempit dan terhad. Faktor inilah yang menyebabkan Amelia membuat banyak adaptasi dalam perancangannya bagi memastikan matlamat dan objektif kurikulum masih mampu dipenuhi. Bagi Amelia, hanya dengan perancangan sahaja pengajaran dan pembelajaran pada hari yang sepatutnya berjalan dengan licin dan lancar.

Contohnya, Amelia memikirkan untuk membawa muridnya bagi memperkenalkan acara lontar peluru. Seperti katanya “kalau tidak fikir perkara macam ini, susah kita bila tiba masa hendak mengajar” (SMPB/TB/CT/01(25/3)).

Pendidikan Jasmani begitu sinonim dengan kemudahan dan peralatan dan Amelia tidak mahu faktor ini membataskan peluang murid untuk mengalami pengalaman pembelajaran mereka. Amelia sedaya upaya meminimumkan kekangan yang dihadapi dan yakin perancangannya dapat memberi pengalaman yang optimum kepada murid-murid.

Berbeza dengan Amelia, sekolah Sara mempunyai kemudahan yang sempurna dan ini memudahkan beliau membuat perancangan. Kelebihan ini membuatkan beliau berpeluang meninjau-ninjau peralatan yang terdapat di stor sukan sekolahnya atau bertanya kepada guru Pendidikan Jasmani yang lain, dan mencuba terlebih dahulu peralatan yang diperlukan sebelum membuat perancangan (SMKC/CLAPr/K(24/3)). Perkara ini amat penting kepada Sara kerana beliau perlu tahu cara untuk menjalankan atau mengoperasi peralatan tersebut sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah. Malah, Sara amat risau sekiranya pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan peralatan tidak pernah dicubanya terlebih dahulu. Contohnya, Sara mengambil inisiatif mencuba membuat lombolan pada aktiviti yang ingin dijalankan pada minggu ke hadapan (SMKC/CLAPr/K(16/6)) hanya semata-mata ingin mendapatkan pengalaman peralatan yang ingin digunakan dalam gimnastik artistik. Pengalaman tersebut memudahkan Sara merancang gerak kerja kelas dan gerak kerja kumpulan kelak. Kepada Sara, dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani, guru memerlukan kemudahan dan peralatan yang cukup

bilangannya dan guru juga seharusnya tahu untuk memaksimumkan kepenggunaannya demi kepentingan murid (SMKC/TB/K/01(17/3).

Keadaan sebaliknya berlaku pada Shaari. Walaupun Shaari tidak mempunyai masalah dengan kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani, namun, beliau tidak langsung menggunakan kemudahan yang ada di sekolah sebagai kelebihan dalam merancang pengajaran dan pembelajarannya (SMKC/CLAPr/CMA(11/4). Kepada Shaari juga, tidak timbul kekusaran untuk menggunakan alatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran kerana penggunaannya hanya pada peringkat asas sahaja (SMKC/TB/CMA/02(3/4).

Shaari tidak menganggap kemudahan dan peralatan merupakan elemen penting yang difikirkannya dalam merancang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Sikap Shaari yang sedemikian dipengaruhi oleh konsepsinya bahawa murid berminat bermain bola sepak pada waktu Pendidikan Jasmani dan merasakan padang permainan dan bola sepak merupakan alat utama yang harus difikirkannya. Kata-kata dalam petikan di bawah adalah luahan perasaannya itu:

... apalah sangat hendak fikir-fikir pasal alatan ini. Budak minat main bola dan masa belajar di universiti dulu, bukan saja semua alatan dalam permainan kita pegang, alat-alat doktor yang kita pernah cuba. Lagipun setakat silibus di sekolah memang tidak ada apa sangat.

(SMKC/TB/CMA/05(26/5/121-128)



Shaari tidak merasakan faktor kemudahan dan peralatan merupakan faktor yang mencabarnya. Hal ini mungkin disebabkan Shaari telahpun mempunyai ketetapan minda dalam membenarkan murid-murid bermain bola sepak sahaja pada waktu Pendidikan Jasmani.

Keadaan yang sama berlaku pada Azim. Beliau tidak mengambil kira aspek kemudahan dan peralatan dalam perancangannya. Azim sedia maklum dengan kekangan kemudahan dan peralatan yang terdapat di sekolahnya yang baru berusia lima tahun itu tidak Azim tidak mengambil inisiatif untuk cuba mengatasinya (SMKST/TB/SYAM/01(27/3). Azim merasakan muridnya hanya berminat untuk bermain bola sepak. Justeru, peralatan yang diperlukan hanyalah sebiji bola sepak dan kawasan permainan sahaja.

### ***Pengalaman, Pengetahuan dan Kemahiran Guru***

Kajian ini juga mendapati perancangan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dipengaruhi oleh elemen pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang ada pada guru. Hal ini berkaitan dengan pengalaman guru dalam mengajar dan belajar Pendidikan Jasmani, pengetahuan mereka dari aspek kandungan kurikulum, dan kemahiran dalam menyampaikan kurikulum ini. Misalnya, Amelia yang beropsyen Pendidikan Jasmani turut terlibat dalam hal-hal berkaitan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan pada peringkat negeri berkeyakinan untuk memanipulasi agihan waktu yang diperuntuk dalam tunjang pengajaran (T02/T03) dalam membuat adaptasi dalam perancangannya. Ciri-ciri ini membuatkan Amelia tidak mengelabah apabila menerima peralatan baru yang dibeli oleh pihak sekolah. Beliau tidak perlu mencuba sebelum merancang

pengajaran dan pembelajaran sebaliknya yakin dapat menggunakan atau mengoperasinya dengan baik walaupun pertama kali menggunakannya.

Sebaliknya Sara yang bukan terlatih dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan serta pertama kali mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Tingkatan 1, kurang berkeyakinan untuk membuat adaptasi dalam perancangannya. Walau bagaimanapun, Sara menggunakan pengalaman mengajar Pendidikan Jasmani semasa di sekolah rendah dahulu dalam merancang pengajaran dan pembelajarannya (SMKC/TB/K/01(17/3). Pengalaman berhadapan dengan murid yang terdiri daripada pelbagai ragam dan suka bermain pada waktu Pendidikan Jasmani, membuatkan Sara kreatif dalam perancangannya. Setiap aktiviti yang dirancang cuba diselitkan unsur-unsur pertandingan sama ada berbentuk kumpulan atau individu yang secara tidak langsung bertujuan memperbaiki pencapaian murid dari aspek catatan masa atau jarak (SMKC/CLAPr/K(17/14/24/4). Kepada Sara perkara tersebut penting untuk difikirkan dalam meningkatkan semangat dan motivasi murid dalam aktiviti yang dilalui.

Sara juga menyedari akan masalah yang pernah dihadapinya. Untuk itu, Sara mendapatkan maklumat tentang perkara yang beliau kurang pasti daripada guru yang berpengalaman terlebih dahulu (SMKC/CLAPr/K(24/3,/14/4,6/5) dan suka untuk mempelajari serta mencubanya terlebih dahulu sebelum berhadapan dengan muridnya. Perkara ini turut disahkan oleh Setiausaha Sukan di sekolahnya:

Cikgu ini bukan opsyen PJ, tetapi sikap dia mengalahkan guru lama dan guru opsyen. Kalau dia hendak tahu, dia tanyalah saya “cikgu, *free* atau tidak petang ini atau esok? nak minta tolong tunjuk cara lombol lah ...”. Saya pula akan beritahu bila saya *free* untuk tunjukkan cara!

(SMKC/CLAPKonteks/26/6)

Malah, perkara ini juga disuarakan oleh rakan sejawatnya Shaari. Seperti katanya:

Dengan saya dia tanya ...contoh yang baru ini, macam mana gaya yang betul untuk lontar peluru? Bila kita tunjuk, dia cuba ikut apa kita buat. Sayapun faham, dalam buku ada tetapi kalau kita tengok, kita lebih jelas!

(SMKC/CLAPKonteks/26/6)

Sara berasa yakin sekiranya kemahiran yang ingin dikongsi bersama muridnya terlebih dahulu, dilaluinya. Hal ini membawa kepada perancangan pengajarannya yang lebih menekankan kepada aspek realistik iaitu, mampu untuk dicapai oleh muridnya.

Sementara itu, Shaari pula yang berpengalaman mengajar Pendidikan Jasmani di sekolah rendah lebih dari lima tahun (SMKC/TB/01(27/3), tidak digunakannya dalam merancang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1. Perancangan pengajaran dan pembelajaran Shaari hanya sekadar melengkapi buku rekod yang diwajibkan terhadap semua guru.

Shaari begitu yakin dengan pengetahuan dan kebolehannya, malah kepada Shaari perkara ini tidak langsung mencabar (SMKC/TB/CMA/03(17/4) kerana tidak ada perkara-perkara baru yang perlu difikirkannya semasa merancang pengajaran dan pembelajaran. Program ikhtisas semasa di universiti dahulu banyak mendedahkan beliau dengan konsep kejurulatihan. Di samping itu peranannya sebagai jurulatih dan fasilitator dalam bidang Pendidikan Luar (SMKC/TB/01(27/3) membuatkan beliau bersikap '*over confident*'.

Salah seorang peserta kajian yang tidak mengambil kira aspek pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran ialah Azim. Walaupun mengakui bahawa bertugas sebagai pegawai sukan dalam kejohanan MSSKL banyak mematangkan diri dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Sukan, tetapi perkara ini tidak membantu dalam perancangan pengajaran dan pembelajarannya. Azim terikat dengan cadangan rancangan tahunannya. Malah Azim hanya bertindak dengan menyalin sahaja daripada rancangan tahunannya walaupun tidak langsung selari dengan program yang terdapat dalam takwim di sekolahnya. Kepada Azim, merancang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani tidak berbaloi dan hanya bersifat sia-sia sahaja kerana merasakan usahanya tidak dihargai dan tidak mendapat perhatian daripada pentadbir sekolah (SMKST/TB/SYAM/02(9/4).

Latar belakangnya yang hanya mendapat latihan ikhtisas selama setahun dalam bidang ini masih belum mampu membantunya dalam menyumbang kepada perancangan pengajaran dan pembelajaran. Malah, bidang pengurusan sukan yang diceburi semasa di peringkat ijazah pertamanya juga tidak menyediakan guru ini tentang pengetahuan kandungan kurikulum Pendidikan Jasmani. Terlalu banyak

perkara-perkara baru yang tidak diketahuinya. Malah, istilah-istilah seperti kinesiologi, biomekanik dan bateri-bateri ujian tidak pernah didengarinya. Perkara ini menjadi lebih serius apabila beliau tidak mempunyai inisiatif untuk mengambil tahu perkara-perkara berkaitan kurikulum ini kerana beliau sentiasa merasakan bahawa berhadapan dengan situasi sekolah yang dianggapnya kurang memberi sokongan terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan membuatkan dirinya seakan-akan tidak bermotivasi dalam memperuntukkan masanya untuk merancang pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, perspektifnya terhadap murid-murid yang hanya berminat bermain bola sepak semasa Pendidikan Jasmani menjadikan guru muda ini semakin pasif.

### ***Ciri-ciri Murid***

Elemen terakhir yang mempengaruhi perancangan guru adalah ciri-ciri murid yang meliputi kebolehan serta kebolehan sedia ada mereka dari aspek pengetahuan dan kemahiran. Misalnya, Amelia amat peka bahawa murid masih tidak dapat menguasai kemahiran asas (SMPB/TB/CT/05(22/7)). Di samping itu, majoriti muridnya datang dari kelas peralihan dan kurang fasih berbahasa Melayu, terlalu lambat bergerak balas mengikut arahan (SMPB/CLAPr/CT(10/6)), mempengaruhi perancangannya terutama dalam melibatkan masa. Mereka terpingga-pingga walaupun Amelia bercakap dalam rentak yang biasa dan bersesuaian untuk murid-murid fahami. Muridnya juga tidak memberikan sebarang respons sekiranya mereka tidak faham, lebih-lebih lagi yang melibatkan istilah Pendidikan Jasmani. Begitu juga ciri-ciri muridnya yang membesar di tengah-tengah kota raya dan lebih terdedah kepada aktiviti siber berbanding

aktiviti fizikal (SMPB/CLAPr/CT(10/6). Menyedari akan keadaan ini, Amelia lebih teliti dalam perancangannya.

Sara pula tidak menjadikan ciri-ciri muridnya sebagai kriteria dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sara bersikap sedemikian disebabkan Sara berpegang kepada kepercayaan bahawa sukatan yang tersurat sememangnya telah mengambil kira ciri-ciri murid seperti keupayaan dan kebolehan mereka secara umum (SMKC/TB/K/02(24/3). Sara yakin muridnya mampu lakukan sekiranya beliau sendiri boleh melakukannya

Keadaan yang sama berlaku kepada Shaari dan Azim. Walaupun Shaari mengatakan “guru harus memikirkan minat dan penyertaan murid” (SMKST/TB/CMA/01) dan Azim pula yang kuat dengan pegangan “*by doing they learn something*” (SMKST/TB/SYAM/04(26/6). Namun kedua-dua mereka tidak menjadikan ciri-ciri murid sebagai kriteria dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

Shaari merasakan aktiviti yang terkandung dalam Pendidikan Jasmani tidak langsung mencabarnya (SMKC/TB/CMA/03(17/4). Konsepsi ini membawa kepada terjemahannya dalam merancang pengajaran dan pembelajaran dengan tidak memikirkan ciri-ciri murid sebagai salah satu dari elemen perancangan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Cadangan aras-aras pembelajaran yang sepatutnya dijadikan panduan untuk muridnya capai hanya dijadikan sebagai formaliti dalam melengkapkan buku rekod pengajaran (SMKC/Dok/CMA(10/7).

Keadaan yang sama berlaku kepada Azim. Beliau tidak memikirkan kebolehan serta kebolehan sedia ada murid dari aspek pengetahuan dan

kemahiran dalam merancang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani (SMKST/TB/SYAM/04). Azim merasakan murid hanya berminat bermain bola sepak dan murid mampu menguasai kemahiran sekiranya berminat terhadap permainan tersebut. Perspektif ini mendorong Azim untuk tidak menjadikan ciri-ciri murid sebagai salah satu elemen yang difikirkan dalam merancang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

### ***Penyampaian Kurikulum Pendidikan Jasmani oleh Peserta Kajian***

Rantainya seterusnya selepas perancangan adalah penyampaian, iaitu pelaksanaan terhadap perancangan tersebut (Mosston & Ashworth, 2002). Dapatan tentang aspek ini dibincangkan dalam dua elemen iaitu pengurusan dalam penyampaian kurikulum Pendidikan Jasmani dan pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

### ***Pengurusan dalam Penyampaian Kurikulum Pendidikan Jasmani***

Ciri kurikulum Pendidikan Jasmani yang bersifat kompleks dan dinamik membuatkan elemen pengurusan sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani (Metzler, 2000). Menurut Metzler, pengurusan dalam Pendidikan Jasmani melambangkan organisasi guru terhadap perjalanan bilik darjah dan disiplin dalam usaha memupuk sikap murid yang positif ke arah suasana pembelajaran yang kondusif. Dapatan kajian menunjukkan elemen pengurusan yang diberi perhatian oleh peserta kajian seperti disiplin murid dan kawalan kelas, kehadiran murid, pakaian dan keseragaman berpakaian (Jadual 4.3)

Jadual 4.3

*Elemen Pengurusan dalam Pelaksanaan yang Diberi Perhatian*

	Amelia	Sara	Shaari	Azim
Disiplin Murid dan Kawalan Kelas	√	√	√	■
Kehadiran Murid	√	√	√	■
Pakaian	√	√	√	√
Keseragaman Berpakaian	√	■	■	■

Petunjuk : (√) = mengambil kira; (■) = tidak mengambil kira

**Disiplin murid dan kawalan kelas.** Disiplin murid dan kawalan kelas merujuk kepada tindakan guru dalam memastikan murid berada di tempat yang sepatutnya pada waktu Pendidikan Jasmani. Disiplin murid dan kawalan kelas sangat penting kepada Amelia. Keadaan SMK Satu yang kesemua muridnya perempuan, terletak berhampiran jalan raya menuju ke pusat membeli belah di ibu kota Kuala Lumpur membuatkan guru ini lebih berhati-hati. Di tambah lagi dengan lokasi dataran terbuka dan gelanggang bola keranjang yang terletak kurang 10 meter dari pintu pagar sekolahnya itu yang memudahkan muridnya menyelinap keluar pada atau selepas waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani, menjadikan Amelia tegas mengawal mereka (SMPB/TB/CT/01(25/3)).

Bagi tujuan keselamatan juga, Amelia melarang sama sekali murid-muridnya merayau-rayau atau ke kantin semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Sebaliknya, beliau menggalakkan muridnya membawa air minuman bersama-sama dan meletakkannya di suatu sudut dan minum apabila



tamat waktu Pendidikan Jasmani (SMPB/CLAP/CT(11/9). Terlalu banyak mata memandang terutama kerana keadaan sekolahnya yang semacam kotak mancis memudahkan guru-guru lain, pentadbir mahupun pelawat melihat murid berkeliaran sekiranya perkara ini tidak dibendung. Amelia tidak mahu masa Pendidikan Jasmani dilabel sebagai masa untuk bersantai dan murid bebas bergerak ke sana ke mari. Kredibilitinya sebagai guru yang tegas dan mementingkan disiplin diperlihara dengan baik (SMPB/TB/CT/03(10/6).

Amelia marah apabila murid keluar daripada kelas tanpa pengetahuannya. Beliau mengingatkan mereka untuk memberitahunya kalau diperlukan di tempat lain. Seperti katanya: “ Saya sudah ingatkan berapa kali ... jumpa cikgu ke, atau apa ke, beritahu saya!” (SMPB/PM/CT(6/5). Amelia bersikap sedemikian kerana takut muridnya mengambil kesempatan untuk tidak menyertai kelas Pendidikan Jasmaninya. Perkara sedemikian memang sering terjadi terutama apabila murid sibuk dengan latihan untuk pasukan sekolah. Murid sengaja melambat-lambatkan diri masuk ke kelas dan memberi alasan latihan lewat habis. Perkara yang sama terjadi apabila terdapat sekelompok murid yang terlalu lewat tiba ke gelanggang atau dataran terbuka. Alasan mereka “cikgu lewatkan kami keluar PJ” (SMPB/PM/CT(1/4) memang diduganya. Justeru, “lari sampai saya suruh kamu berhenti” merupakan resolusi Amelia. Perkara ini perlu dikuatkuasakan kerana beliau tidak mahu hal ini menjadi kebiasaan kepada muridnya mengambil masa yang lama menyalin pakaian mereka di tandas. Amelia sedar helah mereka, sengaja melambat-lambatkan langkah, supaya dapat mengelakkan diri daripada melakukan aktiviti di bawa cahaya matahari.

Bagi Sara, kapasitasnya sebagai guru disiplin sedikit sebanyak membantu dalam berhadapan dengan masalah disiplin dan kawalan kelas. Beliau yang memastikan murid membawa pas kebenaran keluar walaupun berada di tengah padang atau gelanggang, tidak dapat lari daripada berhadapan dengan murid yang suka ‘melencong’ pada waktu Pendidikan Jasmani. Walau bagaimanapun, tindakan beliau yang pernah memberi amaran kepada murid-murid yang lewat turun dan tindakannya menghantar tiga orang murid yang pernah ponteng kelas Pendidikan Jasmaninya untuk dirotan oleh cikgu Masri (nama samaran) (SMKC/CLAP/K(8/7) sebelum ini, memberi kesan yang positif dari aspek disiplin dan kawalan kelas. Kesannya, masalah murid merayau dapat dikurangkan. Sara terpaksa bertindak sekeras itu kerana reputasinya sebagai guru disiplin sering bertindak tegas kepada murid-murid yang dirujuk oleh guru lain di sekolah itu, dalam kes yang sama.

Sara tidak mengawal disiplin kelasnya seorang diri. Sebaliknya, ramai rakan-rakannya bertindak sebagai matanya terutama apabila beliau menjalankan aktiviti di gimnasium yang lokasinya sedikit tersorok di belakang dewan besar. Guru-guru Pendidikan Jasmani lain yang menjalankan aktiviti di padang pasti membantu beliau dengan menghalau atau menyuruh muridnya cepat mendapatkan guru mereka itu (SMKC/CLAPPnp/K(28/6).

Hal ini kerana, persekitaran sekolah yang luas dan murid terdedah dengan suasana yang meriah di padang dalam perjalanan mereka menuju ke gelanggang atau gimnasium. Sifat dan lumrah murid yang sibuk memerhatikan kelas lain membuatkan mereka leka dan mengakibatkan mereka tidak segera tiba ke kelas Pendidikan Jasmani. Memelihara disiplin murid dan kawalan kelas,

terutama apabila berada di kawasan terbuka seperti padang sememangnya memerlukan kepekaan yang tinggi dalam kalangan guru dan atas dasar itu Sara menggunakan rakan-rakan lain dalam membendung masalah sedemikian. Hal ini kerana, tugas dan tanggungjawab menjaga disiplin murid dan mengawal kelas tidak boleh disandarkan kepada guru disiplin semata-mata, sebaliknya merupakan tanggungjawab seluruh warga sekolah.

Kawalan kelas amat mencabar apabila Sara menjalankan aktiviti di padang. Walaupun kawasannya 'dipagar' dengan penanda kon, (SMKC/CLAPPnp/K(28/6) murid terdedah dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh murid-murid lain secara serentak. Pasti ramai muridnya duduk di tepi padang dan tidak memasuki kawasan yang dipagarnya itu. Mereka malu untuk menjalankan gerak kerja kerana rasa diperhatikan oleh murid lelaki. Sara lagak bagaikan tidak memahami situasi mereka sebaliknya Sara memaksa mereka berlari mengelilingi satu pusingan padang sekiranya mereka lambat bergerak balas terhadap bunyi wiselnya. Beliau terpaksa bertindak setegas itu kerana tidak mahu bilangan mereka semakin bertambah. kepadanya, murid pandai mencari alasan untuk melengah-lengahkan keadaan. Walau bagaimanapun, Sara juga bertindak menukar posisi agar muridnya membelakangi murid-murid lain di padang supaya mereka tidak berasa malu dan rasa diperhatikan (SMKC/CLAPPnp/K/28/6).

Seperti Amelia, Sara juga menggalakkan muridnya membawa air minuman semasa turun ke kelas Pendidikan Jasmani. Sara menjadikan amalam ini sebagai salah satu daripada strateginya untuk mengawal muridnya ke kantin membeli air walaupun padang bola sepak hanya terletak bersebelahan kantin

dan berhampiran pintu masuk sekolah. Sara perlu mengawal keadaan murid dari ke kantin pada waktu pengajaran dan pembelajaran memandangkan ramai ibu bapa yang menunggu anak mereka pada waktu petang, tidak melepaskan peluang menjenguk-jenguk perkara yang berlaku di padang. Hal ini bukan sahaja mendatangkan kesan pada diri Sara, sebaliknya boleh mendatangkan tanggapan buruk masyarakat terhadap mutu disiplin sekolah tersebut (SMKC/TB/K/04(22/4)).

Bagi Shaari pula, beliau menguatkuasa pemakaian pas keluar masuk kelas sebagai salah satu cara mengawal murid, termasuk mereka ingin ke surau untuk menunaikan solat Asar. Shaari hanya membawa satu pas sahaja walaupun dibekalkan dengan dua keping oleh pihak sekolah. Beliau tidak mahu memberi ruang untuk muridnya bebas bergerak dengan kebenaran yang diberikan (SMKC/CLAPPnp/CMA(8/5)).

Senario yang dialami oleh Shaari hampir sama dengan Sara. Murid-muridnya juga berhadapan dengan persekitaran terbuka. Murid Shaari yang lebih dari 40 orang berkemungkinan 'singgah' dalam perjalanan mereka turun dari tingkat tiga, Blok C ke padang bola membuatkan Shaari lebih berhati-hati. Shaari akan hanya memulakan aktiviti apabila jumlah muridnya cukup. Beliau juga mengambil kesempatan itu untuk menegur muridnya dari aspek kesihatan seperti menegur murid berambut dan berkuku panjang, termasuk memberi komen terhadap tulisan yang tertera di baju mereka (SMKC/CLAPPnp/CMA). Beliau terpaksa mengabaikan jeritan muridnya supaya cepat memulakan aktiviti semata-mata ingin memastikan kehadiran murid adalah lengkap (SMKC/CLAPPnp/CMA). Provokasi atau ugutannya seperti "tak payah main

kalau semua tidak ada lagi” memberi implikasi kepada murid untuk turun awal dan minat dalam permainan bola sepak. Mereka sendiri yang melaporkan akan kelewatan rakan yang lain.

Shaari juga seperti Sara tetapi beliau menggunakan murid-muridnya sebagai mata dalam mengawal kelasnya. Beliau tidak perlu mengejar mereka sebaliknya ada suara-suara yang memberitahu tentang kelewatan rakan-rakan mereka (SMKC/CLAPPnp/CMA). Kepada Shaari, cara demikian meringankan tugasnya untuk mengawal murid-muridnya datang yang dari tiga kelas yang berbeza.

Keadaan Azim pula berbeza dengan ketiga-tiga mereka. Disiplin muridnya berserta kawalan kelas terlalu longgar. Tidak ada sistem atau pas kebenaran seperti mana Amelia, Sara dan Shaari. Jarang juga Azim menunggu muridnya, sebaliknya menjadi kebiasaan murid menunggu guru mereka itu di tepi padang. Namun, kedudukan padang bola sepak yang agak tersorok menyelamatkan Azim yang sering lewat ke kelas Pendidikan Jasmaninya daripada disoal oleh pihak pentadbir (SMKST/CLAPPnp/SYAM(27/8)). Keadaan ini memberi ruang kepada sekelompok muridnya yang seramai 12 orang tidak menjalankan aktiviti Pendidikan Jasmani. Hampir setiap minggu mereka bebas bergerak dan tidak berada di tempat yang sepatutnya iaitu di padang atau di tepi padang. Mereka berada di kelas, di perpustakaan atau melepak di tepi padang bola sepak. Azim tidak langsung bertanya atau memaksa mereka berkumpul setempat sebaliknya guru ini hanya membiarkan perkara tersebut berlaku. Penjelasan yang diberikan adalah seperti berikut.

Malas saya hendak cakap. Mereka sudah besar. Bukan mereka tidak tahu ini merupakan waktu pengajaran saya... tetapi muka-muka itu memang selalu macam itu. Saya tidak kisah. Kalau pentadbir tanya, mereka jawab sendiri dan kenakan tindakan sebab saya memang sudah cakap dari awal-awal dulu. Saya sudah terangkan peraturan, sebab dan akibat kalau mereka ponteng. Memang mereka tahu, mana boleh merayau-rayau, ponteng kelas tanpa kebenaran. Kalau tanya, saya cakap saja mereka ponteng kelas saya. Senang cerita. Lagipun terlalu ramai gabungan murid dalam kelas ini, tidak terkawal kita dibuatnya.

(SMKST/TB/SYAM/06(23/7/184-191)

Bilangan muridnya yang terlalu ramai membuatkan Azim tidak kisah dengan kedegilan mereka untuk tidak sama-sama turun ke padang atau berada di sekitar padang pada waktu Pendidikan Jasmani. Beliau berasa tidak sesuai diberi tanggungjawab seorang diri untuk mengawasi murid yang seramai 35 hingga 38 orang di tengah padang. Bagi Azim, murid yang aktif bermain di padang juga terdedah kepada bahaya kerana sering memanjat pagar untuk mendapatkan bola yang terlepas keluar padang atau memasuki parit yang dalam (SMKST/CLAPPnp/SYAM). Azim yakin, muridnya yang tidak turut bermain bola sepak itu tidak keluar melepasi pagar sekolah, sebaliknya hanya ada di sekitar padang bola atau taman haiwan kerana kawalan keselamatan yang ketat di pintu masuk utama di sekolahnya itu.

Azim tidak seperti Sara atau Shaari yang menggunakan guru mahupun murid sebagai mata dan telinga untuk tujuan mengawal disiplin murid dan kelasnya. Baginya, tanggungjawabnya sebagai guru dalam mengingatkan mereka

telahpun dijalankan seawal interaksinya pada bulan Januari lalu (SMKST/TB/01) dan mereka layak dikenakan tindakan sekiranya ponteng atau tidak mematuhi arahan guru. Kelompok murid yang sama setiap minggu tidak membawa pakaian untuk menyertai rakan-rakan di padang kelihatan bersepah dan tidak diendahkan oleh Azim. Azim bosan dengan perangai mereka. Sebaliknya, beliau hanya memandang muridnya di tengah padang sebagai persediaan sekiranya murid memintanya mengulas permainan mereka (SMKST/CLAPPnp/SYAM(16/7)). Azim berasakan penumpuan terhadap murid yang berada di padang lebih mendatangkan manfaat daripada mengambil peduli murid-murid yang sememangnya tidak berminat menjalani aktiviti Pendidikan Jasmani.

*Kehadiran murid.* Elemen pengurusan dalam pelaksanaan yang turut diberi perhatian oleh peserta kajian adalah berkaitan kehadiran murid. Kehadiran murid merujuk kepada bilangan murid yang seharusnya ada pada waktu Pendidikan Jasmani. Kecuali Azim, dapatan kajian menunjukkan bahawa Amelia, Sara dan Shaari mengambil berat akan kehadiran murid ke kelas. Walaupun Amelia tidak mempunyai masalah dalam memastikan kehadiran murid kerana mereka datang daripada kelas yang sama, namun beliau tetap peka dengan kehadiran mereka. Amelia membilang kepala mereka sebelum dan selepas aktiviti dijalankan bagi memastikan bilangan mereka, kerana bimbang perkara yang tidak diinginkan berlaku. Peranannya sebagai guru dalam merekod kehadiran murid ke kelasnya amat dititikberatkan (SMPB/CLAPPnp/CT). Sikap waspadanya yang takut murid hilang atau menyelinap keluar, antara sebab Amelia bersikap sedemikian (SMPB/TB/CT/05(22/7)). Amelia juga bertanya

kepada murid lain sekiranya jumlah kehadiran kurang seperti yang tersenarai di bahagian belakang buku rekod pengajarannya. Amelia risau muridnya ponteng atau berada di bilik darjah. Beliau juga menaman prasangka takut sekiranya muridnya tidak sihat atau terburu-buru menyiapkan kerja sekolah di bilik darjah. Pernah beliau bersuara “ada siapa-siapa dekat kelas? ada yang tidak sihat dan berada di kelas? Ingat, kalau kamu tak sihat ke ...turun! duduk dekat saya ...faham atau tidak? ” (SMPB/PM/CT/04(07/11) apabila bilangan tidak seperti yang sepatutnya. Prihatin dengan perkara ini kerana Amelia bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang berlaku terhadap murid terutama sepanjang masa pengajaran dan pembelajarannya.

Mengingati nama-nama muridnya merupakan kelebihan pada Amelia untuk menjejak mereka. Hal ini kerana memang terdapat muridnya yang sering lewat turun ke gelanggang atau dataran terbuka. Mereka hanya senyum bila Amelia bertanyakan kelewatan tersebut. Namun guru ini tahu muridnya pasti datang meskipun lambat kerana Amelia pasti berlari ke tandas menjejaki mereka setelah terdengar suara-suara yang memberitahunya (SMPB/CLAPPnp/CT). Kawasan sekolahnya yang kecil juga membuatkan guru ini mudah bertindak sedemikian.

Malah, beliau akan mendenda muridnya dengan lari sekiranya mengetahui helah muridnya yang sering mencari jalan untuk melepaskan diri daripada lari keliling gelanggang atau bangunan, beliau tidak teragak-agak mendenda mereka:

kamu ingat kamu boleh lepas untuk lakukan aktiviti memanaskan badan (larian mengelilingi bangunan blok perdana) dengan turun



lambat-lambat ...ha ...keliling gelanggang bola keranjang 4  
pusingan ...cepat!

(SMPB/CLAPPnp/CT(07/11))

Tindak tanduk yang beliau lakukan adalah untuk mengekal dan meningkatkan disiplin muridnya. Murid lebih terdedah kepada bahaya dan ponteng sekiranya masalah sebegini tidak diambil peduli. Hal ini kerana, waktu Pendidikan Jasmani mendedahkan mereka dengan persekitaran luar bilik darjah dan waktu ini juga merupakan waktu untuk murid mengambil kesempatan melakukan perkara yang lain. Justeru, sikapnya yang mengambil berat akan kehadiran murid ke kelas Pendidikan Jasmani merupakan salah satu usaha untuk membendung masalah sebegini di sekolah.

Sara pula berhadapan dengan murid-murid yang datang dari tiga kelas yang berbeza. Sara terpaksa memanggil mereka dengan nama kelas seperti “1B..., 1C..., 1G...” (SMKC/CLAPPnp/K). Beliau lakukan sedemikian untuk mengetahui sama ada murid daripada kelas berkenaan telahpun tiba atau sebaliknya. Tidak seperti Amelia yang mengingati nama-nama murid, Sara kurang mengingati nama-nama mereka tetapi beliau mengecam murid dari kelas-kelas yang tertentu kerana Sara turut mengajar Matematik untuk dua daripada kelas tersebut. Beliau mempunyai beberapa nama yang memang tersemat diingatannya. Hal ini kerana sama ada mereka nakal, ataupun bijak dalam pelajaran Matematik. Namun, apabila murid-murid ‘kegemarannya’ itu juga lewat, beliau hanya mengira mereka seakan-akan tahu bilangan yang belum tiba (SMKC/CLAPPnp/K).

Sara menjadikan waktu perhimpunan akhir iaitu selepas tamat pengajaran dan pembelajaran sebagai landasan untuknya mengenal pasti kehadiran mereka dari kelas Pendidikan Jasmaninya (SMKC/CLAPPnp/K(29/7)). Murid yang lazimnya tidak datang serentak sebaliknya berpola kerana bergantung kepada guru pada waktu sebelumnya mungkin singgah atau berhenti di padang semasa menuju ke gimnasium. Sesuai dengan peranannya sebagai guru mata pelajaran dan guru disiplin di sekolah itu, beliau bertindak mencatat bilangan kehadiran murid di dalam buku disiplin yang lazimnya dibawa turun bersama oleh ketua atau penolong kelas, dan menyemaknya pada waktu akhir perhimpunan sekolah (SMKC/CLAPPnp/K).

Seperti juga Amelia, Sara mewajibkan muridnya tidak berada di kelas pada waktu Pendidikan Jasmani. Penegasan ini semata-mata bagi memastikan muridnya tidak sewenang-wenang ponteng. Sara tidak berkompromi sekiranya murid tidak sampai ke kelas Pendidikan Jasmani (SMKC/TB/K/08(28/7)). Tahu akan helah murid, beliau hanya menerima “surat doktor, bukan surat yang direka sendiri ” (SMKC/CLAPPnp/K(7/4)) sekiranya mereka tidak menjalankan Pendidikan Jasmani. Kearifan Sara dengan perangai muridnya kerana beliau sering dirujuk berkaitan hal-hal disiplin oleh guru-guru lain lebih-lebih lagi kes yang melibatkan murid perempuan di sekolah itu (SMKC/CLAPPnp/K).

Cara atau kaedah Shaari dan Sara dalam memastikan kehadiran murid hampir sama. Seiring dengan peranan mereka sebagai guru disiplin di SMK Dua, Shaari juga memastikan murid berada di kelasnya dengan bilangan yang cukup. Tindakan Shaari dengan mengarahkan murid berbaris di hadapannya mengikut kelas masing-masing merupakan strategi yang digunakan dalam memastikan

jumlah dan kehadiran mereka mencukupi dalam setiap pengajaran dan pembelajarannya. Shaari tidak memulakan aktiviti sehingga bilangan murid mencukupi. Seperti Sara, Shaari juga mencatat dan menandatangani jumlah kehadiran murid di dalam buku rekod kehadiran yang lazimnya dibawa turun oleh ketua kelas terbabit (SMKC/CLAPPnp/CMA).

Shaari tidak mengingini hal-hal yang buruk berlaku kepada muridnya membuatkan beliau bersikap ambil tahu terhadap kehadiran murid ke kelas Pendidikan Jasmani (SMKC/TB/CMA/04(8/5). Kapasiti Shaari sebagai guru disiplin juga menyumbang kepada ketegasannya itu. Selain persekitaran yang luas dan kedudukan sekolah yang berhampiran jalan raya, memungkinkan muridnya ‘hilang’, Shaari bimbang muridnya melakukan sesuatu di luar dugaannya. Hal ini kerana, walaupun mereka masih berada di Tingkatan 1 tetapi kes-kes disiplin seperti merokok di dalam tandas, memecah cermin di kelas dan bergaduh semasa pertukaran waktu, merupakan suatu yang biasa berlaku di sekolah ini. Mereka yang didapati terlibat dan ditangkap kerana kes-kes salah laku tegar akan dibawa ‘*Black Maria*’ iaitu van polis ke balai polis untuk tindakan seterusnya (SMK/Konteks/24/7).

Keadaan amat berbeza dengan Azim. Beliau jarang mengira bilangan murid pada atau semasa dan sebelum mereka kembali ke kelas (SMKST/CLAPPnp/SYAM). Malah, beliau tidak berkesempatan berbuat demikian kerana murid kerap meluru ke padang tanpa menunggu kehadirannya. Apabila tamat waktu pengajarannya, Azim juga tidak mengumpulkan mereka. Hakikatnya, sebaik tiupan wisel terakhir, muridnya bergegas mendapatkan

pancuran air untuk membersihkan diri. Azim hanya mempercayai mereka.

Seperti katanya:

Saya tidak catat bilangan mereka. Mereka ada di sekitar sini. Yang main itu memang berada di padang bola sepak dan yang tidak membawa pakaian, paling jauh mereka ada di sekitar taman haiwan. Hendak merayau ke mana lagi sebab kantin ramai cikgu, perpustakaan tutup. Pagar tutup. Dalam tandas? tidak tahulah saya kalau mereka tahan duduk di situ. Tapi saya yakin ada di sekitar padang ini!

(SMKST/TB/SYAM/06(23/7/207-211)

Azim yakin murid yang tidak menjalankan Pendidikan Jasmani tidak pergi jauh, sebaliknya mereka berada di tepi-tepi padang di sekitar lokasi permainan bola sepak. Pengalamannya berhadapan dengan kes-kes disiplin mungkin tidak seteruk Sara dan Shaari. Peranan sebagai guru dalam merekod kehadiran mereka juga tidak setegar Amelia dan tidak juga seperti Sara dan Shaari. Sikapnya yang memandang ringan perkara ini mungkin disebabkan beliau kurang berhadapan dengan isu-isu yang melibatkan kehadiran murid ke kelas.

**Pakaian.** Satu lagi aspek yang mempengaruhi elemen pengurusan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani oleh peserta kajian adalah pakaian. Pakaian merujuk kepada pakaian sukan seperti seluar *track* dan kemeja 'T' yang dipakai oleh murid pada waktu menjalani aktiviti Pendidikan Jasmani. Pakaian sukan yang bersesuaian adalah penting untuk pergerakan, keselesaan dan keselamatan murid ketika menjalani aktiviti fizikal (Darst & Pangrazi, 2006).

Dapatan analisis menunjukkan bahawa faktor berpakaian sukan yang lengkap iaitu berseluar *track* dan berkemeja 'T' terdapat pada keempat-empat peserta kajian dengan ketegasan yang berbeza. Amelia, Sara, Shaari dan Azim mewajibkan murid memakai pakaian sukan semasa menghadiri kelas Pendidikan Jasmani. Kesemua mereka tidak sekali-kali membenarkan murid menjalani aktiviti Pendidikan Jasmani dengan seragam sekolah.

Seperti mata pelajaran lain yang mewajibkan murid membawa buku atau perkakasan, Pendidikan Jasmani juga tidak terkecuali. Memahami akan konsep ini, kesemua peserta kajian menjadikan 'main dengan pakaian sukan' sebagai suatu peraturan yang wajib murid tepati. Di samping itu, kepekaan guru terhadap aspek keselamatan murid membuatkan faktor ini dititikberatkan. Misalnya Amelia, ramai muridnya mohon untuk memakai seluar pendek semasa Pendidikan Jasmani. Walaupun kesemua mereka perempuan, beliau tidak menimbangkan permohonan tersebut atas faktor keselamatan. Sebaliknya, seperti dirinya, Amelia mewajibkan murid berseluar panjang dan memasukkan baju mereka ke dalam seluar *track* (*tuck in*). Amelia juga mementingkan kekemasan diri. Beliau rimas sekiranya muridnya selekeh. Kata-katanya seperti "masukkan baju kamu ...berapa kali nak kata" (SMPB/CLAPPnp/CT(29/7) merupakan pernyataan yang sering Amelia suarakan. Ketegasan sedemikian juga disebabkan muridnya terdedah dengan aktiviti seperti larian, balingan dan lompatan yang dijalankan di tepi-tepi pokok, di atas gelanggang bola keranjang dan dataran terbuka. Sekiranya baju terlepas keluar atau tidak disisip rapi, kemungkinan pakaian murid tersangkut pada pokok bunga adalah tinggi. Guru ini juga ingin mengelakkan murid-

muridnya terjatuh memandangkan murid-murid sering menarik baju rakan mereka sewaktu aktiviti berlangsung (SMPB/CLAP/CT)

Sara dan Shaari juga seakan memaksa murid membawa pakaian sukan pada waktu Pendidikan Jasmani. Hal ini jelas kelihatan apabila Sara dan Shaari mendenda murid yang tidak membawa pakaian sukan pada waktu Pendidikan Jasmani (SMKC/CLAPPnp/25/3). Walau bagaimanapun, Sara tidak menjadikan *tuck in* sebagai satu kemestian untuk muridnya berbuat demikian. Cukup baginya sekiranya mereka turun ke gelanggang atau ke padang dengan berpakaian sukan (SMKC/TB/K/08(29/7)). Konteks sekolahnya berbeza dengan Amelia, terdiri daripada campuran murid perempuan dan lelaki antara sebab Sara tidak setegas Amelia.

Sara dan Shaari tidak teragak-agak mendenda murid yang engkar atau enggan berpakaian sukan semasa Pendidikan Jasmani. Untuk mengelakkan serta mengawal supaya gejala tidak berpakaian sukan pada waktu Pendidikan Jasmani berlarutan sehingga akhir tahun, mereka bertegas mengawal dan mengelakkan murid memberi pelbagai alasan. Kepada mereka, perkara sedemikian perlu dikawal agar murid tidak sewenang-wenangnya memberi alasan terlupa membawa pakaian. Mereka juga sedar bahawa implikasinya bukan berakhir pada masa dan ketika ini sebaliknya mungkin berlarutan sepanjang tahun atau sepanjang pengajian mereka di sekolah sekiranya tidak dibendung (SMKC/Konteks/26/2).

Azim pula, walaupun beliau sendiri sering turun ke kelas Pendidikan Jasmani dengan berkemeja 'T' dan berseluar khaki, tetapi hanya memberi lampu hijau kepada mereka yang berpakaian sukan turun ke kelas Pendidikan Jasmani.

Beliau menegaskan murid memakai pakaian sukan yang bersesuaian pada waktu Pendidikan Jasmani kerana berpendapat murid sememangnya tidak sesuai bermain dengan seragam sekolah. Mereka pasti berpeluh dan terdedah dengan kotoran di padang seperti lecah. Azim juga bosan dengan rungutan yang sering didengarnya dari guru-guru lain bahawa “murid-murid busuk selepas PJ” (SMKST/TB/SYAM/02(9/4). Namun, Azim jarang menyoal kelompok murid yang tidak membawa pakaian untuk Pendidikan Jasmani. Beliau seolah-olah menyampah dengan sikap kelompok tersebut. kepadanya, ‘tidak suka main bola sepak, hanyalah alasan murid tidak membawa baju ...tetapi sebenarnya mereka tidak berminat atau malas untuk melibatkan diri pada waktu Pendidikan Jasmani” (SMKST/TB/SYAM/06(23/7)

Walau bagaimanapun, Azim selesa dengan seluar khaki yang dipakainya meskipun membataskan pergerakan sekiranya beliau ingin turun ke padang dan melakukan tunjuk cara kepada muridnya. Tetapi Azim merasakan beliau tidak perlu bertukar pakaian selepas itu dan perkara ini memudahkannya untuk terus ke kelas Kemahiran Hidup yang dijadualkan selepas waktu rehat (SMKST/TB/SYAM/06(23/7).

***Keseragaman berpakaian.*** Aspek yang seterusnya dalam elemen pengurusan dalam pelaksanaan oleh peserta kajian adalah keseragaman berpakaian. Keseragaman berpakaian merujuk kepada kesamaan murid memakai pakaian sukan pada waktu Pendidikan Jasmani. Hanya Amelia sahaja yang menekankan keseragaman berpakaian terhadap murid-muridnya. Amelia hanya mengizinkan muridnya memakai pakaian sukan sekolah yang terdiri daripada

seluar gelap dan baju rumah sukan sekolah kerana khuatir, kalau dibiarkan, akan adanya tulisan atau warna yang menjolok mata pada baju yang mereka pakai. Muridnya tidak ada masalah dengan arahannya itu kerana beranggapan memakai pakaian sukan sekolah merupakan salah satu daripada peraturan sekolah yang perlu dipatuhi. Penguatkuasaan terhadap perkara ini juga memudahkan mereka dalam aspek pakaian semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan. Hal ini jelas menerusi petikan perbualan dari salah seorang muridnya:

Kena pakai baju sukan sekolah. Kalau tidak cikgu denda. Saya pakai baju ini pada hari Selasa dan Khamis ...saya tidak pakai baju lain. Kalau pakai baju lain, nanti cikgu suruh saya lari banyak kali.

(SMPB/TBM/CT/M04(5/8))

Selain itu, tindakan Amelia itu juga memudahkan kerjanya membahagikan murid dalam kumpulan, mengikut warna rumah sukan mereka. Tindakannya juga berkait rapat dengan personaliti dirinya yang kemas dan bersistematik (SMPB/CLAPPnp/CT).

Bagi Sara, cukup sekadar muridnya memakai baju yang 90% warna berlatar belakangkan putih. Sara tidak mementingkan keseragaman kerana memahami situasi murid yang rata-rata mempunyai sepasang baju sukan sekolah sedangkan murid mempunyai pelbagai aktiviti di sekolah. Tambahan pula terdapat murid yang berhadapan dengan kelas Pendidikan Jasmani pada hari yang berturut-turut seperti yang berlaku di kelasnya ini iaitu Pendidikan Jasmani pada hari Isnin dan Selasa (SMKC/CLAPPnp/K/17/6)



Keadaan yang sama berlaku terhadap Shaari. Beliau tidak mewajibkan mereka seragam untuk turun ke kelas Pendidikan Jasmani. Seperti katanya:

Budak turun pakai baju PJ pun sudah bagus ...hendak harapkan mereka pakai secara seragam, memang tidak akan jadi PJ sebab baju sehelai sedangkan banyak aktiviti memerlukan mereka pakai pakaian sukan sekolah. Itu belum termasuk alasan baju basah, baju hilang!

(SMKC/TB/CMA/05(26/5/129-132)

Shaari faham kekangan yang dihadapi oleh murid menyebabkan beliau bersifat tolak ansur dalam perkara ini. Walaupun tidak mewajibkan murid berpakaian sukan seragam turun ke padang, Shaari berharap murid tidak menjadikan pakaian sebagai alasan untuk tidak menghadiri kelas Pendidikan Jasmani.

Azim juga sekadar memastikan murid turun ke padang dengan memakai pakaian yang bersesuaian untuk bermain bola sepak. Azim tidak menegaskan aspek keseragaman kerana arif dengan ragam muridnya yang sering memberikan alasan sekiranya dipaksa berbuat demikian. Sebaliknya, Azim mengamalkan sikap toleransi dengan muridnya. Keadaan ini jelas dalam kata-kata yang pernah diluarkannya seperti “asal ada logo sekolah (sekolah menengah atau sekolah rendah dahulu) pakailah ...hendak harapkan pakai pakaian sukan sekolah memang susah. Kalau separuh yang pakai (pakaian sukan sekolah) sudah cukup bagus...”(SMKST/TB/SYAM/06(23/7).

Seperti Shaari, Azim mengharapkan bahawa murid tidak menjadikan alasan untuk tidak melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Jasmani hanya

kerana ketiadaan pakaian sukan sekolah. Kelonggaran yang diberikan bertujuan menarik minat dan penglibatan murid untuk turun ke padang pada waktu Pendidikan Jasmani kelak.

### ***Pengendalian Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani***

Selain pengurusan, elemen yang dibincangkan dalam penyampaian kurikulum Pendidikan Jasmani oleh peserta kajian ialah pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Elemen pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran merupakan nadi kepada pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah (Darst & Pangrazi, 2006). Dapatan kajian membincangkan pengendalian aktiviti Pendidikan Jasmani daripada dua elemen iaitu; tunjang pembelajaran yang terdiri daripada tunjang kecergasan, tunjang kemahiran dan tunjang kesukanan; dan amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada urutan dan strategi pengajaran.

***Tunjang pembelajaran.*** Tiga tunjang yang dirangka dalam kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah di Malaysia bertujuan membantu mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran kebangsaan. Kandungan pelajaran yang ditetapkan oleh kurikulum Pendidikan Jasmani menekankan keupayaan dan perkembangan murid yang cergas dan aktif menerusi tunjang kecergasan, kemahiran dan kesukanan. Tunjang pembelajaran bagi kurikulum Pendidikan Jasmani adalah berbentuk spiral iaitu mempunyai penyusunan kandungan yang mengambil kira prinsip asas perkembangan seperti pengulangan, kesepaduan, ansur maju, skop dan turutan. Justeru, peluang untuk

murid mengikuti tunjang tersebut bergantung kepada pelaksanaan guru terhadap kurikulum ini di sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dua orang peserta kajian iaitu Amelia dan Sara mengendalikan aktiviti berdasarkan tunjang-tunjang pembelajaran Pendidikan Jasmani mengikut agihan waktu yang disarankan dalam sukatan pelajaran. Manakala Shaari dan Azim mengendalikan aktiviti secara tidak menyeluruh. Pengendalian aktiviti Shaari dan Azim tidak berdasarkan kepada cadangan agihan waktu yang tersurat dalam setiap tunjang pembelajaran Pendidikan Jasmani. Jadual 4.4 memaparkan tunjang pembelajaran yang dijalankan oleh peserta kajian sepanjang tempoh 7 bulan kajian ini dijalankan.

Jadual 4.4

*Tunjang Pembelajaran oleh Peserta Kajian*

	Kecergasan		Kemahiran		Kesukanan	
	Bil Pelaksanaan	%	Bil Pelaksanaan	%	Bil Pelaksanaan	%
Amelia	6/20	30	11/20	55	3/20	15
Sara	5/22	23	14/22	64	3/22	13
Shaari	3/15	20	12/15	80	TIADA	0
Azim	TIADA	0	20/20	100	TIADA	0

Hasil analisis mendapati pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran Azim tidak menampakkan beliau menjalankan aktiviti secara khusus untuk tunjang kecergasan dan kesukanan. Sebaliknya Azim yakin, “main macam ini (bola sepak) pun, tiga tunjang itu tetap ada!”

(SMKST/TB/SYAM/02(9/4). Azim menyadari perkara ini tetapi beliau mempunyai alasan yang tersendiri dalam berbuat demikian. Seperti katanya:

Budak tahu PJ tidak ada periksa. Kalau kita mengajar, mereka bukan kisah. Mereka hanya hendak main sahaja! Mereka datang dari flat sana. Pada mereka, PJ-bola, PJ-bola memang sudah ada dalam kepala! Silibus memang tidak akan habis. Malah, saya pernah ajar, tapi hati mereka sudah sampai tengah padang. Tengok tempat lain ...tengok budak kelas sebelah la. Memang saya tidak ikut mereka, tetapi saya faham kehendak persekitaran. Dapat budak-budak yang macam ini, cikgu *Maths* ajarpun mereka tidak kisah, apa lagi PJ.

(SMKST/TB/SYAM/02(9/4/247-254)

Azim berasakan bahawa ketetapan minda muridnya tentang Pendidikan Jasmani merupakan waktu untuk bermain adalah tebal. kepadanya, pemikiran murid masih cetek dalam memikirkan pencapaian akademik, sebaliknya murid dominan kepada aktiviti yang mendatangkan kegembiraan dan keceriaan. Justeru, Azim seakan mengikut rentak murid dengan membenarkan mereka bermain bola sepak. Namun Azim sedar kerana implikasi daripada tindakannya mendatangkan kerugian kepada murid dalam jangka waktu yang panjang (SMPB/TB/CT/01(27/3).

Analisis mendapati Azim menjalankan tunjang kemahiran dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kemahiran ini hanya terhad kepada permainan bola sepak dengan mengenyepikan komponen-komponen lain dalam tunjang ini seperti olahraga, gimnastik, pergerakan kreatif dan rekreasi. Pelaksanaan tunjang tersebut bukan sahaja tidak seimbang antara satu sama lain,

malah ketidakseimbangan terhadap komponen yang terdapat pada tunjang kemahiran itu sendiri (SMKST/Dok/Syam(9/4).

Azim juga berasakan peralatan di sekolahnya masih terhad dan mengekang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani untuk tunjang kemahiran bagi komponen-komponen seperti olahraga, gimnastik, pergerakan kreatif dan rekreasi. Beliau menegaskan bahawa “bola sepak merupakan satu-satunya permainan yang mampu melibatkan pemain yang maksimum dengan peralatan yang minimum” (SMKST/TB/SYAM/01/05).

Azim juga mengakui bahawa masih banyak perkara yang perlu beliau pelajari terutama dalam mengajar murid dari aspek olahraga dan kemahiran-kemahiran lain. Namun, tidak ada faktor mendesak untuk beliau menambahkan pengetahuan. Keadaan ini membuatkan Azim tidak segera mengambil inisiatif mengatasi kekurangan pengetahuan yang dihadapinya. Hal ini jelas menerusi kata-kata yang pernah diluahkan seperti berikut:

Memang saya akui saya lemah dalam banyak kemahiran. Banyak yang saya tidak tahu mengajar ...bukan tidak mahu belajar tetapi tidak ada faktor mendesak sebab PJ ini tidak ada siapa kisah. Lagipun boleh berada di zon selesa, kenapa tidak digunakan!

(SMKST/TB/SYAM/05(16/7/29-32)

Azim yang mengakui kelemahan dirinya kurang bertindak secara pro aktif memperbaiki kelemahan tersebut kerana berasakan bahawa usahanya ke arah itu tidak dihargai. Azim sentiasa berasakan masyarakat di sekolah tidak menganggap Pendidikan Jasmani merupakan suatu mata pelajaran yang penting dan wajar

diberi perhatian. Perasaan yang membelenggu Azim membuatkan beliau juga tidak berusaha untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan bersungguh-sungguh, sebaliknya hanya berpuas hati dengan amalan yang dilakukannya kini. Latar belakang Azim yang hanya berkesempatan mendalami bidang perguruan selama setahun seakan tidak menyediakan beliau dengan kemahiran yang diperlukan dalam berhadapan dengan sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani secara umumnya di sekolah.

Azim tidak memperuntuk masa secara khusus untuk menjalankan tunjang kecergasan iaitu tunjang yang berkaitan komponen kecergasan fizikal berasaskan kesihatan dan perlakuan motor. Beliau juga tidak menjalankan tunjang kesukanan iaitu tunjang yang berkaitan dengan isu-isu, pengurusan dan etika dalam Pendidikan Jasmani. Perkara ini sememangnya Azim sedari tetapi beliau berasaskan majoriti muridnya terlalu taksud dengan permainan bola sepak. Perasaan sedemikian seakan alasan untuknya menjalankan permainan ini secara berterusan. Seperti katanya :

Pada saya, janji ada aktiviti. Tidak timbul main apapun! Memang tidak *cover* perkara yang sepatutnya (kandungan kurikulum). Sebab ... realiti PJ yang tidak ada *exam*, kita bagi saja mereka main.

(SMKST/TB/SYAM/02(9/4/267-268)

Selain daripada mengikut rendak murid dengan membenarkan mereka bermain bola sepak, Azim juga merasakan bahawa peperiksaan merupakan faktor penting dalam menarik perhatian terhadap pelaksanaan pengajaran dan

pembelajaran kurikulum Pendidikan Jasmani. Namun, status kurikulum Pendidikan Jasmani yang tidak diperiksa memberi ruangan kepada murid dan dirinya sendiri bersikap sambil lewa dalam memenuhi hasrat dan kehendak yang tersurat dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa Azim tidak membuat sebarang adaptasi dalam memuatkan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia atau Ujian SEGAK. Meskipun Azim mengetahui bahawa pelaksanaan Ujian SEGAK adalah pada sekitar bulan Mac dan bulan Ogos, namun perkara ini tidak beliau lakukan. Sebaliknya, Azim mengabaikan arahan yang digariskan oleh pihak berwajib. Seperti katanya:

Buat cantik-cantik macam Ujian Daya Tenaga Asas (UDTA) dahulu, sudahnya tidak ke mana dan jabatanpun (JPWP) tidak hantar surat untuk minta atau dihantar rekod pencapaian murid kepada mereka! Malas saya hendak buat. Lebih baik saya suruh murid main!

(SMKST/TB/SYAM/01(27/3/50-53)

Azim berasakan usaha yang dicurahkan untuk menjalankan Ujian SEGAK tidak membawa sebarang makna kerana hasil daripada ujian tersebut tidak membawa sebarang erti. Perasaan yang ada pada beliau menyebabkan dirinya merelakan murid meneruskan permainan kegemaran mereka iaitu bola sepak.

Selain itu, Azim berpendapat permainan bola sepak membawa kepada integrasi peningkatan kecergasan dalam kalangan murid. Beliau yakin murid akan memperoleh elemen kecergasan berlandaskan kesihatan mahupun perlakuan

motor dalam permainan yang diceburi. Hal ini membuatkan Azim tidak risau dengan elemen kecergasan yang tidak dijalankannya secara langsung. Seperti katanya:

Ada (jalankan aktiviti berkaitan komponen kecergasan) tetapi saya tidak ikut cadangan sukatan yang nyata satu persatu sebaliknya, murid main bola sepak ini, mereka pasti bina kecergasan daya tahan otot, daya tahan kardio dan semua itu. Cuma secara tidak langsung la ... Murid ramai, kalau buat satu persatu, memang tidak sempat dan ada yang tidak buat langsung aktiviti. Jadi, mereka main, mereka dapat.

(SMKST/TB/SYAM/04(26/6/174-178)

Azim berpendapat kecergasan murid dapat dibina menerusi penglibatan mereka dalam permainan bola sepak. Kepada Azim, cara sedemikian adalah praktikal memandangkan beliau berhadapan dengan bilangan murid yang ramai.

Interaksi Azim juga tidak memperlihatkan beliau menjalankan tunjang kesukanan sedangkan di dalam buku rekod perkara tersebut ditulis atau dirancang dengan jelas. Beliau hanya menyatakan “perancangan memang cantik tetapi realitinya memang tidak berlaku!” (SMKST/CLAPPnp/SYAM/19/4).

Analisis dokumen juga mendapati realiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani Azim berbeza dengan penulisan buku rekod pengajarannya. Keadaan memperlihatkan perancangan yang terdapat dalam buku rekod mengajar Azim tidak selari dengan tunjang pengajaran dan pembelajarannya. Azim menulis dengan lengkap rancangan mingguan dan harian tanpa pengubahsuaian



daripada cadangan rancangan tahunan. Namun, realitinya, berbeza 100% daripada perancangannya(SMKST/CLAPPnp/SYAM/19/4, 16/7/16/8) .

Bagi Shaari pula, sepanjang tempoh kajian ini dijalankan,  $\frac{3}{4}$  daripada masa pengajaran dan pembelajarannya di habiskan dengan tunjang kemahiran. Selebihnya, Shaari menjalankan Ujian SEGAK. Beliau tidak berhadapan dengan kekangan dari aspek kemudahan dan peralatan tetapi tidak menggunakan peluang keemasan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran seperti cadangan agihan waktu kurikulum Pendidikan Jasmani. Sebaliknya, sama seperti Azim, tunjang kemahiran Shaari hanya bertumpu kepada permainan bola sepak dan tidak merangkumi komponen yang lain seperti olahraga, gimnastik, pergerakan kreatif dan rekreasi (SMKC/CLAPPnp/CMA/8/5).

Pengendalian aktiviti Shaari yang tidak menyeluruh juga berhubung kait dengan konsepsinya terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani. Shaari mementingkan penyertaan dan penglibatan murid. Beliau juga mempunyai tanggapan bahawa murid berasaskan Pendidikan Jasmani merupakan landasan untuk mereka bermain setelah seharian berada di bilik darjah. Seperti katanya:

Mana yang kita hendak sebenarnya ...murid main atau tidak?  
Tentu murid mainkan! Bagi saya PJ memang sinonim dengan main. Muridpun sama. Mereka bukan kira ansur maju ke apa ...hendak main. Lagipun, sudah seharian dalam kelas, kita ajar pun mereka malas hendak dengar. Saya pernah kata kalau kita ajar, minggu hadapan saya berhadapan dengan masalah. Mereka rela kutip sampah kalau tidak beri main bola (bola sepak). Ajarlah lompat tinggi ke, tendangan ke, larian ke, bola juga yang mereka minta.

(SMKC/TB/CMA/07(1/8/76-81)

Shaari seakan memahami kehendak murid yang lebih menjurus ke arah permainan. KEPADANYA, matlamat murid perlu diambil kira dalam memastikan murid terus melibatkan diri pada waktu Pendidikan Jasmani. Walaupun Shaari pernah mencuba untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran tetapi memenuhi minat dan harapan murid merupakan perkara yang beliau titikberatkan.

Dapatan menunjukkan Shaari tidak menjalankan komponen kecergasan secara langsung. Beliau mempunyai tanggapan bahawa murid tidak berminat untuk mendengar arahan yang diberikan sebaliknya murid hanya berminat untuk bermain bola sepak semata-mata. Walau bagaimanapun, Shaari yakin integrasi terhadap komponen ini wujud apabila murid melibatkan diri dalam permainan bola sepak. Keadaan membuatkan Shaari tidak menjadikan pendedahan komponen kecergasan sebagai sesuatu yang perlu dalam pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah (SMKC/TB/CMA/01/02/04/06).

Shaari membuat adaptasi terhadap agihan waktu bagi komponen kecergasan untuk menjalankan Ujian SEGAK. Walaupun Shaari bersikap sinikal terhadap pelaksanaan Ujian SEGAK, seperti katanya “tapi SEGAK bukan guna untuk PMR pun! Jadi diaorang (murid) relaks saja kerana yang penting pada mereka adalah main bola!” (SMKC/TB/CMA/04(8/5)). Namun, beliau masih mematuhi arahan pelaksanaan ujian tersebut. Shaari merasakan muridnya berpersepsi negatif terhadap ujian tersebut. Namun kesempatan menemu bual dua orang muridnya memberi suatu persoalan yang perlu dihalusi. Antara kata-kata yang diungkapkan oleh murid-muridnya adalah:

saya tidak tahu itu ujian atau apa (Ujian SEGAK)? tapi kita ada buat *sit up*, naik turun bangku!

(SMKC/TBM1/CMA/10/4)

Ujian SEGAK? Saya tidak tahu ini adalah ujian. Kita ada buat naik turun bangku. Semasa latihan sukan, cikgu pernah suruh buat macam itu.

(SMKC/TBM2/CMA/10/4)

Murid pernah mendengar istilah yang digunakan dalam aktiviti Pendidikan Jasmani seperti '*sit up*' dan 'naik turun bangku'. Namun, mereka kurang pasti perkara yang mereka lakukan dan mereka juga tidak jelas dengan tujuan ujian tersebut dijalankan. Hal ini mungkin disebabkan tiadanya penegasan terhadap matlamat ujian dan murid seakan-akan melakukan dan beranggapan aktiviti tersebut sebagai salah satu daripada aktiviti fizikal yang lazim dijalankan dalam sukan dan permainan.

Sama seperti Azim, Shaari tidak mengadakan kelas teori sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Shaari juga tidak membincangkan isu-isu untuk komponen kesukanan secara langsung. Kesempatan beliau mengumpulkan murid sebelum tamat waktu Pendidikan Jasmani hanya mengulas corak permainan pasukan yang terlibat secara umum dan corak permainan murid yang terlibat secara khusus (SMKC/CLAPPnp/CMA/1/8). Shaari turut merasakan murid

tidak dapat menerima sekiranya Pendidikan Jasmani dijalankan di bilik darjah.

Seperti katanya:

Budak akan kata buang tabiat ke cikgu ini ...ajar teori ke? ajar macam mana hendak pegang kayu hoki ke? macam mana cara pegangan untuk lontar peluru. Mereka hanya tahu, masa PJ, turun padang dan main bola. Sebab itu, hujan ke, ribut ke, mereka (murid) akan turun dan cari saya di astaka atau di gimnasium!

(SMKC/TB/CMA/07(1/8/92-96)

Andaian Shaari tentang persepsi murid terhadap Pendidikan Jasmani mempengaruhi pengendalian tunjang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Shaari tidak mahu tindakannya memberi ruang dan alasan untuk murid tidak melibatkan diri pada waktu Pendidikan Jasmani. Shaari mementingkan penyertaan dan penglibatan aktif murid dan hal ini membuatkan beliau seakan bertindak berdasarkan persekitaran yang dihadapinya.

Selain itu, minat Shaari terhadap permainan bola sepak juga merupakan faktor beliau lebih memahami muridnya. Hal ini terlalu jelas apabila isu-isu bola sepak sering menjadi perbualannya. Beliau juga pernah memberi cadangan agar sukatan kurikulum Pendidikan Jasmani di semak semula dengan mengambil kira elemen permainan bola sepak agar murid tidak hanya mengetahui kemahiran permainan bola sepak secara asas. Antara katanya:

Sukatan pelajaran yang ada hanya bersifat asas. Kita hanya memperkenalkan permainan ini selama tiga hingga empat kali, lepas itu beralih ke kemahiran yang lain pula. Budak baru hendak dapat rentak, sudah beralih. Sama juga untuk yang lainnya ...

hanya asas ...lepas itu kita hendak harapkan budak-budak ini berjaya dalam sukan pula. Cubalah *design* kurikulum ...kalau bola, biar budak pandai bola itu. Sepanjang tahun pun tidak mengapa. Sekurang-kurangnya mereka akan pandai... akan pandai. Sekarang ini (kurikulum) itu tidak tahu, ini tidak tahu...

(SMKC/TB/CMA/02(3/4/177-184)

Minat yang mendalam terhadap permainan bola sepak membuatkan Shaari merasakan kurikulum Pendidikan Jasmani sedia ada kini perlu menjalani transformasi agar guru mempunyai masa yang mencukupi untuk menerap kemahiran dalam permainan tersebut. Shaari juga merasakan murid tidak sempat mendalami sesuatu kemahiran menerusi Pendidikan Jasmani sekiranya pengajaran dan pembelajaran secara asas terus diamalkan di sekolah.

Selain itu, Shaari yakin sekiranya Pendidikan Jasmani diwartakan sebagai mata pelajaran yang penting, murid akan memberi tumpuan dan perhatian terhadap perkara ini. Seperti katanya:

Saya rasa PJ memang sudah jadi tradisi macam ini. Murid main dan kalau ajar lebih-lebih, murid tidak suka. Semasa saya belum sambung belajar hinggalah sekarang ...macam itu juga ...tetapi kalau kita jadikan PJ sesuatu yang penting (peperiksaan), murid akan beri perhatian lebih. Itu saya yakin!

(SMKC/TB/CMA/04(8/5/278-281)

Shaari berasakan isu Pendidikan Jasmani tidak dilaksanakan seperti yang dihasratkan dalam kurikulum kebangsaan bukan merupakan isu baru yang

dihairankan. Malah perkara ini sememangnya telah lama bersarang dan beliau mengharapkan akan adanya perubahan ke arah penambahbaikan agar murid berasaskan kepentingan Pendidikan Jasmani setanding dengan mata pelajaran yang lain.

Sama seperti Azim, perancangan yang Shaari lakukan tidak dizahirkannya menerusi pengajaran dan pembelajaran. Rancangan yang terdapat di dalam buku rekod hanya sekadar tinggal perancangan sedangkan realitinya berbeza 100% .

Keadaan berbeza pula berlaku terhadap Amelia dan Sara. Dapatan menunjukkan Amelia dan Sara menyentuh ketiga-tiga tunjang pembelajaran dalam taburan yang rata. Kedua-dua mereka tahu akan tanggungjawab melaksanakan tunjang-tunjang beserta komponennya dalam memenuhi matlamat dan objektif yang disasarkan.

Bagi Amelia, kekangan yang dihadapi tidak langsung membantutkan beliau untuk membuat adaptasi terhadap komponen-komponen pengajaran daripada tunjang yang berkaitan. Walaupun mengalami masalah kesempitan tempat dan terpaksa berkongsi dengan guru lain, Amelia masih boleh berbuat demikian (SMPB/CLAPPnp/CT(25/3)). Baginya, komponen kecergasan merupakan komponen yang penting dan perlu dititikberatkan terutama pada peringkat awal interaksi bersama murid Tingkatan 1 (SMPB/TB/CT/01(25/3)). Amelia memahami konsep kecergasan mengandungi komponen pengetahuan yang sangat luas dalam memberi kefahaman kepada murid mengenai aktiviti yang mereka jalani dalam Pendidikan Jasmani. Kefahaman sedemikian Amelia terjemahkan kepada muridnya menerusi penerangan dari semasa ke semasa dan penerangan secara formal di bilik darjah (SMKC/CLAPPnp/CT(18/9)).

Amelia juga tidak lupa peranannya dalam menjalankan Ujian SEGAK dengan mengadaptasikan peruntukan masa bagi komponen kecergasan. Sikap Amelia yang terlalu teliti membuatkan beliau mengambil masa selama 3 minggu untuk menyelesaikan ujian tersebut. Kekangan daripada aspek peralatan dan tempat juga menyumbang kepada kelewatan perkara ini. Contohnya, Amelia bergilir-gilir dengan guru lain menggunakan dataran terbuka untuk menjalankan ujian tersebut disebabkan hanya kerana dataran terbuka merupakan satu-satunya tempat yang ada dan sesuai untuk jalankan ujian tersebut.

Begitu juga dengan komponen kemahiran. Walaupun berhadapan dengan kemudahan yang paling minimum tetapi Amelia mampu mengedalikan pengajaran secara optimum, malah mengalahkan peserta kajian lain yang konteks infrastruktur untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani jauh lebih baik daripada sekolah Amelia (SMPB/CLAPPnp/CT). Walau bagaimanapun, bilangan muridnya yang sedikit berbanding murid Sara, Shaari dan Azim membuatkan Amelia masih mampu menjalankan komponen kemahiran yang lain seperti permainan pingpong. Seperti katanya: “tapi nasib baik juga tidak ramai sangat murid dalam satu-satu kelas kalau dibanding dengan sekolah lain. Kalau main pingpong pun semua memang dapat rasa main” (SMPB/TB/CT/01(25/3). Sikap dan tanggungjawab yang ditonjolkan oleh Amelia memperlihatkan bahawa guru ini yakin bahawa interaksi muridnya dengan bahan, alat dan rakan membuatkan mereka menjadi lebih kreatif. Hal ini tergambar menerusi kata-katanya seperti:

Sebenarnya, budak-budak ini nampak sahaja macam gitu (malu) tetapi, bila dia dapat dengar lagu, dapat pegang ribon gimrama, bukan main lagi!

(SMPB/TB/CT/04(15/7/28-30)

Amelia sedar akan tanggungjawabnya membincangkan isu-isu dan etika dalam Pendidikan Jasmani (PM04/08/19) dalam melengkapkan tunjang pembelajaran yang disarankan. Beliau menggunakan waktu pertama pada hari Khamis, untuk menjalankan perbincangan bersama muridnya disebabkan murid-muridnya sering lewat turun ke gelanggang kerana perhimpunan harian yang kadang kala terlalu panjang (SMPB/CLAPKonteks/CT). Bagi mengelakkan muridnya membuang masa menukar pakaian, Amelia arahkan supaya pengajaran dan pembelajaran pada hari Khamis dijalankan di dalam kelas (SMPB/TB/CT/01(25/3). Baginya walaupun boleh disampaikan merentas pengajaran dan pembelajaran semasa di gelanggang tetapi perbincangan di dalam kelas membuatkan murid lebih faham. Amelia jalankan secara berasingan di dalam kelas, dengan mengaitkan elemen-elemen yang telah mereka lalui semasa menjalani aktiviti Pendidikan Jasmani di luar bilik darjah (SMPB/PM/CT/19(18/9).

Keadaan yang sama berlaku pada Sara. Tanggungjawabnya dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani cuba dipatuhi biarpun kadang kala beliau sedar pengetahuan dan kemahiran terhadap aspek-aspek permainan masih terlalu cetek (SMKC/PM/K/02(24/3). Namun, kekurangan aspek pengetahuan dan kemahiran tersebut tidak menghalang beliau daripada menjalankan ketiga-tiga tunjang pengajaran dan pembelajaran tersebut. Sebaliknya, Sara merupakan satu-satunya peserta kajian yang sempat menjalankan banyak komponen untuk tunjang kemahiran seperti komponen permainan, olahraga dan gimnastik. Antara



faktor yang menyebabkan perkara ini ialah, guru ini tidak mempunyai masalah dari aspek kemudahan dan alatan dan keadaan ini membolehkan Sara mengikuti rancangan tahunan dan harian dengan tepat seperti yang dijadualkan dalam cadangan rancangan tahunan kurikulum kebangsaan (SMKC/CLAPPnp/K).

*Amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.* Elemen yang seterusnya dalam pengendalian aktiviti adalah amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah. Aspek ini melihat pelaksanaan yang dilakukan oleh peserta kajian serta pengubahsuaian yang dibuat dalam memenuhi tuntutan kurikulum Pendidikan Jasmani (Mosston & Ashworth, 2002). Menerusi amalan ini, guru Pendidikan Jasmani tidak lari daripada mengaplikasikan aspek urutan aktiviti pengajaran, dan strategi pengajaran dan pembelajaran (Darst & Pangrazi, 2006).

Analisis mendapati peserta kajian berhadapan dengan ketegaran yang berbeza dalam mempraktikkan urutan pengajaran dan pembelajaran dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Amelia dan Sara mempraktikkan urutan aktiviti pengajaran secara progresif dan perkara ini tidak berlaku terhadap Shaari dan Azim. Keadaan ini memperlihatkan Amelia dan Sara mempunyai strategi pengajaran yang eksplisit berbanding Shaari dan Azim.

Jadual 4.5

*Urutan Pengajaran dan Pembelajaran oleh Peserta Kajian*

<b>Urutan</b>	<b>Amelia</b>	<b>Sara</b>	<b>Shaari</b>	<b>Azim</b>
<b>Urutan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran</b>	Memaskan badan	Memaskan badan	Memaskan badan	Permainan
	Ulang Kemahiran Lalu	Pernyataan Objektif	Permainan	
	Pernyataan Objektif	Gerak kerja Kelas	Rumusan	
	Gerak kerja Kelas	Gerak kerja Kumpulan		
	Gerak kerja Kumpulan	Permainan kecil		
	Permainan kecil	Rumusan		
	Rumusan			

Berbanding Shaari dan Azim, Amelia dan Sara melaksanakan urutan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terperinci dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Amelia mempamerkan pola pengajaran yang konsisten dengan urutan seperti memaskan badan, mengulang kemahiran lalu, menyatakan objektif pengajaran, mengadakan permainan kecil di akhir pengajaran dan pembelajaran dan rumusan. Keadaan yang sama juga berlaku pada Sara. Walaupun baru pertama kali ditugaskan mengajar Pendidikan Jasmani di sekolah menengah, Sara masih mampu mempraktikkan urutan pengajaran dan

pembelajaran Pendidikan Jasmani setanding dengan guru opsyen Pendidikan Jasmani seperti Amelia.

Bagi Shaari pula, masih ada urutan dalam interaksi pelaksanaan kurikulumnya jika dibandingkan dengan Azim. Shaari masih memberi arahan kepada muridnya berbanding Azim. Sedangkan bagi Azim, bermain bola sepak merupakan satu-satunya aktiviti yang murid jalani selama tujuh bulan kajian ini dijalankan. Sepertimana yang didapati sebelum ini, tidak terdapat sebarang pemindahan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas Pendidikan Jasmaninya. Tidak ada urutan pengajaran langsung. Azim membiarkan murid membuat sesuka hati mereka dan sekadar melihat mereka beraksi di padang dari jarak yang jauh (SMKST/CLAPpnp/SYAM(3/9). Justeru, pengajaran dan pembelajaran Azim berbeza 100% daripada 'perancangan' yang dilakukannya.

Azim mengakui bahawa sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani disusun dengan begitu baik tetapi beliau meletakkan kesalahan terhadap beberapa faktor yang mengekang dan menjejaskan minat dan peranannya sebagai pelaksana kurikulum. Antaranya adalah tanggapan muridnya terhadap Pendidikan Jasmani (SMKST/TB/SYAM/01/02/03). Kepada Azim, persekitaran yang dihadapi seakan-akan tidak membenarkan beliau menjalankan aktiviti atau urutan aktiviti. Hal ini membuatkan Azim tidak merangka aktiviti khusus untuk dilaksanakan dalam urutan pengajaran dan pembelajarannya. Azim merasakan majoriti murid hanya inginkan permainan bola sepak. Seperti katanya:

Memang setuju sangat-sangat kita kena mengajar mereka. Tetapi saya tidak jalankan pemindahan pengajaran dan pembelajaran secara langsung. Kalau adapun semasa awal-awal dulu. Masa awal-awal dulu, mereka baru jejak ke Tingkatan 1. Semua baru.

Suasanapun baru. Masa itu kita cakap mereka diam dan dengar. Saya senang untuk terangkan prinsip-prinsip senaman. Tetapi, tidak sampai satu bulan, mereka sudah pandai hendak main itu dan ini. Majoritinya hendak main bola. Mula, saya cuba mengajar, tetapi ...bila tengok sikap mereka yang buat tidak tahu saja bila kita cakap ...sayapun malas la!

(SMKST/TB/SYAM/02(9/4/225-232))

Azim merasakan murid-muridnya tahu akan keunikan Pendidikan Jasmani yang tidak dinilai secara berpusat dalam peperiksaan. Malah, beliau berpendapat muridnya juga tahu bahawa Pendidikan Jasmani tidak menyumbang kepada kedudukan semasa peperiksaan. Keadaan sedemikian seakan membuatkan Azim juga bersikap seperti muridnya, iaitu memandang ringan akan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Azim merasakan isu memertabatkan Pendidikan Jasmani tidak boleh disandarkan kepada bahunya seorang sebaliknya semua pihak perlu mengembeling tenaga memikirkan kepentingan pelaksanaan kurikulum ini. Seperti katanya:

Mana boleh harapkan saya seorang untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap Pendidikan Jasmani. Mereka yang berada di bilik hawa dingin di atas sana (pentadbir) perlu turun padang melihat realiti yang berlaku di sekolah dan di bilik darjah. Sekiranya ada arahan penguatkuasaan pelaksanaan Pendidikan Jasmani, tidak timbul perkara yang anda lihat sekarang.

(SMKST/TB/SYAM/04(26/6/91-95))

Azim merasakan pentingnya peranan yang dimainkan oleh pihak berwajib seperti pentadbir dalam mengambil berat, membuat pemantauan, serta memastikan guru-guru melaksanakan Pendidikan Jasmani setanding dengan mata pelajaran yang lain. Azim juga berharap perkara ini segera diberi perhatian agar pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani tidak dipandang remeh dan dipencilkan oleh masyarakat sekeliling.

Namun, kesempatan bertemu dengan Penolong Kanan Akademik iaitu Puan Zu (nama samaran) ternyata berbeza dengan sangkaan Azim terhadap pentadbir terutama pentadbir di sekolahnya selama ini. Menurut Puan Zu:

Saya sebenarnya menanti dan sentiasa menantikan bila mesyuarat panitia PJ akan diadakan. Sudah hampir hendak tamat sesi persekolahan tahun ini tetapi tiada surat atau apa-apa makluman mengenai perkara itu. Maksudnya, Azim tidak pernah buat mesyuarat panitia. Saya memang tunggu sebab saya hendak tanya bagaimana mereka ajar PJ? Yang saya lihat selama ini cikgu Fildan (nama samaran) yang mengajar dengan betul. Ingat saya tidak tahu? PJ ada sukatanya ...kita kena ikut. Tetapi Azim memang tidak pernah ikut ...main bola sepak saja setahu saya. Tidak ada urutan aktiviti seperti memanaskan badan dan aktiviti perkembangan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dia tidak sedar ramai murid mengadu hal ini pada saya. Cuma, saya masih beri peluang kepadanya dan tunggu bila dia (Azim) akan panggil saya untuk mesyuarat panitia PJ!

(SMKST/TB/PKA/11/09/08)

Kata-kata yang diluahkan oleh Puan Zu memperlihatkan beliau positif terhadap Pendidikan Jasmani. Beliau tahu bahawa Pendidikan Jasmani mempunyai sukatan pelajaran dan urutan pengajaran dan pembelajaran yang seharusnya diperkenalkan kepada murid dan tidak sewenang-wenangnya membiarkan murid bermain permainan yang sama dari awal hingga ke akhir tahun. Penolong Kanan Akademik di sekolah itu yang menjawat jawatan tersebut sejak awal penubuhan sekolah itu lagi tidak langsung berpuas hati dengan sikap dan tindakan yang Azim lakukan selama ini. Keadaan seakan-akan mengesahkan bahawa Azim tidak menunjukkan kesungguhannya dalam menjalankan tugas sebagai pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Bagi Shaari pula, urutan aktiviti pengajarannya lebih memperlihatkan variasi berbanding Azim. Walaupun dengan hanya bermain bola sepak sepanjang tempoh kajian dijalankan, beliau masih memantau dan mencadang serta mengarahkan pergerakan murid dalam melakukan aktiviti memanaskan badan dan regangan, memantau permainan mereka dan membuat rumusan mengenai permainan murid pada waktu Pendidikan Jasmani. Contohnya, adalah menjadi sesuatu yang wajib untuk Shaari mengarahkan muridnya menjalankan aktiviti memanaskan badan dan regangan sebelum mereka beredar ke tengah padang untuk bermain bola sepak. Shaari juga memastikan muridnya melakukan aktiviti menyejukkan badan sebelum mereka beredar ke kelas masing-masing (SMKC/CLAPPnp/CMA). Shaari memandang berat akan prinsip-prinsip memanaskan dan menyejukkan badan dijalankan pada permulaan dan akhir setiap aktiviti fizikal meskipun pelaksanaan pengajarannya berbeza dengan perancangan mingguan dan harian. Beliau sendiri yang masih aktif bermain bola

sepak teruja mengarahkan murid mevariasikan aktiviti memanaskan badan dengan formasi yang pelbagai.

Sama seperti Azim, Shaari tidak menjadikan fasa gerak kerja kelas dan fasa gerak kerja kumpulan sebagai sesuatu yang wajib dalam urutan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmaninya. Sebaliknya, Shaari terus mengarahkan murid main di tengah padang untuk permainan bola sepak.

Shaari juga mengakhiri setiap perjumpaan untuk waktu Pendidikan Jasmani dengan merumus atau mengulas aktiviti yang berlaku di padang pada hari itu (SMKC/CLAPPnp/CMA). Lazimnya Shaari meniup wisel panjang untuk memberhentikan permainan bola sepak. Muridnya arif terhadap bunyi yang berkehendakkan mereka bergerak ke bawah pokok yang terletak di hujung padang (SMKC/CLAPPnp/CMA). Menjadi kebiasaan muridnya duduk menghadap Shaari yang tegak berdiri merumuskan 'agenda' pada hari itu.

Shaari berasakan tindakannya berbincang dan merumus permainan muridnya merupakan perkara yang dapat membantu ke arah penambahbaikan prestasi masing-masing (SMKC/CLAPPnp/CMA(7/8)). Walaupun tidak mengulas untuk setiap seorang murid tetapi Shaari yakin perbincangan mengenai perkara-perkara utama yang berlaku pada hari itu disenangi oleh murid-muridnya. Murid tahu undang-undang permainan yang berkaitan sekiranya pihak lawan menyerang dari hadapan. Murid juga tahu kelebihan yang diperolehi oleh pasukan yang kena serang. Maklumat yang murid perolehi hasil daripada perbincangan tersebut merupakan aset kepada pengetahuan mereka untuk digunakan dari semasa ke semasa (SMKC/TBM01/CMA(14/8)).

Shaari juga seperti Azim yang menjadikan murid sebagai alasan untuk tidak menjadikan ansur maju dan latih tubi dalam urutan pengajaran dan pembelajaran. Malah, pelaksanaan kurikulum Shaari tidak diwarnai dengan pemindahan pengajaran secara langsung yang tidak memungkinkannya menjalankan gerak kerja kelas dan kumpulan. Menurut Shaari:

Pada saya, semua cikgu cuba habiskan silibus. Sayapun memang tidak terkecuali. Memang hasrat saya masa *posting* dulu untuk *apply* apa yang kita belajar di universiti. *Apply* apa yang kita buat di universiti. Memang seronok. Tetapi, bila realitinya, budak tidak pandang PJ ini. Saya tidak tahu sekolah lain ...tapi saya dapat rasakan sekolah lainpun sama. PJ memang sudah jadi tradisi macam ini. Budak main saja dan saya pula mendapat budak yang hendak main bola. Kalau bukan bola, tidak mahu PJ! Kalau kita mengajar, minggu depan siap tanya dulu sebelum salin baju... kalau bukan bola, mereka duduk dekat tepi longkang itu. Tidak mahu PJ.

(SMKC/TB/CMA/03(17/4/99-114)

Shaari merasakan perangai murid yang hanya berminat untuk bermain berbanding mendengar arahan guru sewaktu Pendidikan Jasmani merupakan sesuatu yang normal. Pendirian Shaari yang kuat meletakkan tindakannya adalah berdasarkan persepsinya bahawa murid hanya minat untuk bermain bola sepak membuatkan guru ini terus menerus melepaskan mereka bermain bola sepak di padang tanpa sebarang urutan aktiviti dalam gerak kerja kelas dan kumpulan. Minatnya terhadap bola sepak, sama seperti majoriti murid membuatkan Shaari memahami mereka dan seakan-akan mengiyakan persepsi muridnya terhadap



Pendidikan Jasmani. Malah, beliau percaya caranya itu begitu afektif apabila berhadapan dengan situasi murid yang taksub terhadap sesuatu permainan seperti bola sepak. Guru ini juga pernah mengatakan peruntukan waktu untuk permainan bola sepak dalam kurikulum seolah-olah tidak langsung mendatangkan kesan (SMKC/TB/CMA/03(17/4). Sikapnya bagaikan jurulatih pasukan membawa kepada tindakannya dalam amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Tindakan Shaari melepaskan mereka bermain dan kemudian membuat rumusan mempunyai perkaitan yang rapat dengan latar belakangnya yang lebih terdedah kepada konsep kejurulatihan berbanding sebagai pendidik. Walau bagaimanapun, Shaari tidak menggunakan autonomi yang ada padanya untuk menghiraukan permintaan muridnya. Hal ini kerana Shaari merasakan pengubahsuaian yang dilakukan bertujuan memenuhi keinginan murid.

Shaari tidak menyalahkan perkara-perkara lain yang mengekang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmaninya. Tidak seperti Azim yang meletakkan beban tugas, pentadbir dan masyarakat sebagai faktor yang membantutkan usahanya dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani, perkara ini tidak berlaku pada Shaari. Hal ini mungkin disebabkan Shaari tiada alasan bersikap sedemikian kerana sekolahnya merupakan sebuah sekolah yang lama, besar, lengkap dengan kemudahan dan peralatan, dan mempunyai ramai orang guru (SMKC/CLAPKonteks(17/3).

Namun, kesempatan bertemu bual dengan pentadbir sekolah ini iaitu Puan Siti (nama samaran) memberi gambaran akan pandangan beliau terhadap

pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah tersebut umumnya dan berkaitan dengan Shaari khususnya. Antara kata-kata beliau adalah:

Saya bukan tidak tahu peranan PJ pada murid-murid masa kini. Budak memang minat. Main, siapa yang tidak suka ...lebih-lebih lagi murid sesi petang! Tapi sayangnya, apa yang saya lihat cikgu-cikgu yang mengajar hanya sambil lewa sahaja. Cikgu muda sekarang terlalu mengambil mudah. Kurang perasaan untuk mendidik dan mengajar. Guru seharusnya kenal latar belakang murid, tanam sifat mendidik dan patut sayang karier. Walaupun saya mengaku kurang pantau perjalanan pengajaran dan pembelajaran PJ tetapi saya tahu PJ ada latih tubi, ada aktiviti dan murid kena cuba banyak kali. Kalau ajar tendangan bola, ha..tendang saja! Tapi, kawan kita (merujuk pada Shaari), sembang-sembang, bagi bola sebiji dan murid main. Mana boleh macam itu, sudah lah tidak kena periksa buku rampaian, mengajarpun tidak!

(SMKC/TB/Pengetua/13/09/08)

Sebagai pentadbir, beliau peka dengan perkara yang seharusnya dilakukan oleh guru dan perkara yang berlaku kepada guru di sekolah. Pendidikan Jasmani yang dijalankan di tempat yang terbuka memang memberi ruang kepada beliau menilai meskipun tidak secara langsung. Ternyata beliau tidak berpuas hati dengan tindakan Shaari yang hanya membenarkan murid bermain bola sepak begitu sahaja tanpa urutan aktiviti dalam pemindahan pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini sedikit sebanyak memberi persepsi kepada beliau bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang tidak

memerlukan guru memeriksa buku rupaian dengan tegar seperti mata pelajaran lain, tidak juga dilaksanakan dengan baik oleh guru ini dipadang.

Keadaan sebaliknya pula berlaku terhadap Sara. Dalam konteks yang sama dengan Shaari, guru yang baru pertama kali ditugaskan mengajar Pendidikan Jasmani di sekolah ini telahpun dapat menambat hati pentadbir di sekolah itu. Seperti kata beliau:

Saya tahu Sara tidak ada masalah. Di hujung sana (hujung padang), bila saya lalu petang-petang, dia buat kerja dia. Padahal cikgu Matematik. Bolehpun! Alat, kemudahan semua ada, tidak ada masalah sebab kita beli ribu-ribu setiap tahun. Orang macam ini kita mahu dan saya harap beliau kekal (kekal dengan dedikasinya) macam ini!

(SMKC/TB/Pengetua/13/09/08)

Pujian daripada pengetua sekolah itu menggambarkan kepuasan beliau terhadap Sara. Beliau terlihat pendekatan Sara apabila berhadapan dengan muridnya pada waktu Pendidikan Jasmani. Elemen-elemen seperti memanaskan badan, menjalankan gerak kerja, mengadakan permainan kecil di akhir pengajaran dan pembelajaran dan membuat rumusan, merupakan urutan dalam pengajaran dan pembelajarannya yang kelihatan begitu eksplisit. Perkara ini menjadi praktis Sara disebabkan beliau faham bahawa setiap kurikulum mata pelajaran memerlukan murid mempelajarinya secara terancang dan berstruktur mengikut konteks pelaksanaan kurikulum di sekolah.

Urutan pengajaran serta aktiviti yang Sara jalankan adalah konsisten dan memperlihatkan guru ini mengambil tahu akan cara pelaksanaan kurikulum

ini (SMKC/CLAPPnp/K(2/9)). Sara juga mungkin merasakan dengan adanya langkah pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menjadi sistematis dan mudah untuk diukur bagi setiap fasa yang dilalui bersama murid. Cuma, Sara tidak menjadikan mengulangi kemahiran lalu sebagai elemen wajib dalam pengajaran dan pembelajarannya. Sebaliknya Sara terlalu menumpukan perhatian terhadap butir-butir pengajaran untuk hari berkenaan. Keadaan ini bertentangan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran Matematikanya selama ini tetapi beliau terpaksa bersikap demikian kerana kekurangannya dari aspek kemahiran dalam Pendidikan Jasmani (SMKC/CLAPPnp/K(7/4)).

Dalam melakukan aktiviti memanaskan badan dan regangan, Sara memperkenalkan konsep kepada muridnya kerana beliau yakin, dengan membina pengetahuan asas yang kukuh dan menjelaskan konsep pada peringkat permulaan, muridnya jelas dan faham dan dapat mengaplikasikan apabila melakukan aktiviti. Seperti katanya:

Pada peringkat awal, saya yang tunjuk cara untuk lakukan aktiviti memanaskan badan dan regangan. Hampir sebulan juga saya mengetuai mereka. Pada masa itu saya terapkan konsep-konsep seperti; mesti melakukan aktiviti memanaskan badan dan diikuti dengan regangan. Regangan pula mesti dijalankan secara sistematis dan betul-betul kerana kalau tidak, kita akan sakit-sakit lepas jalani aktiviti. Regangan pun, ada prinsipnya kan ... sistematis ...kalau kanan dulu, semua dengan kanan, kalau kiri, semua dengan kiri! Begitu juga dengan bilangan, mesti sama atau konsisten. Jangan *over stretch*, nanti tisu koyak...jangan buat hiper ekstensi ...macam itulah ...Saya sudah *train* cukup ...so lepas itu saya memang suruh mereka bergilir-gilir mengetuai di hadapan.

(SMKC/TB/K/05(6/5/155-164))

Kepada Sara, penerapan konsep dan kepentingan menjalankan aktiviti memanaskan badan dan regangan memang seharusnya dilakukan seawal interaksi guru dan murid, dan mereka bukan sekadar melakukan aktiviti sahaja sebaliknya mereka perlu dilengkapi dengan pengetahuan tentang sebab dan akibat melakukan aktiviti tersebut. Sara juga berharap, murid perlu dilengkapi dengan kemahiran agar mereka mampu melakukannya bukan sahaja apabila berada di sekolah malah pada bila-bila dan di mana-mana sahaja. Hal ini bersesuaian dengan konsep Gaya Hidup Sihat iaitu konsep yang memberi pengalaman aktiviti harian yang sihat di mana, Pendidikan Jasmani merupakan landasan bagi murid-murid mengetahui dan mempelajari prinsip-prinsip senaman agar dapat mereka aplikasi untuk kehidupan sepanjang hayat.

Urutan aktiviti Sara juga disertakan dengan memberitahu muridnya akan matlamatnya pada hari itu dari aspek psikomotor, kognitif dan afektif. Fenomena ini jelas daripada tindakan Sara yang menyatakan tujuan pengajaran dan pembelajaran pada setiap awal episod pengajarannya. Perkara ini penting kepada Sara kerana beliau mahu muridnya tahu perkara yang perlu mereka pelajari dan capai pada gerak kerja yang dijalankan (SMKC/TB/K/01(17/3). Sara mahu muridnya merasakan mereka mempelajari sesuatu pada masa Pendidikan Jasmani, sekaligus mengurangkan tanggapan murid selama ini bahawa Pendidikan Jasmani merupakan masa untuk mereka bersantai.

Dalam urutan aktiviti juga, Sara tegas dengan menyatakan objektif psikomotor dalam pengajaran dan pembelajaran, namun perbincangan dan soal jawab yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung merungkai objektif kognitif dan afektif yang beliau tetapkan (SMKC/Dok/K).

Pernyataan objektif Sara tidak berlaku secara spontan sebaliknya beliau terlebih dahulu melihat rancangan pelajaran sebelum bergerak menuju ke lokasi pengajaran. Katanya:

Sebelum datang memang tengok balik apa saya rancang. Semasa bincang dan soal jawab dengan budak, sebenarnya sudah terungkai objektif kognitif! Itu yang penting sebenarnya ...bukan main saja, sebaliknya kenapa dan untuk apa juga kami bincang. Domain afektif macam biasa, memang senang nampak semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Contohnya kerjasama, keyakinan dan bertanggung jawab!

(SMKC/TB/K/01(17/3/105-111)

Di sebalik penegasan Sara tentang matlamat yang berlandaskan psikomotor, Sara seakan-akan mengikut buku dengan memastikan objektif kognitif dan afektif dapat dipenuhi. Sara terbiasa dengan cara atau kaedah beliau mengajar Matematik. Inisiatifnya tentang perkara ini kerana merasakan ketiga-tiga domain tersebut mempunyai peranan masing-masing terhadap setiap individu murid yang berbeza latar belakang dan kemampuan. Di samping itu, kaedah ini juga dirasakan membawa kepada persepsi muridnya bahawa Pendidikan Jasmani mempunyai perkara-perkara untuk diketahui, dipelajari dan diaplikasi. Beliau tidak mahu murid datang ke kelas dengan kepala yang kosong dan bermotifkan 'main semasa PJ' semata-mata.

Sara sentiasa memperuntukkan ruang dalam dirinya untuk beliau jalankan pengubahsuaian atau adaptasi berbanding objektif perancangannya. Hal ini kerana beliau peka akan kemampuan murid dan juga kemampuan dirinya sendiri

(SMKC/TB/K/02(24/3). Adaptasi yang berlaku terhadap guru ini bukan disebabkan kekurangan kemudahan dan peralatan yang diperuntuk untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 tetapi lebih menjurus kepada kepenggunaan kemudahan dan peralatan tersebut. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya terdapatnya pengubahsuaian dari aspek matlamat pelaksanaannya dari aras yang tinggi kepada aras yang lebih rendah seperti daripada inginkan murid menguasai sesuatu kemahiran, kepada memperkenalkan sahaja kemahiran kepada mereka (SMKC/Dok/K(5/5). Walaupun ternyata Sara seboleh-bolehnya bersedia sebelum menemui muridnya, tetapi terdapat keadaan membuatkan beliau tidak yakin apabila berhadapan dengan situasi pengajaran sebenar lebih-lebih lagi dalam berhadapan dengan aktiviti yang jarang beliau lakukan seperti gimnastik. Seperti katanya:

Bagi saya tidak guna kalau buat sesuatu yang mereka tidak mampu terutama bila ramai tidak dapat! Saya tidak mahu budak-budak itu serik! Nanti minggu depannya tidak mahu PJ. Kadang-kadang, saya pula yang tidak boleh hendak buat terutama gimnastik! So, saya ubahsuai mana perlu supaya saya puas hati mengajar. Atau saya terang saja. Kalau saya tidak *sure* hendak buat, macam ini ke macam itu, lebih baik saya elakkan. Nanti silap-silap budak cedera, lagi menyusahkan.

(SMKC/TB/K/02(24/3/143-174)

Kepada Sara, matlamat pengajaran masih dapat disampaikan, bergantung kepada kebijaksanaan guru. Hal ini kerana Pendidikan Jasmani bukan sahaja menekankan pendidikan untuk pergerakan yang bertujuan membangunkan aspek

psikomotor dan kecergasan murid, tetapi juga pendidikan melalui pergerakan, yang bertujuan menerap dan mencungkil aspek kognitif dan afektif murid. Sedar akan hal ini Sara yakin muridnya tidak pulang ke kelas dengan pengetahuan yang kosong pada hari itu.

Sara menyamakan fasa perkembangan dalam pengajaran Matematik dan juga Pendidikan Jasmani. Beliau memastikan muridnya dapat melihat perkara yang dilakukan dan mendengar perkara yang dibincangkan. KEPADANYA, dalam urutan aktiviti, fasa perkembangan merupakan fasa yang paling mencabar kerana kefahaman murid amat bergantung kepada penjelasan yang diberikannya. Perancangan dan persediaan pengajaran dan pembelajaran juga teruji semasa fasa ini. Pengetahuan dan kemahiran yang dikumpulkan sebelum berhadapan dengan muridnya diaplikasikan pada fasa perkembangan. Sara menjadikan landasan fasa perkembangan untuknya berkongsi maklumat dan menyampaikan inti pati pengajarannya. Sekiranya Sara yakin dapat melakukan sendiri, beliau tidak teragak-agak melakukan tunjuk cara dengan memberi penjelasan satu persatu. Sara selesa melakukan tunjuk cara kerana dengan cara sedemikian akan dapat meningkatkan keyakinan murid untuk melakukan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, Sara masih pandai menyembunyikan kelemahannya dengan memanggil murid untuk melakukan tunjuk cara dan beliau hanya menerangkan perlakuan yang murid lakukan, sekiranya tidak mampu melakukannya (SMKC/CLAPPnp/K(29/7)).

Urutan pengajaran dan pembelajaran Sara tidak terkecuali dengan melakukan gerak kerja kumpulan. Malah beliau seolah-olah menetapkan muridnya membuat latihan dalam kumpulan rentetan daripada perkembangan



yang diperkenalkan. Peranan Sara dalam fasa ini adalah dengan menggabungkan beberapa kemahiran, dengan tidak mengenyahkan kemahiran yang diajarnya pada hari tersebut. Fasa gerak kerja kumpulan yang dijalankan oleh Sara juga berpeluang menyaksikan sikap kerjasama dan semangat berpasukan dalam kalangan murid. Cara Sara menyusun aktiviti dalam kumpulan yang lebih kecil memperlihatkan agihan yang sama rata antara kaum. Muridnya tahu guru mereka pasti marah sekiranya murid berkumpul berdasarkan kaum, kelas atau 'geng'. Kepada Sara, perkara sebegitu perlu ditegur kerana murid perempuan memang terkenal dengan sifat berkumpul atau berkelompok dan sering melakukan aktiviti dalam kelompok kecil tersebut. Namun guru ini sedar bahawa perannya tidak sekadar mengajar, malah turut mendidik murid agar seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Waktu Pendidikan Jasmani inilah dirasakannya dapat memberi peluang pada murid-murid untuk bergaul merentas kelas, kaum, agama dan status ekonomi sosial (SMKC/TB/K/03(7/4/31).

Sara tidak lupa mewarnai aktiviti yang dijalankan agar menjadi lebih menarik serta menjurus kepada objektif yang ditetapkan. Beliau menerbitkan aktiviti yang bersifat pertandingan sama ada bertanding secara individu mahupun pertandingan antara barisan atau kumpulan (SMKC/PM/K/02(24/3). Tindakannya secara tidak langsung menggalakkan murid mempraktik kemahiran-kemahiran yang dipelajari di samping memberi ruang kepada murid berkerjasama, berinteraksi dan saling bantu membantu antara satu sama lain. Sara juga pandai menghangatkan suasana dengan bermain bersama-sama mereka di samping memberi peluang muridnya menjadi pengadil (SMKC/PM/K/04/05/016). Fasa ini juga memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh Sara iaitu mendekatkan

dirinya dengan murid selain dari menerapkan pendidikan melalui pergerakan dan pendidikan untuk pergerakan. Aktiviti yang beliau jalankan bertujuan membangunkan aspek-aspek kognitif dan afektif di samping membangunkan aspek-aspek psikomotor dan meningkatkan kecergasan muridnya.

Sara juga merasakan bahawa urutan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani tidak lengkap sekiranya guru tidak menjalankan permainan kecil. Pengalamannya sendiri sebagai murid dahulu, menantikan akan saat ini pada setiap kali waktu Pendidikan Jasmani. Justeru, kemuncak waktu Pendidikan Jasmani Sara merupakan permainan kecil yang lazimnya difikirkan secara khusus sebelumnya. Gabungan kumpulan-kumpulan yang kecil daripada aktiviti sebelumnya dikelompokkan kepada dua kumpulan yang besar membawa kepada suasana yang lebih harmoni. Hal ini kerana, muridnya berkerja keras dalam merebut tempat yang pasti diumumkan oleh guru mereka itu. Walaupun Sara hanya mengumumkan kedudukan pasukan tanpa sebarang hadiah, namun impaknya kepada murid adalah sangat mendalam. Mereka bermati-matian cuba mendapatkan gelaran juara pada hari itu dan sekaligus memperlihatkan nilai-nilai sosial dan afektif begitu eksplisit dalam Pendidikan Jasmani (SMKC/CLAPPnp/K(26/8)).

Bagi peserta kajian yang seterusnya iaitu Amelia, sukar untuknya tidak melakukan urutan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran meskipun berhadapan dengan kekangan dari aspek kemudahan, alatan dan kesuntukan masa. Hal ini kerana beliau percaya bahawa setiap fasa mempunyai peranan masing-masing dalam membantu murid mencapai objektif pengajaran dan pembelajarannya pada hari itu.

Pola pengajaran yang Amelia pameran adalah konsisten biarpun murid yang datang ke kelas Pendidikan Jasmani pada hari itu hanyalah enam orang sahaja (SMPB/PM/CT/03(22/4). Elemen-elemen seperti memanaskan badan, mengulang kemahiran lalu, menyatakan objektif pengajaran, mengadakan permainan kecil di akhir pengajaran dan pembelajaran dan rumusan, merupakan kemestian bagi Amelia. Menurutnya:

Saya memang dididik dengan cara ini ...semasa belajar lagi kita didedahkan macam ini dan saya rasa ini merupakan cara yang sesuai untuk pemindahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani setakat ini. Aktiviti dijalankan secara teratur, berintensiti dan ansur maju yang mudah untuk murid ikuti.

(SMPB/TB/CT/07(2/9/339-341)

Amelia senang dengan cara ini kerana melaluinya beliau sendiri berasakan setiap fasa yang dilalui mempunyai tujuan untuk muridnya capai. Di samping itu, Amelia percaya, murid mudah untuk melakukan aktiviti yang disusunnya berdasarkan intensiti dari mudah kepada yang lebih kompleks. Guru ini juga amat berpengalaman dalam mematuhi prosedur dan disiplin dalam aktiviti Pendidikan Jasmani secara berperingkat-peringkat khususnya dalam menangani sikap murid yang takut untuk mencuba.

Dalam memulakan aktivitinya, Amelia mewajibkan murid membuat barisan dan lari mengelilingi blok perdana berhampiran dataran terbuka atau gelanggang bola keranjang sebelum melakukan regangan. Prinsip ini merupakan amalannya pada setiap kali pertemuan Pendidikan Jasmani bersama murid dan merasakan aktiviti sedemikian ibarat set induksinya dalam memulakan

pengajaran dan pembelajaran. Beliau yang amat berminat dengan kejayaannya sebagai guru Pendidikan Jasmani ini faham bahawa keengganan melakukan aktiviti sebegini boleh mendatangkan kecederaan terhadap murid khususnya dalam jangka waktu yang panjang. Malah, Amelia juga tidak kisah sekiranya aktiviti memanaskan badan dan regangan dijalankan secara streotaip dengan mengeneipikan elemen-elemen kreatif seperti menggunakan alat muzik atau menggunakan alatan, sebaliknya hanya mementingkan prinsip pengendaliannya sahaja (SMPB/CLAPPnp/CT(2/9)).

Amelia mengulangi kemahiran yang terdahulu sebelum menyatakan matlamat interaksinya pada hari itu bagi tujuan kejelasan murid dan mengembalikan ingatan muridnya terhadap pengajaran dan pembelajaran terdahulu. Hal ini dilakukan sama ada dengan cara mengimbas kembali butir-butir pengajaran secara verbal mahupun dengan kaedah tunjuk cara, atau menggabungkan kedua-dua kaedah itu. Beliau melakukan sedemikian kerana merasakan perkara sedemikian adalah penting, tambahan pula dalam situasi permainan, akan adanya gabungan berberapa kemahiran bagi menghadapi situasi yang tertentu.

Selain itu, Amelia mempunyai rasional untuk menyatakan objektif pengajaran kepada muridnya. Amelia mahu muridnya jelas dengan apa-apa yang mereka lakukan dan apa-apa yang mereka pelajari dalam Pendidikan Jasmani. Beliau berpendapat bahawa sememangnya menjadi tugas guru untuk memberitahu murid agar konsep 'main dalam PJ' tidak terlalu tebal di fikiran mereka. Amelia mahu muridnya tahu perkara yang mereka lakukan atau pelajari

pada waktu Pendidikan Jasmani. Beliau juga memberi contoh akan situasi yang berlaku terhadap anaknya iaitu:

Saya tanya anak saya, tadi belajar apa dalam PJ? Dia kata ‘tadi lari-lari, main-main masa PJ’. Saya yakin cikgu ada mengajar sesuatu yang melibatkan larian atau permainan, tetapi tidak jelas... So, saya tidak mahu hal ini berlaku pada murid saya. Nanti sama juga kalau ibu bapa tanya ...lari-lari atau main-main, kan rasa macam tidak belajar dalam PJ ini!

(SMPB/TB/CT/07(2/9/351-355))

Kepada Amelia, objektif pengajaran membantu guru dalam mengenal pasti tujuan dan matlamat pengajaran dan pembelajaran. Hal ini merangkumi perkara yang ingin dicapai dan diharapkan daripada murid dalam episod pengajarannya. Selain itu, murid juga perlu diberitahu dengan jelas perkara yang seharusnya mereka pelajari dalam Pendidikan Jasmani bagi mengelakkan murid terus beranggapan bahawa Pendidikan Jasmani hanya waktu untuk mereka bermain semata-mata. Lagipun, muridnya memang mempunyai tanggapan bahawa Pendidikan Jasmani merupakan masa untuk mereka bebas bermain. Kepada Amelia, sekiranya perkara ini dibiarkan, murid akan menagih keadaan yang sama daripada Amelia. Muridnya meluahkan perasaan sedemikian kerana mereka mengalami keadaan itu semasa berada di sekolah rendah.

Sikap ambil berat Amelia terhadap Pendidikan Jasmani diterjemahkan kepada pengajaran dan pembelajarannya agar murid juga turut merasai kepentingan mempelajari Pendidikan Jasmani di sekolah. Inisiatif Amelia dalam memberi nota merupakan suatu tindakan agar muridnya lebih faham dengan

perkara yang dibincangkan pada masa Pendidikan Jasmani. Amelia tidak mahu murid beranggapan Pendidikan Jasmani tidak memerlukan murid menulis nota atau fakta untuk diingati. Beliau juga tidak mahu muridnya berasakan tiadanya penyemakan buku terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (SMPB/TB/CT/04(15/7). Hal ini kerana masa Pendidikan Jasmani begitu dikenali dengan masa untuk bermain di luar kelas. Malah komentar yang pernah diluahkan oleh Pengetua SMK Dua iaitu Puan Siti "... sudahlah tidak kena periksa buku rampaian ..." (SMKC/TB/Pengetua/13/09/08) juga menggambarkan guru Pendidikan Jasmani kurang dibebani dengan penyemakan buku rampaian murid dan sinonim dengan guru Pendidikan Jasmani yang dilihat mengambil mudah pemberian nota atau catatan semasa pemindahan pengajaran berlangsung.

Amelia berasakan fasa yang paling mencabar baginya dalam urutan aktiviti adalah fasa gerak kerja kelas dan gerak kerja kumpulan. Dalam fasa-fasa ini, gerak kerja yang dipilih harus dirancang dan dijalankan bersandarkan kepada faktor-faktor seperti kemudahan dan peralatan yang terdapat di sekolahnya, kebolehan murid, dan matlamat kurikulum dalam menyampaikan input atau intipati pengajarannya. Fasa ini juga memerlukan guru ini bersikap kreatif dalam menjalankan aktiviti serta membuat adaptasi dari aspek penggunaan kemudahan dan peralatan. Dalam hal ini Amelia memastikan muridnya berkemampuan melakukan aktiviti yang disusun dan mereka mendapat manfaat pada akhir pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, dengan pengalaman yang ada pada beliau dan faham akan matlamat kurikulum Pendidikan Jasmani, Amelia bersahaja dalam membuat adaptasi khususnya dalam berkongsi input mengenai pengajaran dan pembelajaran bagi komponen olahraga. Seperti yang dikatakan

oleh setiausaha sukan sekolahnya, “biarpun kawasan yang membolehkannya menjalankan lontar peluru hanya di antara blok bangunan sekolah, Amelia masih mampu menjalankannya dengan jaya” (SMPB/TB/TAN/29/7). Baginya, keadaan sedemikian bukan alasan untuk beliau mengabaikan perkongsian pengetahuan bersama-sama murid, malah “banyak cara yang masih boleh dijalankan asalkan kita tahu apa hendak buat, dan hendak buat” (SMPB/TB/CT/04(15/7). Selain itu, Amelia mengambil langkah yang berani dalam membuat adaptasi daripada komponen kecergasan. Amelia mengambil enam waktu daripada peruntukan waktunya bagi menjalankan Ujian SEGAK. Sikapnya yang tahu perkara yang patut dijalankannya adalah betul membuatkan Amelia dengan yakinnya mengatakan bahawa:

Memang mereka (mengikut SPI Bil. 3/2008) suruh siapkan dalam dua masa. Tetapi, interaksi pertama, saya hanya baca prosedur dan tunjukkan cara ujian dan perkara yang seharusnya mereka lakukan. Ini merupakan kali pertama murid berhadapan dengan ujian ini. Kalau tahun depan mungkin tidak ada masalah kerana mereka ada pengalaman.

(SMPB/TB/CT/01(25/3/155-159)

Amelia berasakan terdapat perkara yang memerlukan beliau membuat keputusan dalam berhadapan dengan isu-isu semasa yang berlaku di sekolah. Beliau menggunakan logiknya untuk membuat pengubahsuaian pada keadaan yang difikirkannya perlu. Walaupun dibenarkan untuk menjalankan ujian ini selepas waktu persekolahan, beliau keberatan melakukannya kerana berasakan muridnya mungkin terikat dengan jadual pengangkutan atau jadual ulang kaji yang lain. Amelia juga tidak mahu menyusahkan dirinya mahupun muridnya

lantas menggunakan kebijaksanaan dalam membuat adaptasi daripada aspek ini (SMPB/TB/CT/02(1/4).

Selain itu, Amelia juga membuat adaptasi daripada urutan rancangan tahunan yang dicadangkan oleh JPWP. Walaupun beliau menjadikan rancangan pelajaran tahunan tersebut sebagai panduan pelaksanaan kurikulum, namun urutannya adalah berasaskan kesesuaian semasa yang berlaku di sekolahnya. Contohnya, beliau mempercepatkan pengajaran kecergasan dan olahraga bagi menyediakan muridnya dengan acara-acara yang terdapat dalam sukan tahunan sekolah dan MSSKL (SMPB/TB/CT/02(1/4). Beliau juga melambatkan pengajaran gimnastik artistik yang dijadualkan pada minggu ke-26 hingga minggu ke-30 semata-mata bagi memberi laluan kepada kelas lain menggunakan *gym mat* yang begitu terhad bilangannya di sekolah (SMPB/TB/CT/02(1/4).

Kefahaman Amelia mengenai tuntutan kurikulum membuatkan guru yang berpengalaman ini melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian berdasarkan konteks semasa sekolah dengan tidak mengeneipkan agihan waktu yang diperuntukkan untuk sesuatu tunjang atau komponen. Amelia juga bijak dalam memastikan pelaksanaannya tidak mendatangkan kebosanan dalam kalangan murid kerana alatan yang diguna pakai tidak menarik seperti alatan yang asal yang harus digunakan. Baginya, kreativiti yang ada pada guru harus diguna pakai dalam keadaan yang memerlukan, agar murid tidak bosan, sebaliknya ternanti-nanti waktu Pendidikan Jasmani (SMPB/TB/CT/07(26/8).

Fasa gerak kerja juga merupakan fasa untuknya menerapkan elemen kognitif iaitu sama ada dengan memberitahu maklumat, atau menyoal murid untuk mengetahui kefahaman mereka. Kepada Amelia, cara ini dapat



mengerakkan muridnya dari 'tidur' iaitu berfikiran kosong semasa interaksi berlangsung. Amelia tidak mahu murid-muridnya beranggapan bahawa mereka tidak perlu memikirkan sesuatu semasa berada di kelas Pendidikan Jasmani sebaliknya, seperti mata pelajaran lain, Pendidikan Jasmani juga merupakan disiplin ilmu yang kaya dengan informasi dalam mengekalkan kesihatan fizikal, mental dan emosi dan sosial.

Amelia mewujudkan intensiti yang lebih tinggi apabila beliau menjalankan gerak kerja kumpulan, iaitu kesinambungan daripada fasa gerak kerja kelas (SMPB/CLAPPnp/CT(26/8)). Intensiti sedemikian penting bagi memberikan cabaran untuk muridnya mencuba setelah melalui fasa ansur maju sebelumnya. Strategi sebegini memang sengaja Amelia terbitkan agar muridnya merasai kepuasan apabila melakukan aktiviti tersebut dengan jayanya kelak. Amelia memikirkan soal ini kerana beliau merancang pengendalian aktiviti.

Pengetahuan Amelia dari aspek kurikulum, kandungan dan pedagogi membuatkan guru ini bersikap *natural* menangani permasalahan yang dihadapi oleh muridnya. Beliau tidak teragak-agak dalam memberi arahan, menjalankan aktiviti dan membetulkan kesilapan murid. Hal ini kerana Amelia tahu perkara yang betul atau silap dilakukan oleh muridnya (SMPB/CLAPPnp/CT(26/8)).

Seperti kelas Pendidikan Jasmani Sara, murid-murid Amelia juga menantikan fasa permainan kecil sebagai kemuncak aktiviti mereka pada hari itu. Amelia mengambil kesempatan daripada masa yang muridnya nanti-nantikan ini untuk menerapkan elemen kerjasama berpasukan dengan mewujudkan aktiviti pertandingan secara sihat sesama mereka. Beliau yang bertindak bagaikan pengadil hanya memberi arahan dan membetulkan kesilapan murid pada fasa ini.

Kesempatan fasa permainan ini juga Amelia gunakan dalam membina serta meningkatkan hubungan sosialnya bersama–sama murid (SMPB/CLAPPnp/CT). Amelia mahu muridnya tahu guru mereka itu sebenarnya merupakan seorang yang mengambil berat hal-hal murid sebelum mereka bersurai setelah menjalani aktiviti menyejukkan badan pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran pada setiap waktu interaksi Pendidikan Jasmani di sekolah (SMPB/TB/CT/05(22/7)).

Seperti Sara, Amelia juga menjalankan peranan sebagai guru Pendidikan Jasmani dengan menerapkan pendidikan melalui pergerakan dan pendidikan untuk pergerakan. Aktiviti yang Amelia jalankan mempunyai matlamat dan objektif dalam membangunkan aspek-aspek kognitif dan afektif di samping membangunkan aspek-aspek psikomotor dan meningkatkan kecergasan muridnya

Selain urutan aktiviti, elemen seterusnya dalam amalan pelaksanaan adalah strategi pengajaran dan pembelajaran. Strategi pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada kebijaksanaan memilih pendekatan, kaedah dan teknik oleh guru dalam mencapai matlamat atau objektif pengajaran.

Amelia mengamalkan strategi langsung yang berpusatkan guru kerana kepada beliau, meskipun Pendidikan Jasmani merupakan pendidikan melalui pergerakan dan pendidikan untuk pergerakan, murid masih perlu dibimbing dan diarah. Amelia berpendapat muridnya masih mentah untuk menjalankan aktiviti tanpa arahan guru dan mereka begitu naif tentang permainan dan kemahiran yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Jasmani. Amelia menyampaikan inti pati pengajaran dan pembelajaran secara satu hala kerana muridnya lebih memahami penerangan yang diberikan berbanding apabila mereka berbincang (SMPB/PM/CT/04/19).

Namun, Amelia tidak lupa mempraktikkan inovasi yang diterapkan dalam kurikulum semakan 2003 (SMPB/CLAPPnp/CT(10/6). Strategi pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira pembelajaran masteri dan kecerdasan pelbagai kelihatan eksplisit dalam amalan pengajaran dan pembelajarannya. Contohnya, Amelia memastikan murid menguasai kemahiran sebelum beralih kepada kemahiran yang seterusnya. Amelia juga menggunakan kekuatan yang terdapat pada muridnya untuk membantunya melakukan tunjuk cara. Beliau sedar inovasi yang diterapkan dapat membantu ke arah memenuhi matlamat dan objektif yang diinginkan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

Keadaan yang sama berlaku terhadap Sara. Strategi pengajaran yang Sara gunakan adalah strategi langsung dan berpusatkan guru. Elemen-elemen yang terdapat dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Sara seperti merancang pengajaran, memperkenalkan kemahiran baru, menjalankan ansur maju dan latih tubi, membetulkan kesilapan murid dan memberi maklum balas, adalah bertepatan dengan strategi tersebut. Beliau membezakan strategi ini dengan strategi penyelesaian masalah yang sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik kerana beranggapan strategi sedemikian kurang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam Pendidikan Jasmani. Kepada Sara, strategi pengajaran langsung amat bersesuaian sebagai pendekatannya mengajar Pendidikan Jasmani dan merasakan persekitaran pembelajarannya adalah berstruktur. Banyak prosedur yang mesti dipatuhi dalam pengendalian kurikulum Pendidikan Jasmani disebabkan sifat kurikulum ini yang kompleks dan dinamik. Di samping itu, Sara juga merasakan muridnya masih memerlukan input daripada guru dan tidak mampu mengendalikan aktiviti tanpa tunjuk ajarnya. Tambahan

pula, Sara menganggap bahawa pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani berisiko sekiranya murid melakukan aktiviti tanpa arahan atau pengawasan guru (SMKC/TB/K/02(24/3)). Justeru, beliau amat mementingkan soal ini dan selesa sekiranya muridnya sahaja yang mematuhi arahan yang diberinya itu. Sara tidak kisah apabila caranya lebih menjurus kepada komunikasi sehalu dalam pemindahan pengajaran sebaliknya beliau yakin muridnya mampu menguasai arahan yang diberikan menerusi langkah-langkah pengajaran yang disusun rapi.

Sara juga tidak lupa mempraktikkan amalan inovasi dalam Pendidikan Jasmani yang sering dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik. Selain menggunakan bahan bantu mengajar, guru ini juga mengamalkan strategi pengajaran masteri dalam melihat kemajuan murid. Perkara ini jelas kelihatan dalam fasa pengajaran dan pembelajaran iaitu transisi dari mudah ke sukar hanya dijalankan apabila murid-muridnya mampu menguasai kemahiran yang diajar pada hari itu (SMKC/CLAPPnp/K(5/5)).

Bagi Shaari dan Azim, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani mereka hanya membenarkan murid bermain bola sepak di padang. Keadaan sedemikian tidak menampakkan mereka cenderung kepada mana-mana strategi pengajaran yang khusus. Mereka juga tidak memperlihatkan sebarang langkah dalam mempraktikkan ansur maju dan latih tubi. Tidak ada juga sebarang tugas yang dibekalkan kepada murid sepanjang permainan berlangsung. Mereka tidak memainkan peranan sebaliknya hanya bertindak sebagai pengawas di padang.

### ***Penilaian Kurikulum Pendidikan Jasmani oleh Peserta Kajian***

Rantailan seterusnya selepas perancangan dan penyampaian adalah penilaian. Menurut Darst dan Pangrazi (2006), penilaian merupakan proses yang berkeupayaan memberi gambaran akan kemampuan murid terhadap pembelajaran yang mereka lalui dalam Pendidikan Jasmani di samping mendapat maklumat mengenai keberkesanan pengajaran guru. Menurut mereka lagi, penilaian dalam Pendidikan Jasmani juga bertujuan untuk merangsang dan memotivasikan murid di samping menentukan kumpulan murid berdasarkan kebolehan mereka masing-masing.

Seperti yang diterangkan sebelum ini, Pendidikan Jasmani di Malaysia menekankan ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif, serta dinilai menerusi penilaian formatif dan penilaian sumatif berdasarkan kriteria serta norma-norma tertentu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian menjalankan penilaian secara formatif dan sumatif dengan ketegaran yang berbeza. Amelia dan Sara menjadikan penilaian sebagai landasan untuk menilai murid secara berterusan dan untuk diambil tindakan bagi membaiki prestasi murid dan guru, manakala Shaari dan Azim sekadar menjadikannya sebagai satu formaliti dokumentasi (Jadual 4.6).

Jadual 4.6

*Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani oleh Peserta Kajian*

Penilaian		Penilaian Formatif		Penilaian Sumatif	
Peserta Kajian	Komponen	Rujukan Kriteria	Rujukan Norma	Rujukan Kriteria	Rujukan Norma
Amelia	Psikomotor	√ (Kemahiran)	■	√ (Kemahiran)	√ (SEGAK)
	Kognitif	√ (Lisan)	■	√ (Folio)	√ (Kertas Pensil)
	Afektif	√ (Amalan Nilai)	■	√ (Amalan Nilai)	■
Sara	Psikomotor	√ (Kemahiran)	■	■	√ (SEGAK)
	Kognitif	√ (Lisan)	■	√ (Folio)	√ (Kertas Pensil)
	Afektif	√ (Amalan Nilai)	■	√ (Amalan Nilai)	■
Shaari	Psikomotor	■	■	■	√ (SEGAK)
	Kognitif	■	■	√ (Folio)	√ (Kertas Pensil)
	Afektif	√ (Amalan Nilai)	■	√ (Amalan Nilai)	■
Azim	Psikomotor	■	■	■	■
	Kognitif	■	■	■	√ (Kertas Pensil)
	Afektif	√ (Amalan Nilai)	■	√ (Amalan Nilai)	■

Petunjuk : (√) = mengambil kira; (■) = tidak mengambil kira

### *Penilaian Formatif*

Penilaian formatif merupakan penilaian yang bertujuan mengesan perkembangan pembelajaran semasa murid berdasarkan objektif pencapaian yang ditetapkan bagi sesuatu topik atau peringkat (Darst & Pangrazi, 2006; Miller, 2006). Data menunjukkan penilaian formatif dijalankan sepenuhnya oleh Amelia dan Sara berdasarkan kriteria yang mereka tetapkan. Mereka menggunakan urutan aktiviti yang terdapat dalam urutan pengajaran sebagai platform dalam menilai kemajuan murid.

Bagi Amelia, kebolehan beliau mengingati nama-nama muridnya memudahkan beliau menilai mereka sama ada secara formal mahupun tidak formal. Amelia berasakan beliau bertanggungjawab memastikan kemajuan prestasi muridnya dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Namun penilaian tersebut tidak semestinya direkodkan secara formal. Seperti katanya:

Saya tidaklah rekod kemajuan mereka dalam buku rekod atau atas kertas sebab memang tugas kita untuk pastikan mereka boleh kuasai kemahiran semasa pengajaran dan pembelajaran. Cuma, kita boleh nampak siapa yang dapat ikut dan sebaliknya.

(SMPB/TB/CT/03(10/6/332-337)

Kepada Amelia, peranan sebagai seorang guru adalah memastikan murid berkeupayaan mengikuti dan menepati matlamat pengajaran dan pembelajaran yang di tetapkan. Hal ini sejajar dengan usaha yang dicurahkan dalam memikirkan perancangan secara rapi sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Di samping itu, Amelia menjadikan fasa gerak kerja sebagai landasan untuknya pastikan murid menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang dirancang pada hari itu. Beliau menggunakan kesempatan pada fasa latih

tubi bagi memastikan muridnya melakukan kemahiran dengan betul dan tepat (SMPB/CLAPPf/CT(22/4,6/5). Amelia juga membetulkan kesilapan murid dalam fasa gerak kerja (SMPB/TB/CT/03(10/6). Amelia memastikan kesemua atau majoriti murid menguasai kemahiran yang diajar sebelum beralih kepada fasa yang seterusnya. Amalan pengajaran dan pembelajaran Amelia juga memperlihatkan beliau memberi mandat kepada murid untuk menilai kemajuan sesama mereka. Latih tubi yang dijalankan dalam fasa gerak kerja kumpulan lazimnya digunakan sebagai landasan untuk Amelia mengingatkan muridnya membantu dan membetulkan kesilapan rakan (PM02/03/05/08/011). KEPADANYA, perkara sedemikian membuatkan murid lebih peka dan saling memberikan motivasi dalam melakukan gerak kerja yang diarahkan oleh guru. Selain itu, Amelia menggunakan strategi sedemikian untuk memupuk semangat bekerjasama dalam kalangan murid. Amelia hanya beralih ke intensiti yang lebih tinggi sekiranya beliau berpuas hati dengan kemajuan yang muridnya pamerkan (SMPB/CLAPPf/CT & TB/CT/03(10/6). Perkara ini jelas kelihatan apabila Amelia memberikan arahan lanjut setelah beliau mendekati kumpulan-kumpulan murid semasa murid melakukan gerak kerja. Pengalaman yang ada pada beliau juga membuatkan Amelia tahu sama ada murid telah atau masih belum menguasai sesuatu kemahiran yang di perkenalkan (SMPB/CLAPPnp/CT).

Amelia juga mengemukakan pertanyaan bagi mengetahui pemahaman murid semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung (SMPB/CLAPPf/CT(4/9). Jawapan kepada soalan yang ditujukan secara rawak merupakan salah satu cara Amelia menilai matlamat kognitifnya tercapai atau tidak. Contohnya, apabila Amelia bertanyakan keadaan yang diperlukan apabila



melakukan hantaran aras bola kepala (*over head throw*) dan murid jawab secara beramai-ramai, Amelia memuji mereka (SMPB/PM/CT/08(15/7). Amelia merasakan maklum balas yang diterima daripada murid amat membantu beliau dalam mengubah suai strategi atau pendekatan pengajaran supaya murid mempelajari sesuatu pada akhir pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Keadaan sedemikian juga membantu beliau dalam mengubahsui kelajuan atau rentak pengajaran dan pembelajaran (SMPB/CLAPPf/CT4/9).

Di samping itu, penglibatan mereka dalam gerak kerja kelas, gerak kerja kumpulan dan permainan kecil memberi impak yang besar dalam aspek sosial murid. Murid tidak dapat bermain seorang diri melainkan bersama kumpulan mereka masing-masing. Murid juga dapat bermain dengan jayanya sekiranya mendapat kerjasama daripada ahli pasukan (SMPB/CLAPPnp/CT(24/6,15/7). Sejalan dengan konsep pendidikan menerusi aktiviti jasmani, penglibatan murid menerusi aktiviti yang dijalankan, dinilai dari semasa ke semasa. Amelia tidak teragak-agak membetulkan sikap murid sekiranya beliau merasakan mereka tidak seharusnya melakukan sedemikian. Contohnya, beliau menegur murid yang berdiri terpacak dan tidak cuba mengejar dan menyambut bola yang dihantar oleh rakan sepasukannya semasa aktiviti permainan kecil (SMPB/PM/CT/08(15/7).

Amelia juga membetulkan keadaan sekiranya muridnya tidak bekerjasama antara satu dengan lain. Seperti katanya:

...untuk aktiviti harian, kita bukan hanya mengajar tetapi juga mendidik. Saya tegur mereka yang teruk-teruk (tidak bekerjasama) itu ...Peranan kita bukan sekadar beri ilmu tetapi terapkan ilmu seperti *fair play*, tolong menolong dan hormat menghormati. (SMPB/TB/CT/03(10/6/374-375)

Aspek kerjasama dititikberatkan kerana beliau sedar bahawa peranannya sebagai pendidik bukan hanya memberi ilmu di bilik darjah sebaliknya berperanan dalam menerapkan dan memupuk ilmu kepada murid agar mereka menghargai nilai-nilai murni seperti bekerjasama, tolong menolong dan hormat menghormati di dalam dan di luar gelanggang.

Begitu juga dengan Sara. Biarpun baru pertama kali berhadapan dengan sistem penilaian Pendidikan Jasmani, Sara tidak menjadikan perkara ini sebagai alasan untuk tidak mengesan perkembangan atau kemajuan muridnya menerusi aktiviti yang dijalankan dalam Pendidikan Jasmani. Malah, Sara juga menggunakan fasa gerak kerja untuk menilai psikomotor murid (SMKC/CLAPPf/K). Beliau dengan sabar memastikan muridnya menguasai sesuatu kemahiran sebelum beralih ke kemahiran yang berikutnya. Malah, pendekatan statik dan dinamik yang digunakan dalam gerak kerja menunjukkan Sara mementingkan penguasaan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajarannya. Di samping itu, pertandingan dalam fasa permainan kecil juga dijadikan sebagai penilaian terhadap individu dan kumpulan. Catatan masa atau jumlah pengulangan dalam masa yang ditetapkan merupakan kriteria yang digunakan dalam mengukur kepantasan mereka. Sara tidak membuat catatan mahupun merekod pencapaian mereka. Namun, beliau memberi penjelasan sebagai galakan atau motivasi untuk muridnya (SMKC/CLAPPf/K(25/8)).

Sara juga tidak lupa menggunakan teknik soal jawab bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan tercapai. Beliau menyoal mereka dengan tidak mengira masa bagi mendapatkan maklum balas mengenai kefahaman murid (SMKC/CLAPPf/K(14/4,6/5)). Soal jawab untuk mengetahui

kefahaman murid merupakan amalan yang sering beliau gunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik (SMKC/TB/K/01(17/3). Contohnya, Sara segera menjelaskan kepada murid apabila soalnya tidak berjawab seperti, “Kenapa kamu kena lompat dan sasarkan sokongan di bahagian tengah peti lombol tersebut?” (SMKC/PM/K/11(23/6). Beliau bukan sahaja memberikan jawapan tetapi membuat tunjuk cara dan memberi penjelasan agar muridnya benar-benar faham dan mempraktikkan secara betul.

Episod pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Sara sememangnya eksplisit dengan amalan nilai. Aktiviti yang dirancang dan dilaksana dengan berkonsepkan pertandingan mengikut kumpulan merupakan penilaian Sara terhadap domain afektif murid-muridnya. Contohnya, dengan mengingatkan mereka agar sentiasa bekerjasama dengan pasangan dan kumpulan (SMKC/CLAPPf/K/(15/4) merupakan petunjuk bahawa Sara tidak hanya mementingkan pencapaian motor sebaliknya menitikberatkan elemen kerjasama dan semangat berpasukan.

Bagi Shaari pula, beliau tidak menjadikan aspek kognitif dan psikomotor sebagai elemen dalam penilaian pengajaran dan pembelajarannya. Kepada, murid seharusnya diberi kebebasan bermain dan tidak perlu diberatkan dengan unsur-unsur berbentuk penilaian (SMKC/CLAPPf/CMA(17/7). Oleh sebab tiada berlaku pemindahan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas Pendidikan Jasmaninya, maka tiada juga penilaian. Shaari yakin muridnya membina dan menimba sendiri pengetahuan daripada aspek psikomotor, kognitif dan afektif sekiranya mereka menyertai dan melibatkan diri dalam permainan bola sepak. Seperti katanya:

Saya yakin sekiranya mereka main dan melibatkan diri, mereka akan dapat ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif. Memang kita boleh nampak perkembangan mereka yang main ini dari semasa ke semasa. Daripada aspek skil, tahu bila hendak *tackle*, bila hendak *attack* ...dan yang penting semangat dan kerjasama mereka dalam pasukan tersebut. Sebab itu, penyertaan dan penglibatan aktif mereka terlalu penting dalam Pendidikan Jasmani.

(SMKC/TB/CMA/07(1/8/65-73)

Shaari berasakan bahawa penglibatan aktif murid dalam permainan bola sepak membuka ruang kepada murid menimba kemahiran dalam permainan, pengetahuan dan pengalaman. Shaari meletakkan dirinya sama seperti murid dan merasakan penglibatan dalam permainan merupakan faktor penting dalam memupuk, meningkat dan mengekalkan ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif. Amalan Shaari yang sering memberi ulasan kepada kedua-dua pasukan yang bermain bola sepak pada waktu Pendidikan Jasmani, berkisar kepada peranan setiap ahli pasukan menampakkan guru ini memberatkan elemen afektif dalam permainan tersebut. Seperti katanya:

Kitapun memang terlibat dengan permainan dan sukan. Kita jadi jurulatih ke, guru pengiring ke di sekolah ini, kita memang nasihat budak supaya jangan main seorang ...kecuali lah macam permainan badminton *single* itu. Memang kerjasama penting dalam sukan dan permainan. Lagipun semua ahli hendak menang. Sebab itu, saya banyak ulas mereka dari aspek ini.

(SMKC/TB/CMA/07(1/8/73-78)

Sifat kerjasama yang sering ditekankan oleh Shaari terhadap murid disebabkan beliau merasakan nilai yang wujud dalam aspek afektif mampu memberi kejayaan kepada individu dan ahli-ahli dalam pasukan mereka. Tanggungjawab Shaari dalam mengingatkan murid mengenai semangat kerjasama dalam pasukan merupakan perkara yang sentiasa bermain di bibirnya. Shaari menyuarkan pandangan sedemikian mungkin disebabkan pengalaman yang pernah beliau lalui dalam melibatkan diri dalam bidang sukan dari dahulu sehingga ke saat ini. Di samping itu, penglibatan aktif beliau dalam Pendidikan Luar juga merupakan faktor Shaari amat menghargai semangat kerjasama sedemikian.

Seperti Shaari, Azim juga yakin murid-muridnya membina dan menimba sendiri pengetahuan dan semangat kerjasama sekiranya mereka menyertai dan melibatkan diri dalam permainan bola sepak. Azim menegur murid yang tidak berkerjasama dalam pasukan. (SMKST/TB/SYAM/07(30/7). Azim juga tidak jemu menerapkan semangat kerjasama di samping pemupukan amalan nilai seperti tidak mudah putus asa dalam kalangan mereka sewaktu permainan (SMKC/CLAPPf/SYAM(23/7). Azim berpendapat bahawa kecenderungan muridnya kepada permainan bola sepak yang juga merupakan antara permainan yang boleh melibatkan ramai murid dengan alatan yang minimum, perlu dimanfaatkan sepenuhnya dari aspek kerjasama, berusaha dan tidak mudah putus asa. Seperti katanya:

Kita tahu murid minat bola sepak. Mainlah betul-betul bola sepak ini. Mana ada orang main bola sepak sorang! jadi, alang-alang main, kerjasama mesti pentingkan! pasukan kuat macam manapun kalau tidak ada kerjasama, *sure* kalah. Satu lagi, saya selalu cakap semasa KH (Kemahiran Hidup), jangan putus asa ...kejar bola tu

sampai dapat, jangan hanya biar macam itu. Inilah lebihnya permainan berpasukan!

(SMKST/TB/SYAM/02(9/4/258-262)

Azim mengetahui murid-muridnya mempunyai kecenderungan dan minat yang tinggi dalam permainan bola sepak. Justeru, murid seharusnya menggunakan dan mengambil kesempatan terhadap ruang yang diberi pada waktu Pendidikan Jasmani secara maksimum. Walau bagaimanapun, Azim tidak mengambil peduli mengenai penilaian komponen kognitif dan psikomotor. Seperti katanya;

Kalau ada peluang berada di zon selesa, buat apa susah-susah hendak nilai mereka ...asal murid *happy* dan *enjoy* sudah memadai!

(SMKST/TB/SYAM/07(30/7/103-105)

Azim berasakan pentadbir sekolah tidak menghargai usaha yang dilakukan berkaitan Pendidikan Jasmani dan Sukan. Kepada, pentadbir dan masyarakat di sekolah termasuklah murid hanya mementingkan peperiksaan yang berorientasikan akademik serta tidak menghargai penat lelah yang dicurahkan dalam bidang ini. Selain itu, Azim juga merasakan penilaian yang dijalankan dalam bidang Pendidikan Jasmani hanya bersifat sia-sia serta “tidak ada siapa yang kisah!” (SMKST/TB/SYAM/07(30/7). Hal ini membuatkan Azim kurang atau tidak bermotivasi meneruskan elemen penilaian meskipun dalam menjalankan Ujian Segak seperti yang diarahkan oleh pihak JPWP.

### *Penilaian Sumatif*

Penilaian sumatif bertujuan mengesan taraf pencapaian murid dalam sesuatu darjah atau kumpulan dilakukan dengan mengambil kira ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif (Miller, 2006). Penilaian sumatif digunakan pada peringkat akhir sesuatu topik pengajaran bagi mengetahui tahap penguasaan dan pencapaian murid. Lazimnya, penilaian sumatif yang digunakan adalah berbentuk permarkahan yang mengutamakan aras gred atau diberikan pangkat kepada pencapaian yang dikuasai oleh murid. Dapatan kajian menunjukkan Amelia, Sara dan Shaari menjalankan penilaian sumatif untuk ketiga-tiga komponen sebaliknya Azim hanya menjalankan penilaian sumatif bagi komponen kognitif dan afektif.


Amelia menjalankan penilaian sumatif kerana beliau tidak memandang mudah interaksi yang dijalankan semasa Pendidikan Jasmani. KEPADANYA, penilaian Pendidikan Jasmani bertujuan menentu dan mengetahui aras kemampuan murid di samping menentukan kumpulan murid berasaskan kebolehan. Walaupun penilaian bertulis dijalankan pada akhir tahun berasaskan norma yang tertentu, Amelia tidak pernah rasa beliau terlambat untuk memberi maklum balas kepada muridnya. Sebaliknya beliau merasakan muridnya lebih menumpukan perhatian terhadap aktiviti dan pengajaran dan pembelajaran kerana berasaskan mereka dinilai oleh guru pada setiap masa dan sepanjang tahun.

Dengan persetujuan panitia PJK SMK Satu, ketetapan diambil bahawa nisbah peperiksaan bertulis, ujian kemahiran, folio dan sikap adalah seperti yang tertera pada rajah 4.1 (SMPB/Dok/CT(17/6)). Bagi penilaian sumatif komponen psikomotor, Amelia menilai kemahiran daripada permainan yang diajar. Beliau

mengambil inisiatif merangka lembaran skor bagi menentukan elemen yang dinilai (Lampiran Q). Contohnya, Amelia menetapkan 10 percubaan untuk muridnya lakukan jaringan secara statik dan 10 percubaan untuk jaringan secara dinamik bagi permainan bola jaring, (SMPB/TB/CT/03(10/6)). Dalam hal ini Amelia menetapkan kriteria yang tertentu yang ingin muridnya lakukan dan secara tidak langsung muridnya tahu bahawa aktiviti yang mereka jalani perlu dipelajari dengan bersungguh-sungguh.

Amelia juga menjadikan ujian SEGAK sebagai platform untuk menilai komponen kecergasan muridnya secara khusus berdasarkan norma yang ditetapkan (SMPB/CLAPPs/CT(1/4)). Walau bagaimanapun, gred yang dicapai oleh murid menerusi ujian SEGAK tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada markah untuk peperiksaan. Gred itu hanya bertindak sebagai rekod yang perlu dipantau dan disimpan untuk tujuan penilaian prestasi kecergasan murid. Rekod pencapaian ujian SEGAK ini juga disimpan sekiranya diperlukan oleh pihak JPWP. Amelia merasakan kecergasan merupakan aspek yang harus dibina menerusi Pendidikan Jasmani dan memadai dengan merekodkan pencapaian murid menerusi Ujian SEGAK (SMPB/TB/CT/03(10/6)).





Rajah 4.1. Nisbah Penilaian Sumatif yang dijalankan untuk PJK SMK Satu

Bagi komponen kognitif pula, penilaian adalah berdasarkan folio dan peperiksaan akhir tahun (SMPB/Dok/CT(17/6)). Ketetapan mesyuarat pertama panitia memutuskan tajuk folio haruslah bersesuaian dan tidak berulang dengan tajuk-tajuk pada tahun sebelumnya. Amelia percaya, dengan mengumpulkan dan membukukan maklumat berkaitan jenis-jenis permainan gelanggang dan padang untuk folio, murid mempelajari sesuatu dan mendapat manfaat daripada folio yang dihasilkan. Malah, beliau sendiri mengeluarkan beberapa soalan peperiksaan akhir tahun berdasarkan folio yang murid lakukan semata-mata sebagai galakan mereka menghayati hasil kerja yang dilakukan. Manakala, peperiksaan akhir tahun pula menilai perkara-perkara yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tingkatan 1. Untuk tujuan tersebut, pemberatan untuk komponen Pendidikan Jasmani adalah sebanyak 50% dan selebihnya untuk komponen Pendidikan Kesihatan. Bagi memudahkan rujukan murid dan panduan

menerbitkan soalan peperiksaan, Amelia merujuk buku teks dan nota-nota yang diberikan dalam menggubal soalan-soalan peperiksaan (SMPB/TB/CT/03(10/6).

Temu bual yang dilakukan terhadap salah seorang daripada muridnya mengesahkan bahawa folio membantu dalam mengayakan maklumat terhadap sesuatu tajuk. Seperti katanya “bila buat folio, saya tahulah jenis-jenis permainan padang dan gelanggang. Dulu tahu bola sepak dan bola jaring sahaja” (SMPB/TBM/CT/M04(5/8).

Untuk komponen afektif, penilaian Amelia adalah berdasarkan amalan nilai. Walaupun Amelia menilai murid dari semasa ke semasa tetapi untuk tujuan pemberian markah beliau menilai kehadiran murid ke kelas. Amelia merasakan tindakannya untuk memberi penilaian berdasarkan kehadiran mereka ke kelas Pendidikan Jasmani adalah tepat dan eksplisit. Seperti katanya:

Memang kita lihat sikap mereka dari masa ke masa. Tapi, untuk tujuan markah, saya ikut kehadiran ke kelas PJ. Kalau memanjang (sering) saja tidak bawa baju, markah tidak akan penuh. Kalau sikap terlalu teruk seperti ponteng kelas PJ, saya akan ambil kira! Penilaian seperti ini memang nyata dan tidak ada pertikaian!

(SMPB/TB/CT/03(10/6/247-249)

Amelia mempraktik penilaian pengajaran dan pembelajaran secara telus. Dengan cara sedemikian murid tahu aspek-aspek yang dinilai dalam Pendidikan Jasmani. Hal ini penting terutama dalam kalangan murid yang berada di transisi sekolah rendah kepada Tingkatan 1 kerana mereka perlu jelas dengan senario dan kehendak sesebuah sekolah. Selain itu, sifat keanak-anakan murid masih tebal

mengenai markah peperiksaan dan masing-masing berlumba mendapatkan markah peperiksaan secara maksimum meskipun terpaksa menagihnya dari guru (SMPB/TB/CT/03).

Seperti mata pelajaran lain, Amelia menjalankan tanggungjawab menilai murid-muridnya dengan cara yang sistematik. Muridnya tahu mereka dinilai dari semasa ke semasa. Muridnya juga akur bahawa mereka dikehendaki menduduki peperiksaan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan pada akhir tahun kelak. Hal ini membuatkan murid mengambil berat akan perkara yang dituturkan semasa menjalani Pendidikan Jasmani. Konsep main semata-mata perlu dihindarkan sebaliknya mereka dimaklumkan bahawa mereka dinilai menerusi aktiviti yang dijalani berdasarkan sukatan yang digariskan dalam kurikulum kebangsaan.

Selain dari mengetahui tahap penguasaan dan pencapaian murid, penilaian sumatif membantu Amelia menyusun strategi serta langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang. Perkara ini dirasakan penting kepada Amelia kerana konteks sekolah akan tetap sama dan tidak banyak berubah dari masa ke semasa. Namun tahap dan kebolehan murid tidak akan sama setiap tahun. Justeru, beliau menjadikan keputusan penilaian sebagai 'modal' untuknya berbincang dengan pentadbir dan panitia sekolah tentang pelan tindakannya pada masa-masa akan datang. Hal ini termasuklah penggunaan perkapita gran (PCG) Pendidikan Jasmani serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah. Bagi Amelia, meskipun Pendidikan Jasmani tidak memerlukan analisis pemarkahan tetapi penilaian yang dijalankan adalah untuknya memperjuangkan permintaan ke arah penambahbaikan Pendidikan Jasmani dari semasa ke semasa

(SMPB/TB/CT/03(10/6). Perkara ini disahkan oleh Pengetua sekolahnya. Antara kata-kata yang beliau luahkan adalah:


Bagi saya PJ memang penting. Saya memang pastikan tidak ada guru lain yang ambil waktu PJ untuk ulangkaji mata pelajaran lain. Kalau murid tidak menjalani PJK di sekolah, di rumah juga belum tentu. Saya beritahu dengan guru-guru PJK, duit PCG ada ... walaupun kita tidak dapat beli alatan sebab tempat terhad, gunakan duit itu untuk beri pengetahuan mengenai kepentingan lakukan senaman pada murid. Jemput orang luar, beri ceramah, buat pameran kesihatan ke ... kita boleh bayar.

(SMPB/TB/Pengetua/11/09/08)

Kata-kata yang diluahkan oleh pengetua sekolah menggambarkan beliau positif terhadap kepentingan Pendidikan Jasmani dan keadaan ini memberi suntikan kepada Amelia untuk meneruskan perjuangan beliau dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani sebaik mungkin. Pengalaman Amelia di SMK Satu yang hampir dua dekad membuatkan beliau kreatif dengan adaptasi yang dibuat serta yakin bahawa kekangan kemudahan infrastruktur yang dihadapinya masih mampu menepati pelaksanaan yang dihasratkan dalam kurikulum kebangsaan.

Seperti SMK Satu, persetujuan dan ketetapan panitia PJK SMK Tiga diambil bahawa penilaian sumatif mengambil kira peperiksaan kertas pensil dan amalan nilai (Rajah 4.2) (SMKST/Dok/SYAM(18/6). Penilaian sumatif dijalankan secara formal pada pertengahan tahun menerusi ujian kertas pensil bagi menilai komponen kognitif. Walaupun peruntuk markah adalah 70% daripada keseluruhan

markah Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, namun hanya separuh soalan adalah berkaitan Pendidikan Jasmani.



Rajah 4.2. Nisbah Penilaian yang dijalankan untuk PJK SMK Tiga

Seperti Amelia, Azim juga merujuk buku teks dalam menggubal soalan dan perkara ini diberitahu kepada muridnya agar mereka juga menjadikan buku teks sebagai panduan dalam mengulangkaji peperiksaan (SMKST/TB/SYAM/07(30/7)).

Azim menjadikan penglibatan dan penyertaan aktif murid sebagai amalan nilai yang diambil kira untuk 30% daripada keseluruhan markah Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Azim mempunyai kriteria yang tersendiri dalam memberi markah terhadap amalan nilai muridnya. Beliau yang berpandukan kepada penglibatan dan penyertaan aktif mereka semasa berada di kelas Pendidikan Jasmani tidak teragak-agak memberikan markah secara maksimum. Sebaliknya, murid yang tidak aktif semasa Pendidikan Jasmani diberikan 1/3 daripada markah yang diperuntukkan. Seperti katanya:

Memang subjektif untuk beri markah amalan nilai ...tetapi saya senang saja, saya tengok mereka semasa PJ. Dia ada dua, sama ada turun padang atau tidak. Kalau turun, maksudnya mereka hendak main. Kalau tidak, mereka memang tidak mahu PJ. Jadi yang turun macam muka-muka selalu kita tengok, saya tidak ada masalah bagi *full marks*. Buat apa hendak simpan markah. Tetapi, kalau yang tidak turun, saya bagi 1/3. Sekurang-kurangnya dia ada dekat sini tengok kawan-kawan main ...kalau dia merayau dan kena tangkap, dia memang kena denda atau kena hukum dengan cikgu disiplin ... paling tidak kena marah!

(SMKST/TB/SYAM/07(30/7/109-120)

Azim yakin, walaupun murid yang tidak melibatkan diri secara aktif di padang tetapi mereka tetap memberi sokongan kepada rakan-rakan yang main. Sokongan yang mereka berikan membolehkan mereka mendapat 1/3 daripada markah yang diperuntukkan untuk komponen afektif tersebut. Walau bagaimanapun, Azim hanya memantau perkembangan psikomotor muridnya. Azim tidak menilai secara formal keupayaan mereka. Beliau yakin terdapatnya perkembangan dari aspek tersebut sekiranya murid melibatkan diri dalam aktiviti jasmani. Namun beliau membuat ketetapan untuk tidak membuat penilaian mahupun merekodkan pencapaian mereka kerana merasakan perkara sedemikian bersifat sia-sia sedangkan keputusan penilaian tersebut tidak langsung diambil peduli. Seperti katanya:

Ala, hendak nilai atau rekod apa? Ajar memang tidak ikut sukatan ... saya akui. Hendak susah-susah nilaipun markah tidak ke mana?

Subjek lain ada analisis la, itu la ...PJ? *Last-last* (akhirnya) ke tong sampah markah itu. Baik tidak payah buat.


(SMKST/TB/SYAM/07(30/7/175-177))

Azim berpendirian sedemikian kerana merasakan usahanya dalam menilai murid secara formal tidak membawa kepada sebarang matlamat. Tanggapannya bahawa masyarakat tidak mengendahkan Pendidikan Jasmani terlalu tebal dan menurunkan motivasinya untuk teruskan usaha dalam menilai pencapaian dan kebolehan mereka dari aspek psikomotor. Walau bagaimanapun, Azim masih akur dengan kehendak yang disuratkan oleh pihak sekolah dalam menilai pencapaian murid dalam Pendidikan Jasmani menerusi peperiksaan pertengahan tahun. Beliau menganggapnya sebagai suatu tanggungjawab yang harus dipenuhi sebagai seorang guru di sekolah.

Azim memahami konsep penilaian sumatif. Namun beliau menganggap peperiksaan pertengahan tahun PJK di sekolahnya bersifat formaliti dalam menilai pencapaian murid sedangkan penilaian tersebut tidak menilai perkara yang seharusnya dinilai. Justeru, gred atau pangkat kepada pencapaian yang dikuasai oleh murid di sekolah menerusi penilaian sumatif tidak dianggapnya sebagai petunjuk terhadap tahap pengetahuan atau penguasaan pencapaian murid dalam Pendidikan Jasmani (SMKST/TB/SYAM/07(30/7)). Azim juga merasakan keputusan yang diperoleh dari penilaian tidak diendahkan oleh pentadbir, guru-guru lain mahupun muridnya sendiri dan membuatkan dirinya tidak rasa bersalah dengan mengaggap penilaian pengajaran bersifat formaliti semata-mata.

Bagi Shaari dan Sara pula, komponen penilaian sumatif yang ditetapkan adalah sama. Hal ini kerana persetujuan awal dibuat oleh panitia bahawa murid

dinilai berpandukan pecahan yang ditetapkan. Nisbah yang dipersetujui oleh panitia Pendidikan Jasmani SMK Dua seperti peperiksaan bertulis, folio dan sikap adalah seperti yang tertera pada rajah 4.3. (SMKC/Dok/(22/7).



Rajah 4.3. Nisbah Penilaian yang dijalankan untuk PJK SMK Dua

Menerusi penilaian sumatif, murid dinilai dengan menduduki ujian kertas pensil bagi menilai komponen kognitif. Walaupun peruntukan markah adalah 70% daripada keseluruhan markah Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, namun hanya 50% adalah soalan-soalan berkaitan Pendidikan Jasmani. Sistem penilaian di SMK Dua juga menetapkan bahawa murid dikehendaki menghasilkan folio berkaitan isu-isu kesihatan seperti penyakit berjangkit atau makanan berkhasiat. Lazimnya tajuk-tajuk folio dibincangkan seawal bulan Januari setiap tahun dan murid dikehendaki menghantarnya tiga minggu sebelum bermula peperiksaan pertengahan tahun. Kesempatan ini juga diambil oleh Sara dan Shaari untuk mengemukakan soalan-soalan peperiksaan selain menjadikan buku teks sebagai rujukan utama (SMKC/Dok/(22/7).



Sara yang masih baru dengan cara dan corak penilaian Pendidikan Jasmani masih belum mendapat rentak yang sesuai dalam menilai prestasi murid. Penilaian yang melibatkan aspek kemahiran atau domain psikomotor masih asing baginya. Hal ini jelas tergambar menerusi kata-kata yang pernah diluahkan seperti:

Saya menilai mereka sepanjang masa tetapi saya tidak tahu untuk menilai mereka secara formal. Permainan atau kemahiran yang macam mana untuk dinilai secara formalpun saya kurang pasti ... yang ditetapkan ikut pecahan, jadi, saya jalankan ikut macam yang dipersetujui panitia.

(SMKC/TB/K/08(29/7/104-107))

Sara bertindak mengikut prosedur yang ditetapkan. Beliau menilai muridnya berdasarkan cadangan yang diputuskan dalam menyuarat panitia PJK di sekolahnya. Namun, sebagai pendidik, beliau sentiasa menilai kemajuan dan perkembangan mereka sepanjang masa, berdasarkan objektif yang ditetapkan dalam pengajaran dan pembelajarannya.

Shaari pula merasakan penilaian Pendidikan Jasmani tidak membawa kepada sebarang tujuan selain daripada membebankan guru dan murid. Kata-katanya seperti: “Bukan guna apapun. Budakpun buat macam sambil lewa. Mereka tahu tidak membantu dalam markah peperiksaan” (SMKC/TB/CMA/07). Beliau bersikap sedemikian kerana berasa bahawa murid-muridnya tidak menganggap penilaian dalam Pendidikan Jasmani sebagai sesuatu yang penting.

Sebaliknya Shaari merasakan murid hanya menganggap ujian kemahiran sebagai salah satu dari aspek permainan yang harus mereka jalani. Seperti katanya:

Kita suruhlah murid baris ikut kumpulan ke atau baris ikut kelas, kemudian nyatakan kemahiran yang hendak dinilai, mereka akan buat tetapi hanya lepaskan batuk di tangga. Itupun sebab takut kena marah. Pasal apa, pasal dia tahu tidak kira dalam markah periksa.

(SMKC/TB/CMA/07(1/8/61-65)

Shaari merasakan konsep penilaian sumatif yang bertujuan untuk mengetahui prestasi dan kemajuan murid, tidak dapat diperoleh kerana sikap murid yang memandang ringan perkara ini. Beliau beranggapan murid sekadar mengikuti arahan guru tanpa adanya perasaan untuk menunjukkan kepada guru akan kemajuan atau prestasi mereka masing-masing.

Walau bagaimanapun, Shaari dan Sara mematuhi arahan menjalankan Ujian SEGAK bagi menilai komponen kecergasan. Namun, gred yang dicapai oleh murid menerusi ujian SEGAK tidak diambil kita sebagai sebahagian daripada komponen pemarkahan, sebaliknya hanya sebagai rekod prestasi kecergasan yang perlu disimpan (SMKC/Dok/4/8).

Shaari dan Sara mempunyai cara yang berbeza dalam menilai komponen afektif bagi penilaian sumatif. Mereka mempunyai kriteria yang tertentu dalam menilai murid. Penilaian Sara berdasarkan amalan nilai yang ditonjolkan oleh muridnya. Walaupun nilai begitu subjektif, beliau memberikan markah dan merekodnya berdasarkan budi bicaranya. Sara memberikan markah yang

maksimum kecuali sekiranya mereka mempunyai masalah seperti sering tidak membawa pakaian dan ponteng ke kelasnya. Seperti katanya:

Markah nilai amalan terletak pada budi bicara guru. Selalunya, saya bagi markah maksimum. Budak-budak ini tidak ada masalah. Mereka buat apa yang saya suruh dengan bersungguh-sungguh. Kalau tidak dapat markah penuhpun bila selalu sangat tidak bawa baju atau ponteng. Kalau tidak, memang tidak ada masalah untuk beri markah maksimum. Yang ini saya tidak buat dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik. Salah jawapan, markahnya adalah '0'.

(SMKC/TB/K/08(29/7/94-99))

Sara menghormati dan menghargai penglibatan muridnya pada waktu Pendidikan Jasmani. Keadaan sebegini tidak terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran Matematiknya di mana beliau tidak akan berkompromi sekiranya jawapan yang diberikan adalah salah. Justeru, Sara hanya akan menolak markah murid sekiranya mereka tidak mengambil bahagian pada waktu Pendidikan Jasmani.

Sementara itu, kriteria yang ditentukan oleh Shaari untuk komponen afektif iaitu amalan nilai adalah berlainan. Shaari menjadikan penglibatan dan penyertaan aktif murid sebagai kriteria untuk amalan nilai tersebut. Baginya, walaupun mereka tidak ponteng dan turun ke padang, namun tidak semua bersikap aktif semasa bermain. Seperti katanya:

Untuk nilai, saya kategorikan kepada 3 iaitu, yang aktif bermain, kedua, yang turun dengan baju sukan tetapi hanya duduk di tengah padang, dan ketiga, golongan yang suka kutip sampah iaitu tidak

membawa baju sukan langsung. Golongan pertama tidak ada masalah. Golongan kedua ini, memang mereka turun padang tetapi ramai duduk di tengah padang tidak mahu kejar bola. Mereka tahu, kalau tidak bawa baju nanti kena kutip sampah. Mereka ini malas hendak main, cuma lebih baik sedikit daripada yang tidak bawa baju langsung. Jadi, keadaan macam ini menjadi kriteria saya menilai mereka.

(SMKC/TB/CMA/07(1/8/33-41)

Kepada Shaari, murid layak menerima markah yang penuh sekiranya mereka menunjukkan kesungguhan dalam melibatkan diri pada waktu Pendidikan Jasmani. Sikap yang murid tonjolkan terhadap Pendidikan Jasmani menarik perhatian Shaari. Beliau berasakan murid harus tahu bahawa sikap mereka terhadap Pendidikan Jasmani diperhatikannya.

### **Rumusan**

Bab IV memperihalkan dapatan kajian tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani oleh guru Tingkatan 1 di sekolah. Pembentangan dapatan dimulakan dengan mendeskripsi profil dan konteks tiga tapak kajian dan empat orang peserta kajian, di samping menghuraikan konsepsi mereka terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani. Hal ini diikuti dengan pembentangan dapatan kajian berhubung dengan Pendidikan Jasmani di sekolah, iaitu dari fasa perancangan, penyampaian dan penilaian.

Dalam fasa perancangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen perancangan yang mempengaruhi peserta kajian adalah dokumen rasmi seperti sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, dan rancangan tahunan; kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah; pengalaman, pengetahuan dan kemahiran guru; dan ciri-ciri murid yang diajar termasuk pengetahuan sedia ada mereka. Amelia mengambil kira kesemua elemen yang terkandung dalam perancangan tersebut. Begitu juga halnya dengan Sara. Namun Sara tidak mengambil kira ciri-ciri murid kerana yakin dan percaya kandungan kurikulum Pendidikan Jasmani digubal dengan mengambil kira tahap dan kebolehan murid. Keadaan sebaliknya berlaku terhadap Shaari dan Azim yang menjadikan perancangan pengajaran dan pembelajaran hanyalah sebagai formaliti dalam melengkapkan buku rekod pengajaran dan pembelajaran mereka.

Fasa penyampaian pula, dibincangkan elemen pengurusan dalam penyampaian kurikulum, dan elemen pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Bagi elemen pengurusan, Amelia memberi perhatian kepada disiplin murid dan kawalan kelas, kehadiran murid, pakaian dan keseragaman berpakaian. Begitu juga dengan Sara dan Shaari di mana mereka memberi perhatian terhadap perkara yang sama kecuali dalam menetapkan keseragaman berpakaian. Namun, keadaan ini tidak berlaku terhadap Azim sebaliknya Azim hanya mewajibkan murid turun ke padang bola dengan berpakaian sukan yang bersesuaian. Azim tidak memberi perhatian terhadap disiplin murid dan kawalan kelas, kehadiran murid serta keseragaman berpakaian.

Bagi pengendalian aktiviti, dua elemen yang dibincangkan adalah tunjang pembelajaran yang terdiri daripada kecergasan, kemahiran dan kesukanan; dan

amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada urutan dan strategi pengajaran. Dapatan menunjukkan bahawa Amelia dan Sara mengendalikan tunjang pembelajaran berdasarkan agihan yang disarankan, manakala pengendalian aktiviti Shaari dan Azim adalah tidak secara menyeluruh dan tidak bersandarkan kepada cadangan agihan yang diperuntuk. Dapatan juga mendapati peserta kajian berhadapan dengan ketegaran yang berbeza dalam mempraktikkan urutan pengajaran dan pembelajaran dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Amelia dan Sara mempunyai dan mempraktikkan urutan pengajaran secara progresif dan perkara ini tidak berlaku terhadap Shaari dan Azim. Dapatan juga memperlihatkan Amelia dan Sara mempunyai strategi pengajaran yang eksplisit berbanding Shaari dan Azim. Rangkaian terakhir iaitu rangkaian penilaian pula menunjukkan bahawa peserta kajian tidak terkecuali dari menjalankan penilaian formatif dan penilaian sumatif dengan ketegaran yang berbeza.